

"BETA amatlah berharap supaya pihak-pihak yang berkenaan dengan keamanan serta juga orang ramai, akan dapat memastikan negara ini bebas daripada sebarang masalah sosial, terutamanya jenayah yang semakin meningkat." - Titah sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-53 tahun, 1999.



قلیتا برونی Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"SESUNGGUHNYA orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina." - Surah Al-Mu'min ayat 60.

TAHUN 46 BILANGAN 20 RABU 16 MEI, 2001/1422 رابو 22 صفر

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

HADAPI ARUS PERUBAHAN TEKNOLOGI

BEIJING, 15 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa setiap negara ekonomi dalam rantau Asia-Pasifik mesti menghadapi arus perubahan teknologi dengan cara dan tindakan masing-masing.

Walau bagaimanapun titah baginda, ianya bukanlah suatu perkara yang mudah, tetapi kejayaannya sangatlah penting.

Ini titah baginda lagi, seten-tunya berlaku kerana pembangunan yang pesat mengambil tempat dalam teknologi. Ini bermakna bahawa setiap negara anggota APEC perlu mencapai tenaga dan pengetahuan secara berterusan dan serta-merta.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Mesyuarat Pembukaan Rasmi Peringkat Tertinggi bagi membincangkan inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC yang berlangsung di Great Hall of The Peoples, Republik Rakyat China di sini.

Dalam bidang yang praktikal titah baginda, setiap negara anggota APEC perlu memaksimumkan faedah daripada keuntungan daripada pasaran-pasaran yang kini terbuka dalam perniagaan dan pelaburan.

"Untuk mendapatkannya, kita mesti memperkembangkan rakyat kita dengan tenaga yang sentiasa terkini seperti tenaga yang perlu dibawa ke peringkat antarabangsa yang kompetitif. Secara keseluruhannya, jika rakyat kita berhasil dalam ekonomi baru, kejayaan yang dicapai amatlah bererti," titah baginda.

Di Negara Brunei Darussalam titah baginda, kita juga bertanggungjawab untuk membantu rakyat mengambil setiap peluang baru yang kini terbuka luas.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini bekerja rapat dengan para perwakilan daripada institusi-

institusi perniagaan, latihan dan pendidikan.

Baginda bertitah, penghalang yang perlu kita atasi ialah kenyataan bahawa setiap anggota APEC sentiasa menghadapi perubahan dalam pembangunan ekonomi.

Untuk mengatasi halangan tersebut, baginda penuh percaya bahawa teknologi baru yang ditawarkan dapat membantu proses pembangunan.

"Banyak kerja yang perlu dilakukan sekarang di rantau ini yang mengambil tempat dalam institusi pendidikan dan melalui inisiatif perniagaan dan pertubuhan antarabangsa," titah baginda.

Maka ke arah itu, baginda

Laporan Haji Jaafar HI dan Dk. Hjh. Saidah PHOA dari Beijing

penuh berkeyakinan, perhimpunan tersebut sangat berharga dan perlu penambahan baru untuk menca-painya.



BRUNEI BANTU CHINA JAYAKAN APEC 2001

BEIJING, 15 Mei. - Negara Brunei Darussalam akan memberikan sokongan penuh dan bantuan kepada Republik Rakyat China dalam memastikan kejayaan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang akan dilangsungkan di Shanghai bulan Oktober depan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan jaminan berkenaan ketika bertitah di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Peringkat Tertinggi APEC mengenai Pembangunan Kapasiti Manusia yang diadakan di Great Hall of The Peoples, Republic of China, Beijing di sini.

Sehubungan dengan itu, baginda bertitah menyampaikan ucapan penghargaan di atas sokongan yang diberikan oleh Republik Rakyat China semasa Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak APEC Ke-7 pada bulan November tahun lalu di Bandar Seri Begawan.

Baginda menekankan lawatan baginda ke Beijing itu adalah atas semangat yang sama iaitu bagi kepentingan serantau atau kerjasama.

Menyentuh mengenai mesyuarat di Beijing, baginda bertitah menjelaskan bahawa perhimpunan tersebut akan membincangkan cabaran-cabaran genting yang dihadapi oleh rantau Asia-Pasifik.

"Tugas utama mereka ialah untuk mencari jalan supaya penduduk di rantau tersebut mengambil

kesempatan daripada peluang-peluang yang kini terbuka kepada mereka dalam ekonomi baru," titah baginda.

Terdahulu dari itu, baginda bertitah mengenai hubungan rapat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China yang kini sudah mencapai usia 10 tahun Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China menjalin hubungan diplomatik pada 30 September, 1991.

Hubungan persahabatan dan kerjasama titah baginda kini dapat dinikmati di antara kedua-dua buah negara.

Terdahulu dari itu, keberangkatan baginda ke majlis tersebut dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin.

Baginda dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China selepas itu diperkenalkan dan bersalaman dengan ketua-ketua perwakilan daripada 21 buah negara anggota APEC.

Kemudian baginda dan Tuan Yang Terutama berserta para ketua perwakilan mengabadikan gambar ramai. Seramai 350 perwakilan akan membincangkan langkah-langkah untuk membangun sumber tenaga manusia di rantau Asia-Pasifik.

Sementara itu seramai 160 wartawan membuat liputan mesyuarat berkenaan daripada beberapa buah agensi termasuk agensi-agensi media antarabangsa seperti Reuters, AP dan AFP.



PERTEMUAN DUA PEMIMPIN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng bersalaman penuh kemesraan sejurus sebelum kedua-dua pemimpin itu mengadakan perjumpaan di Great Hall of The Peoples, Republic of China pada 14 Mei di Beijing.

Kebawah DYMM berangkat ke Republik Rakyat China

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Republik Rakyat China bagi menghadiri mesyuarat mengenai dengan pembangunan keupayaan manusia anjuran Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Mesyuarat yang berlangsung pada 15 dan 16 Mei itu dipengerusi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin.

Juga hadir mengucapkan selamat berangkat termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet dan timbalan-timbalan menteri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
ثَمُورُهُ دَانَ مَهَا ثِيَابُغْ

Dari Sidang Pengarang

16 MEI, 2001 BERSAMAAN 1422 22 صفر

BRUNEI - CHINA TINGKATKAN HUBUNGAN

SEJARAH telah membuktikan hubungan baik antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China sudah terjalin sejak abad ke-5 lagi, terutamanya yang berasaskan perdagangan dan ekonomi. Hubungan dua hala itu terus mantap dengan ikatan yang lebih kukuh melalui pernyataan bersama yang mengesahkan hubungan rasmi kedua-dua negara pada 30 September, 1991. Berikutan hubungan bersejarah itu, kedua-dua negara telah menubuhkan pejabat perwakilannya masing-masing di Beijing dan Bandar Seri Begawan.

Bertitik-tolak daripada peristiwa itu, kedua-dua negara terus menjana pelbagai usaha ke arah mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama melalui pertukaran lawatan pemimpin dan pegawai-pegawai peringkat tertinggi termasuklah mengadakan pertemuan dua hala tahunan. Hubungan baik itu membuahkan hasil sebagaimana yang dijangkakan apabila kedua-dua buah negara menandatangani tiga perjanjian dalam bidang pelaburan, perusahaan minyak dan pengurusan lawatan rakyat Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam pada 17 November, 2000.

Baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi berangkat ke Beijing bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Tinggi bagi membincangkan inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC bersama pemimpin Republik Rakyat China.

Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng menyifatkan lawatan baginda kali ini akan terus memperkukuh kerjasama terutama sekali di bidang ekonomi dan perdagangan kedua-dua buah negara. Sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan negara ke Republik Rakyat China pada tahun 1993, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China terus erat dan bertambah kukuh dengan pelbagai kerjasama dan perjanjian telah dapat dijalin dan dimeterai dengan jayanya.

Isu pembangunan kapasiti manusia mendapat keutamaan tertinggi dalam Persidangan APEC sebagaimana keputusan yang dicapai dalam mesyuarat para jemaah ketua ekonomi APEC di Bandar Seri Begawan pada bulan November, 2000.

Justeru itu, Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China memilih isu ini sebagai agenda utama dalam pertemuan peringkat tinggi ke arah merangka kerjasama bagi menghasilkan pembangunan kapasiti manusia yang dihasratkan itu. Ini merupakan kali pertama kedua-dua buah negara dalam APEC mengendalikan bersama ke arah kesinambungan secara terus-menerus bagi menangani isu APEC dalam bidang tersebut.

Negara Brunei Darussalam telah melancarkan program pembangunan manusia yang dihasratkan ke arah meningkatkan kemahiran bagi tenaga kerja khususnya dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Langkah ini bukan sahaja menentapi ke arah keserasian dengan kepastian perkembangan ICT, bahkan juga selaras dengan impian yang hendak dicapai oleh Ketua-ketua Ekonomi APEC.

Tidak syak lagi keberangkatan baginda ke Beijing kali ini bukan sahaja dilihat sebagai memainkan peranan penting di dalam APEC, malahan juga akan membawa banyak lagi manfaat kepada negara dengan meningkatkannya hubungan dua hala dan kerjasama dengan Republik Rakyat China yang merupakan salah sebuah gergasi ekonomi dunia.

Dengan usaha gigih dan kebijaksanaan pemimpin kita, kecemerlangan hubungan perdagangan di antara Brunei dengan China yang terjalin pada abad ke-5 dahulu, tidak mustahil kehebatan itu akan muncul kembali.

PERKHIDMATAN KAJI CUACA HARUS TINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Mulia Pengerusi Majlis kerana berkesudian menjemput saya selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia 2001 pada hari ini.

Hari Kaji cuaca Sedunia pada tahun ini kita raikan dengan tema yang berbunyi : Sukarelawan Bagi Cuaca, Iklim dan Air. Saya difahamkan bahawa sumbangan sukarelawan dalam memberikan data-data mengenai cuaca, iklim dan air merupakan peranan yang sangat penting kepada kejayaan perkhidmatan dan penyelidikan kaji cuaca dan hidrologi yang diberikan oleh Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia.

Data-data semasa yang diberikan oleh sukarelawan ini adalah sumbangan yang sangat berharga kepada ramalan cuaca bagi kesihatan, pertanian, keselamatan penerbangan dan pelayaran. Sementara data-data kaji cuaca lampau juga adalah diperlukan bagi perancangan dan ianya menyumbang kepada peningkatan pengetahuan kita mengenai dengan perubahan iklim dan cuaca. Selain dari itu, data ini juga diperlukan, bagi kajian-kajian mengenai dengan pengaruh-pengaruh manusia terhadap iklim dan proses semula jadi yang memberi kesan terhadap lautan, daratan dan atmosfera.

Di sesetengah negara-negara di dunia, sukarelawan ini terdiri dari pertubuhan-pertubuhan dan juga orang-orang persendirian yang mempunyai minat dan kepentingan terhadap fenomena kaji cuaca dan kaji air. Sukarelawan yang terdiri dari orang-orang perseorangan mempunyai ciri-ciri tabah dan iltizam yang sangat tinggi dalam mengejar minat terhadap fenomena kaji cuaca. Malah sukarelawan mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi dan memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu kesiapsiagaan untuk menangani kejadian malapetaka alam semula jadi seperti El-Nino dan La-Nina. Oleh itu sudah sewajarnya sumbangan dan jasa-jasa ini diberikan pengiktirafan dan penghargaan oleh Pertubuhan Kaji cuaca Kebangsaan di negara masing-masing sebagai sumbangan yang amat besar faedahnya kepada peningkatan rangkaian dan perkhidmatan kaji cuaca dan perkembangan sosioekonomi negara.

Di negara kita ini, perkhidmatan kaji cuaca bermula semenjak perkhidmatan lapangan terbang awam beroperasi pada tahun 50-an. Perkhidmatan yang pada mulanya hanya tertumpu sebagai dukungan kepada penerbangan awam, hingga kini telah berkembang luas dan dipertingkatkan oleh kerajaan bagi memberikan pelbagai perkhidmatan lain yang meliputi ramalan dan khidmat nasihat cuaca kepada orang ramai, agensi-agensi kerajaan, firma-firma swasta dan juga penyediaan maklumat data iklim.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi Ahli Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia pada November 1984, dan sejak menjadi ahli, negara ini melalui Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei, Jabatan Penerbangan Awam bergiat aktif melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti kaji cuaca dan mengetengahkan kepentingan negara dalam bidang kaji cuaca, kaji iklim dan bidang-bidang yang berkaitan.

Selaku ahli kepada Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia, Negara Brunei Darussalam memberikan kerjasama dalam pemantauan, pengutipan, pemprosesan dan penyebaran data dan produk kaji cuaca yang bersepadu, di samping pertukaran antarabangsa data dan produk kaji cuaca sebagai sumbangan sukarela kepada pertubuhan ini.

Dalam konteks negara kita, sukarelawan-sukarelawan yang dimaksudkan termasuklah jua agensi-agensi kerajaan lain serta institusi pengajian. Pada akhir tahun 80-an sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh beberapa agensi kerajaan dari pelbagai kementerian bagi penyelarasan pengutipan data-data cuaca seperti turutan hujan dan juga suhu udara. Selaku pengerusi kepada jawatankuasa ini, Perkhidmatan Kaji cuaca, Jabatan Penerbangan Awam telah dapat mengumpul data dari sukarelawan-sukarelawan ini dan sekali gus menyumbang kepada peningkatan kefahaman terhadap iklim negara kita.

Dengan pengalaman yang diperolehi dari hubungan dengan Rangkaian Perkhidmatan Kaji cuaca di dunia dan hasil daripada kegiatan-kegiatan yang dikendalikan di dalam negeri, Perkhidmatan Kaji cuaca, Jabatan Penerbangan Awam berkeupayaan memupuk minat orang ramai untuk menjadi sebagai sukarelawan bagi memberikan sumbangan kepada perkhidmatan kaji cuaca. Selain dari itu, Perkhidmatan Kaji cuaca Jabatan Penerbangan Awam juga boleh membantu sekolah-sekolah dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kaji cuaca bagi menyemai minat penuntut-penuntut sekolah sebagai satu kegiatan luar dengan harapan satu hari nanti penuntut ini akan tertarik di dalam bidang kajian alam sekeliling seperti kaji cuaca, baik sebagai satu hobi mahupun sebagai satu profesion.

Dalam pada itu, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Penerbangan Awam akan senantiasa dan mengalu-alukan sumbangan sukarela yang ditawarkan sama oleh pertubuhan-pertubuhan, syarikat-syarikat swasta mahupun dari orang perseorangan yang ingin mengejar minat dalam kaji cuaca. Bersempena dengan Hari Kaji cuaca Sedunia ini, inginlah saya merakamkan penghargaan saya kepada semua pertubuhan-pertubuhan, agensi-agensi kerajaan dan orang-orang perseorangan yang telah menyumbangkan perkhidmatan mereka dalam mengembangkan kaji cuaca di negara ini.

Kita memahami yang cuaca, iklim dan air merupakan elemen-elemen semula jadi yang memberikan pengaruh meluas terhadap kehidupan kita dalam menjaga alam sekitar dan meningkatkan



UCAPAN Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman di Majlis Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia pada 24 Mac, 2001.

kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat. Negara kita terletak di rantau dunia di mana elemen-elemen tersebut mendatangkan bencana alam yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Pada tahun-tahun yang kebelakangan fenomena El-Nino dan La-Nina telah menyebabkan banjir dan beg tu juga kemarau yang teruk di negara kita, yang mengancam kehidupan penduduk. Alhamdulillah, bersyukur kita juga ke hadir Ilahi, dengan usaha yang gigih dan perancangan untuk menangani bencana-bencana ini, kesan daripadanya dapat dikurangkan di tahap yang minimum.

Bagaimanapun untuk menangani kejadian bencana alam seper ini dengan lebih berkesan, memerlukan perkhidmatan kaji cuaca yang mantap berserta tenaga manusia yang berkebolehan tinggi dibantu dengan peralatan dan teknologi yang lebih sofistikate. Dari itu perkhidmatan kaji cuaca haruslah senantiasa tingkatkan keupayaannya bukan sahaja dari segi kecekapan tetapi juga dalam penggunaan teknologi yang terkini.

Sebagaimana yang kita ketahui pada masa ini, kemajuan teknologi komunikasi, satelit dan informasi telah membawa perubahan yang pesat bukan sahaja kepada perhubungan, perniagaan, hiburan pendidikan, perubatan tetapi juga kepada perkhidmatan kaji cuaca.

Selaras dengan kemajuan-kemajuan teknologi infokomunikasi ini, Jabatan Penerbangan Awam telah merancang dan melaksanakan pelbagai usaha dan projek dengan penggunaan kemajuan sains di teknologi infokomunikasi dan satelit seperti peningkatan kelajuan penerimaan data melalui sistem telekomunikasi global, projek peningkatan sistem amaran ribut radar cuaca, projek sistem ploti carta cuaca automatik, peningkatan sistem penerimaan maklumat imej-imej satelit cuaca dan juga perangkaan sistem-sistem maklumat cuaca. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Penerbangan Awam kerana senantiasa meningkatkan keupayaannya dengan penggunaan teknologi infokomunikasi. Insya-Allah, teknologi bersesuaian yang terkini akan terus digunakan supaya ramalan cuaca dan amaran-amaran mengenai dengan kejadian bencana alam seperti jerebu akan dapat dikeluarkan oleh perkhidmatan kaji cuaca dengan lebih tepat dan dalam tempoh waktu yang mencukupi.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Majlis Sambutan sempena Hari Kaji cuaca Sedunia kerana memberi penghargaan kepada saya ba merasmikan majlis ini dan seterusnya melancarkan sistem kaji cuaca terbaharu dan Pameran Hari Kaji cuaca Sedunia pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah DYMM lahirkan keyakinan KERJASAMA BRUNEI - CHINA HASILKAN PEMBANGUNAN KAPASITI MANUSIA

BEIJING, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa gembira dengan adanya kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China bagi inisiatif pembangunan untuk Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC. HCB merupakan isu penting sewajarnya mendapat keutamaan tertinggi dalam APEC.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan keyakinan bahawa usaha kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China akan menghasilkan pembangunan bagi kapasiti manusia di peringkat tertinggi terpenting dalam proses APEC. Ini merupakan kali pertama dua buah negara APEC mengendalikan bersama ke arah kesinambungan secara terus-menerus bagi menangani isu APEC dalam pembangunan kapasiti manusia.

Laporan Haji Jaafar HI
dan Dk. Hjh. Saidah PHOA
dari Beijing

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sejour berangkat tiba di sini bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Tertinggi APEC Mengenai Pembangunan Kapasiti Manusia pada 15 Mei. Baginda dan Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin, Presiden Republik Rakyat China akan mempengerusikan bersama mesyuarat berkenaan.

Baginda berharap mesyuarat tersebut akan mendatangkan manfaat dalam pembangunan isu berkenaan selanjutnya di Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC yang dijangka akan diadakan di Shanghai, Republik Rakyat China bulan Oktober tahun ini.

DYTM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, telah menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dr. Ludger Volmer, Menteri Negara di Pejabat Luar Federal, Republik Persekutuan Jerman. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan itu, Duli Yang Teramat Mulia dan menteri tersebut mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala terutama kerjasama pendidikan dan latihan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman. Kedua-dua menteri juga bertukar-tukar pandangan mengenai beberapa isu serantau dan antarabangsa.

TYT Dr. Volmer berada di negara ini bagi lawatan tiga hari.

Sementara itu pada hari yang sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Hal Ehwal Menteri Luar Negeri berkenan

menerima mengadap Puan Yang Terutama Puan Sarah Dennis, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan,

Bukit Kayangan.

Puan Yang Terutama berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Negara Brunei Darussalam secara tidak menetap sejak bulan Mei, 1998 dan beribu pejabat di Kuala Lumpur.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dr. Ludger Volmer, Menteri Negara di Pejabat Luar Federal, Republik Persekutuan Jerman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke negara ini yang akan menamatkan perkhidmatannya, Puan Yang Terutama Puan Sarah Dennis.

Kebawah DYMM berangkat tiba di Beijing

BEIJING, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Lapangan Terbang Lama Beijing di sini.

Keberangkatan tiba baginda disambut dengan hampanan permaidani merah.

Pesawat khas baginda mendarat tepat jam 3.00 petang waktu sini (sewaktu dengan Negara Brunei Darussalam). Sebaik saja pintu pesawat di buka, Pengarah Protokol dan Hal-Ehwal Konsulat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Zaini bin Haji Sidup; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Asmalee bin Pengiran Ahmad dan Timbalan Pengarah Agung Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Republik Rakyat China naik ke atas pesawat bagi menjunjung baginda berangkat turun dari pesawat.

Mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda, Tuan Yang Terutama Tuan Wang Yi, Naib Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China.

Rombongan baginda terdiri daripada Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Awang Haji Abdul Wahab bin Juned dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.

Sejour kemudian baginda dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke Diaoyutai State Guesthouse yang terletak di Bandar Raya Beijing, tempat baginda bersemayam sepanjang berada di sini selama tiga hari.

Keberangkatan tiba baginda di kediaman khas untuk tetamu-tetamu negara Kerajaan Republik Rakyat China itu dialu-alukan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berada di sini bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Tertinggi bagi membincangkan inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC yang berlangsung selama dua hari, 15 dan 16 Mei di Great Hall of the Peoples of The Republic of China.

Mesyuarat bertujuan bagi meningkatkan pembangunan kapasiti manusia dalam APEC di bawah ekonomi baru dan peranan utama yang akan dimainkan oleh Negara Brunei Darussalam di mesyuarat berkenaan bagi membantu kesinambungan keputusan yang dipersejutui dalam APEC 2000 di Bandar Seri Begawan pada bulan November tahun lalu.

Semasa mesyuarat APEC 2000 itu, para jemaah ketua ekonomi APEC daripada 21 buah negara telah bersetuju bagi melaksanakan inisiatif proses kerjasama di peringkat serantau dan menjadikan pembangunan kapasiti manusia sebagai agenda mesyuarat pada 15 Mei. Mesyuarat dirasakan tepat pada waktunya memandangkan kegawatan ekonomi global.

Negara Brunei Darussalam telah melancarkan program pembangunan manusia yang dihasratkan bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja khususnya dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dari sini, baginda akan berangkat melawat ke Shenzhen selama dua hari. Semasa berada di sana nanti baginda dijangka akan melawat ke Hi-Tech Industrial Park, Zte Telekom Industry dan Lianhua Hill. Dari Shenzhen, baginda akan meneruskan lawatan ke Hong Kong juga selama dua hari. Di sana nanti baginda dijangka akan melawat ke Hong Kong Pier dan Hong Kong Harbour International Terminal serta mengadakan perjumpaan dengan Ketua Eksekutif Hong Kong, Tuan Tung Chee Hwa.

Lawatan DYTM Putera Andrew

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Putera Andrew, The Duke of York di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas (gambar kanan).

Duli Yang Teramat Mulia The Duke of York berangkat ke Negara Brunei Darussalam bagi lawatan empat hari.

Juga mengalu-alukan rombongan itu ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Stuart J. Laing.



Kebawah DYMM, Presiden China
pengerusikan Mesyuarat HCB di Beijing

HUBUNGAN BRUNEI - CHINA BERTAMBAH KUKUH

Laporan Haji Jaafar Haji Ibrahim
dari Beijing, Republik Rakyat China



MEMPERKUKUKAN PERSAHABATAN ... Baginda semasa mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Republik Rakyat China, TYT Tuan Zhu Rongji di Zi Guang Ge Chung Nan Hai, State Council of Compound, Beijing pada 24 Ogos, 1999.



BAGINDA semasa menyaksikan model Zon Pelabuhan Haichang ketika baginda berangkat melawat kompleks berkenaan pada 25 Ogos, 1999.



MENGERATKAN KERJASAMA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Rakyat China, TYT Presiden Jiang Zemin bersalaman dengan penuh persahabatan sambil mengukir senyuman mesra. Gambar dirakamkan di Great Hall of The Peoples Republic of China pada 23 Ogos, 1999 semasa baginda berangkat mengadakan lawatan kerja ke Republik Rakyat China.

BEIJING, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di ibu negara Republik Rakyat China, Beijing di sini.

Keberangkatan baginda ke sini ialah bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Tinggi bagi membincangkan Inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC yang akan diadakan pada 15 hingga 16 Mei. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin akan mempengerusikan bersama mesyuarat berkenaan yang akan diadakan di Great Hall of The Peoples Republic of China.

Selain daripada itu, baginda akan berada di sini selama lima hari pada 14 hingga 18 Mei. Di samping mempengerusikan Mesyuarat HCB, baginda juga mengadakan lawatan ke Shenzhen selama dua hari pada 16 hingga 17 Mei dan berangkat melawat Hong Kong pada 17 dan 18 Mei.

Sesungguhnya keberangkatan baginda itu adalah mencerminkan hasrat murni baginda untuk meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Rakyat China adalah merupakan kali ketiga, di mana baginda telah berangkat mengadakan lawatan negara pada bulan November 1993 dan mengadakan lawatan kerja selama lima hari pada 22 hingga 26 Ogos, 1999.

HUBUNGAN SEJARAH

Berasaskan sejarah hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China mungkin sudah terjalin sejak kira-kira 2,000 tahun silam. Akan tetapi hubungan tersebut menurut sejarah, hanyalah bersifat hubungan perdagangan antara kedua-dua negara. Berdasarkan kepada sejarah perdagangan China dengan negara-negara luar khususnya negara-negara jiran Asia Tenggara melalui peniaga-peniaga Cina yang menggunakan kapal-kapal dagangan mereka sejak 2,000 tahun yang lalu. Menurut sejarah lagi, salah satu destinasi persinggahan yang penting bagi kapal-kapal dagangan Cina ialah Brunei. Selain daripada itu dengan penemuan serpihan tembikar Dinasti Han yang memerintah sebelum Masihi 204-206 di Brunei, menguatkan lagi bukti tentang wujudnya hubungan dagangan dengan China.

Dalam zaman pemerintahan Dinasti Nan Pei Chao (tahun 420-589) sudah ada tercatat dalam buku sejarah China mengenai Brunei. Menurut catatan itu lagi dalam Dinasti Ming (tahun 1368-1644) hubungan China dengan Brunei bertambah erat. Hubungan erat Brunei-China berjalan sekian lama sehinggalah kedatangan kuasa barat, hubungan itu terganggu dan akhirnya malap.

HUBUNGAN DIPLOMATIK

Kini hubungan antara kedua-dua buah negara

KINI hubungan antara kedua-dua buah negara terus bertambah kukuh. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selama tiga kali ke Republik Rakyat China pada tahun 1993, 1999 dan 2001 telah membuka lembaran baru bagi kerjasama yang lebih rapat antara kedua-dua buah negara. Hubungan itu terus diperkukuhkan lagi dengan lawatan negara Presiden Republik Rakyat China, TYT Presiden Jiang Zemin ke Negara Brunei Darussalam pada bulan November, 2000.

terus bertambah kukuh. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selama tiga kali ke Republik Rakyat China pada tahun 1993, 1999 dan 2001 telah membuka lembaran baru bagi kerjasama yang lebih rapat antara kedua-dua buah negara. Hubungan itu terus diperkukuhkan lagi dengan lawatan negara Presiden Republik Rakyat China, TYT Presiden Jiang Zemin ke Negara Brunei Darussalam pada bulan November, 2000.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah menjalin hubungan diplomatik secara rasmi pada 30 September, 1991. Kedua-dua belah pihak telah menandatangani pernyataan bersama pada tarikh tersebut di New York di mana Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam. Manakala Republik Rakyat China diwakili oleh Menteri Luarnya, Tuan yang Terutama Tuan Qian Qichen.

Kerjasama politik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China sudah berjalan sejak beberapa tahun melalui forum-forum serantau dan antarabangsa khususnya dalam konteks ASEAN. Kerjasama tersebut sangat penting terutamanya terhadap keamanan dan kestabilan rantau ini. Tanpa keamanan dan kestabilan, kedua-dua buah negara agak sukar untuk membangun ekonomi masing-masing. Negara

LIHAT MUKA 5

Hubungan Brunei - China bertambah kukuh

DARI MUKA 4



HUBUNGAN TERUS KUKUH ... Lawatan Presiden Republik China, TYT Presiden Jiang Zemin ke Negara Brunei Darussalam November 2000 terus menjalin hubungan yang erat dan kerjasama yang rapat antara Negara Brunei Darussalam - Republik Rakyat China. Gambar atas merakamkan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, TYT Presiden Jiang Zemin dan Puan Zemin mengabadikan gambar kenangan di Istana Nurul Iman.



REPUBLIK Rakyat China akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak APEC 2001. Gambar kelihatan TYT Presiden Republik Rakyat China (dua dari kanan) ketika mendengar Kebawah Duli Yang Maha Mulia membacakan Deklarasi APEC 2000 di Majlis Penutup Persidangan APEC 2000 di Negara Brunei Darussalam.

PELBAGAI kerjasama telah dicapai semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan kerja pada tahun 1998.

Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China adalah anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM), Forum Serantau ASEAN (ARF), rakan dialog dalam ASEAN di samping Jepun dan Korea Selatan.

PELBAGAI KERJASAMA DICAPAI

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah mengusahakan kerjasama ke arah promosi ASEAN-China dalam lapangan perdagangan, ekonomi, sains dan teknologi. Kerjasama kedua-dua negara menjadi terserlah dalam pelbagai bidang termasuk bidang perdagangan dan pelaburan, kebudayaan dan sukan, kesihatan, perkhidmatan udara dan pendidikan.

Dalam bidang perdagangan, negara telah mengimport sejumlah B\$77.68 juta dari Republik Rakyat China dalam tahun 1997, suatu jumlah menurun berbanding dengan import negara di tahun 1996 iaitu B\$91.84 juta. Manakala eksport negara ke Republik Rakyat China cuma sedikit sahaja.

Di bidang pelaburan, Negara Brunei Darussalam-Republik Rakyat China mempunyai potensi bagi penubuhan usaha sama yang telah dikenal pasti seperti sektor-sektor pertanian, minyak dan gas, perikanan dan tekstil. Dalam tahun 1996, kedua-dua negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dalam bidang kesihatan. Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China juga telah menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara pada tahun 1993 bagi membenarkan Penerbangan Diraja Brunei (RBA) membuat penerbangan ke Beijing, Shanghai dan Shenzhen tiga kali seminggu. Berikutan penandatanganan perjanjian tersebut, RBA mula membuat penerbangan ke Beijing pada 22 Oktober, 1998. Disebabkan tidak berdaya maju secara komersil, RBA telah menggantung penerbangannya ke Beijing. Walau bagaimanapun, RBA telah membuat keputusan untuk mengadakan semula perkhidmatannya ke Beijing.

Di bidang pendidikan, kerjasama kedua-dua negara berterusan dalam bidang pendidikan di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan Beijing Foreign Studies University (BFSU).

KERJASAMA BARU

Pelbagai kerjasama telah dicapai semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan kerja pada tahun 1998.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah bersetuju meneroka kerjasama baru di bidang sains dan teknologi. Persetujuan itu dicapai antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan TYT Presiden Jiang Zemin semasa kedua-dua pemimpin itu mengadakan perjumpaan bertempat di Eastern Hall, Great Hall of The Peoples Republic of China pada 23 Ogos, 1998.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk mengeratkan dan meningkatkan lagi kerjasama di bidang perdagangan, perindustrian, kebudayaan dan pelancongan.

Kerjasama di bidang ekonomi dan perdagangan adalah merupakan perkara penting dalam hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China. Kedua-dua negara akan terus memudahkan dan meningkatkan daya perdagangan dan pelaburan negara masing-masing serta menggalakkan sektor perniagaan dan perusahaan, mengukuhkan kerjasama dalam bidang pelancongan, petrokimia, pertanian, perikanan dan perkilangan.

Negara Brunei Darussalam-Republik Rakyat China juga meng-

harapkan perjanjian mengenai penggalakan dan saling mengawal pelaburan yang akan dapat diselesaikan secepat mungkin.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dua hala yang sedang berjalan iaitu di bidang pendidikan, kesihatan dan kebudayaan. Kedua-dua negara juga melahirkan minat dalam meneliti bagi kemungkinan kerjasama dua hala di bidang sains dan teknologi serta pertahanan.

Pada tahun 1998, Memorandum Persefahaman di bidang kebudayaan telah ditandatangani di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China, semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan kerja ke Republik Rakyat China.

PERJANJIAN DITANDATANGANI

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah menandatangani tiga Memorandum Persefahaman (MOU) iaitu Persetujuan Pelaburan dan Perdagangan, Perlaksanaan Rancangan Bagi Pengembaraan Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam Dengan Pembiayaan Sendiri dan Perjanjian Penjualan Minyak selama setahun.

Di bawah Perjanjian Persetujuan Pelaburan dan Perdagangan, kedua-dua negara bersetuju untuk mewujudkan iklim yang menguntungkan ke arah mengembangkan kerjasama ekonomi terutama bagi tujuan peningkatan pelaburan oleh pelabur-pelabur kedua-dua belah pihak berlandaskan persamaan dan kepentingan bersama.

Manakala di bawah Perjanjian Perlaksanaan Rancangan Bagi Pengembaraan Rakyat China ke negara ini, membolehkan pelancong Rakyat China melawat ke Negara Brunei Darussalam dalam mengukuhkan lagi kerjasama pelaburan di kedua-dua belah pihak. CNTA meluluskan sebanyak 65 agensi pelancongan bagi tujuan tersebut. Sementara Negara Brunei Darussalam meluluskan

sebanyak 34 agensi pelancongan. Pertambahan agensi-agensi kedua-dua belah pihak akan diadakan mengikut keperluan semasa.

Perjanjian Penjualan Minyak Negara Brunei Darussalam kepada Syarikat Minyak dan Kimia Bersatu Antarabangsa (UNIPAC) selama setahun, perjanjian yang pertama ditandatangani antara BSP dengan sebuah syarikat minyak dari Republik Rakyat China sebagai usaha republik tersebut untuk mendapatkan bekalan minyak mentah yang bermutu tinggi daripada pelbagai sumber.

Ketiga-tiga perjanjian yang ditandatangani itu merupakan langkah susulan sempena lawatan negara Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin ke Negara Brunei Darussalam pada 17 hingga 18 November, 2000.

KERJASAMA LUAS

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China berkongsi komitmen terhadap matlamat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) terutama dalam meningkatkan kerjasama yang lebih luas di rantau tersebut.

Dalam hubungan itu mesyuarat peringkat tertinggi mengenai pembangunan tenaga manusia dipengerusikan bersama oleh kedua-dua negara pada tahun 2001 ini di Beijing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan perkara itu ketika bertitah meraiikan lawatan TYT Presiden Republik Rakyat China ke negara ini pada 17 November, 2000.

"Lawatan TYT menggambarkan hubungan erat antara kedua-dua negara kita akan dapat membawa hubungan dua hala ke peringkat tinggi. Adakah menjadi harapan beta, ia akan menjadi pendorong untuk kita meluas dan mendalamkan lagi hubungan kita," titah baginda.

TYT Presiden Rakyat Republik China pula menjelaskan, Rakyat Republik China mengekalkan dasar bahawa setiap negara tanpa mengira saiz adalah sama mempunyai hak sebagai komuniti antarabangsa yang harus hidup harmoni, bersahabat, bekerjasama antara satu sama lain untuk pembangunan bersama.

"Adalah menjadi dasar Republik Rakyat China untuk meningkatkan hubungan setia kawan dan kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam atas lima dasar prinsip terhadap kemakmuran dan keharmonian," tegas TYT.

Republik Rakyat China, tambah TYT, sentiasa bersedia meningkatkan semua kerjasama politik, ekonomi, sosial dan bidang-bidang lain seperti yang terkandung dalam pernyataan bersama bagi mengekalkan koordinasi dan kerjasama dalam isu-isu serantau dan antarabangsa.

NEGARA Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China berkongsi komitmen terhadap matlamat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) terutama dalam meningkatkan kerjasama yang lebih luas di rantau tersebut.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih berkenan menerima mengadap Duta Besar Arab Saudi ke negara ini, Tuan Yang Terutama Ustaz Ibrahim Muhammed Musili. - Gambar oleh Amat HM.

DYTM berkenan menerima mengadap tiga perwakilan


BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Mei. - Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menerima mengadap tiga perwakilan yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ustaz Ibrahim Muhammed Musili, Duta Besar Arab Saudi; Tuan Yang Terutama Dr. Oswald Soukop, Duta Besar Austria dan Tuan Yang Terutama Tuan Abolfazl Mohammad Alikhani, Duta Besar Republik Islam Iran. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa Majlis Mengadap itu, Duli Yang Teramat Mulla mengadap ketiga-tiga perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Tuan Yang Terutama Ustaz Ibrahim Muhammed Musili merupakan Duta Besar Arab Saudi yang pertama menetap ke Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Dr. Oswald Soukop adalah Duta Besar Austria yang tidak menetap yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia dan Tuan Yang Terutama Tuan Abolfazl Mohammad Alikhani sebelum ini merupakan Pengarah Jabatan ECO.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih berkenan menerima mengadap Duta Besar Austria, Tuan Yang Terutama Dr. Oswald Soukop (kiri) dan Duta Besar Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Tuan Abolfazl Mohammad Alikhani (kanan). - Gambar oleh Amat HM.



Brunei beri penekanan sains, teknologi

BERAKAS, 1 Mei. - Peralihan minda masyarakat daripada pengguna kepada pencipta memerlukan langkah-langkah kesedaran, penghayatan dan kemahiran sains dan teknologi yang luas dan perlu diwujudkan di Negara Brunei Darussalam.

"Kita mempunyai program dan institusi untuk menyerap sains dan teknologi dalam masyarakat negara di mana Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ketujuh, penekanan telah diberikan untuk memperluaskan keupayaan sains dan teknologi di negara ini melalui pendudukan sains dan teknologi yang berkesan," sabda Menteri Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail ketika melancarkan Laman Web Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Ke-6, di Kementerian berkenaan.

Menurut Yang Amat Mulia, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan peluang-peluang pendidikan dan dermasiswa kepada penuntut-penuntut terhadap sains dan teknologi dari peringkat awal lagi, sementara Anugerah Saintis Muda Puteri Rashidah

Oleh Samle Haji Jait

Sa'adatull Bolkih (PRYNSA) juga merupakan usaha ke arah yang sama.

Selain menjadi semangat kerjasama sains dan teknologi yang dijalin dalam ASEAN, ia juga akan dicapai melalui pemindahan teknologi sama ada negara-negara ahli ASEAN mahupun antara ASEAN dengan negara-negara luar ASEAN.

"Setentunya pemindahan teknologi sedemikian ini tidak akan terlaksana dalam sekelip mata kerana ia perlu dibuat persediaan yang cukup dan memerlukan perancangan jangka panjang, termasuk penubuhan institusi-institusi sains dan teknologi yang kukuh dan melatih serta melahirkan pekerja-pekerja yang mahir dalam bidang sains dan teknologi," sabda Yang Amat Mulia.

Negara Brunei Darussalam yang diberi penghormatan oleh ASEAN bagi mengendalikan Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Ke-6 merupakan peluang kepada program-program tempatan untuk mempromosikan sains dan teknologi di negara ini.

Ianya juga diharap sebagai penarik minat rakyat dan penduduk untuk memimba pengetahuan dan pengalaman dari negara-negara ahli ASEAN yang akan menyertai pameran yang dijangka akan diadakan pada bulan September depan.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Asmalee dan Duta Besar Republik Lithuania ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Dainius Voveris menandatangani Kenyataan Bersama bagi hubungan tersebut.

Jalin hubungan diplomatik

REPUBLIK RAKYAT CHINA. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Lithuania telah menjalin hubungan diplomatik. Bagi tujuan tersebut Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China telah menandatangani Kenyataan Bersama bagi hubungan tersebut yang berlangsung pada 27 April, 2001 bertempat di Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing.

Mewakili bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Asmalee bin Pengiran Ahmad, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, manakala Kerajaan Ecuador diwakili oleh Tuan Yang Terutama Tuan Dainius Voveris, Duta Besar Republik Lithuania ke Republik Rakyat China.

Kurang penghayatan agama punca jenayah syariah

KUALA BELAIT, 7 Mei. - Kurang penghayatan agama, pergaulan bebas, pengaruh persekitaran, keluarga kurang stabil dan pengaruh media massa merupakan punca kesalahan jenayah syariah berlaku.

Pegawai Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Ibrahim bin Kamis berkata, terdapat sebanyak 26 jenis kesalahan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi Penggal 77 Semakan 1984.

Beliau berucap demikian di Sesi Penerangan Hal-Ehwal Keagamaan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan masyarakat Daerah Belait.

Katanya, antara jenis kesalahan tersebut tidak menunaikan sembahyang fardu Jumaat, minuman yang memabukkan, makan, minum, merokok, menjual di khalayak ramai di siang hari dalam bulan Ramadan, meninggalkan atau menganiaya isteri, isteri tidak menurut perintah suami, berkhawat dan persetubuhan haram.

Bagaimanapun katanya, kes khawat merupakan kesalahan yang sering dilakukan oleh pihak individu di negara ini yang membawa hukuman bagi kesalahan pertama penjara satu bulan atau denda \$1,000.00 bagi lelaki dan penjara 14 hari atau denda \$500.00 bagi perempuan.

Sementara itu hukuman bagi kesalahan berulang-ulang akan dikenakan hukuman penjara dua bulan atau denda \$2,000.00 bagi lelaki dan penjara satu bulan atau denda \$1,000.00 bagi perempuan.

Dalam pada itu hukuman bagi persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan yang boleh bernikah akan dipenjara enam bulan atau denda \$5,000.00 setiap seorang, manakala persetubuhan haram

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

antara lelaki dan perempuan yang ditegah bernikah oleh kerana senasab, musaharah, sesuian dan isteri orang akan dipenjara lima tahun bagi lelaki dan satu tahun penjara bagi perempuan.

Beliau juga menyentuh mengenai hukuman bagi minum, membeli dan menjual minuman yang memabukkan bagi kesalahan pertama denda \$500.00, hukuman bagi kesalahan kedua denda \$750.00 dan hukuman bagi kesalahan ketiga dan berulang-ulang denda \$1,000.00.

Manakala hukuman bagi kesalahan makan, minum, merokok, menjual di khalayak ramai di siang hari dalam bulan Ramadan bagi kesalahan pertama denda \$500.00 dan kesalahan kedua denda \$750.00.

Katanya, mereka yang melakukan kesalahan jenayah sedemikian akan mendapat kemurkaan dan pembalasan Allah Subhanahu Wataala di dunia dan akhirat, diadapakan dan dibicarakan di mahkamah, mengandung dan melahirkan anak zina, mudah dijangkiti virus HIV, AIDS dan penyakit kelamin dan terlibat melakukan jenayah yang lebih serius seperti membunuh anak dan pelacuran.

Dari itu beliau menyeru ahli masyarakat supaya membantu agar penguatkuasaan tersebut berjalan dengan jayanya.

Menyentuh mengenai Akta Daging Halal Tahun 1998 bermakna daging yang sesuai dimakan untuk orang-orang Islam menurut hukum syarak sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam.

Katanya, sesiapa yang didapati melanggar kesalahan berhubung dengan daging halal tersebut dan sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman di Mahkamah Majistret iaitu

import daging tanpa Permit Import Halal dan Permit Eksport akan dipenjara sehingga enam tahun atau denda \$8,000.00.

Manakala daging import tanpa Permit Halal dan Permit Eksport telah ditawarkan untuk dijual atau dipamerkan, jika sabit kesalahan boleh dipenjara satu tahun atau denda \$4,000.00 bagi kesalahan pertama manakala bagi kesalahan kedua penjara dua tahun atau denda \$8,000.00.

Dalam pada itu penyembelih beragama Islam yang tidak mempunyai sijil penyembelihan yang sah, yang diiktiraf oleh kerajaan boleh dipenjara satu tahun atau denda \$4,000.00 bagi kesalahan pertama dan kesalahan kedua penjara dua tahun atau denda \$8,000.00.

Sementara adalah menjadi kesalahan mereka yang tidak membubuh tanda halal pada daging yang dijualnya meskipun daging berkenaan diiktiraf oleh kerajaan. Bagi kesalahan tersebut boleh dihukum penjara dua tahun atau denda \$8,000.00.

MEREKA yang melakukan kesalahan jenayah sedemikian akan mendapat kemurkaan dan pembalasan Allah Subhanahu Wataala di dunia dan akhirat, diadapakan dan dibicarakan di mahkamah, mengandung dan melahirkan anak zina, mudah dijangkiti virus HIV, AIDS dan penyakit kelamin dan terlibat melakukan jenayah yang lebih serius seperti membunuh anak dan pelacuran.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun bergambar ramai dengan Tuan Masanobu Moriyama (di sebelah kanan) dan pegawai-pegawai dari ASEAN-Japan Centre serta lain-lain jemputan semasa majlis merasmikan Pameran Fotografi mengenai Negara Brunei Darussalam.

Pameran Fotografi mengenai Brunei di Tokyo, Jepun

TOKYO, JEPUN. - Pameran Fotografi mengenai Negara Brunei Darussalam telah diadakan bertempat di ASEAN-Japan Centre (APC) di Tokyo pada 23 April sehingga 17 Mei, 2001.

Pameran Fotografi itu adalah mengenai gambar-gambar Negara Brunei Darussalam yang telah diambil dan diusahakan oleh Tuan Masanobu Moriyama iaitu salah seorang jurugambar yang terkenal di Jepun. Tuan Moriyama telah berusaha mengambil gambar-gambar tersebut semasa beliau melawat Negara Brunei Darussalam yang telah mendapat kerjasama dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Gambar-gambar yang diambil adalah terdiri daripada gambar mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Bersama Rakyat, pembangunan Negara Brunei Darussalam, bangunan-bangunan yang indah, bangunan-bangunan masjid, Kampong Ayer dan adat istiadat serta kehidupan rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Pameran itu adalah untuk mengenalkan Negara Brunei Darussalam lebih dekat kepada orang-orang Jepun terutama dalam usaha menyebarkan Tahun Melawat Brunei 2001. Ia adalah atas usaha bersama Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jepun, Tuan Masanobu Moriyama dan ASEAN-Japan Centre. Pameran tersebut juga akan diadakan di Osaka.

Upacara pembukaan Pameran Fotografi itu telah diadakan pada 25 April, 2001 yang telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun.



GAMBAR menunjukkan Datin Hajah Rafeah berserta isteri pegawai-pegawai serta kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jepun.

Brunei sertai Festival ALFS di Tokyo

TOKYO, JEPUN, 26 April. - Asian Ladies Friendship Society Committee, sebuah pertubuhan bagi isteri-isteri duta besar negara-negara Asia dan Pasifik di Tokyo (ALFS) telah mengadakan jualan barang makan dan barangan dari negara-negara berkenaan bertempat di Tokyo ANA Hotel. Negara Brunei Darussalam telah ikut serta dalam festival berkenaan yang diketuai oleh Datin Hajah Rafeah binti Dato Paduka Haji Mohd. Yassin, isteri Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun dan isteri-isteri pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jepun.

Duli Yang Teramat Mulia Puteri Akishino telah menjadi tetamu kehormat dalam upacara festival berkenaan.

Makanan Brunei yang dijual semasa festival berkenaan ialah nasi tomato, daging rendang, acar, mi goreng, onde-onde goreng, kuih seri muka, pulut serunding dan kuih lenggang. Pakaian perempuan (baju kurung dan baju kebaya) buatan Brunei juga dijual bersama dengan hasil kraf tangan orang-orang Brunei.

Festival berkenaan adalah merupakan sebagai kegiatan tahunan bagi mengenalkan barangan negara-negara Asia dan Pasifik kepada pasaran Jepun.



GAMBAR menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia Puteri Akishino berangkat melawat Pameran Kraf Tangan Negara Brunei Darussalam dengan diiringi oleh Datin Hajah Rafeah binti Dato Paduka Haji Mohd. Yassin, isteri Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun.

BERANGKAT KE ISTIADAT PERTABALAN RAJA PERLIS

KANGAR, 9 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berke-nan berangkat ke Majlis Jamuan Persantapan Diraja Perlis yang berlangsung di Istana Arau, Negeri Perlis.

Majlis Persantapan tersebut adalah sempena dengan Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Negeri Perlis yang berlangsung pada 7 Mei, 2001.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota tiba di Perlis pada hari Ahad lalu bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja itu ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan lain-lain kerabat diraja Malaysia.

Juga hadir ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berhormat Menteri Besar Perlis serta pembesar-pembesar Negeri Perlis.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



BERGAMBAR RAMAI Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika mengabadikan kenangan bergambar ramai bersama kerabat-kerabat diraja Malaysia yang lain di luar perkarangan Istana Arau. Duduk di tengah-tengah ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

**Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Haji Masmaleh HMA**

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama-sama raja-raja dan permaisuri-permaisuri serta Tuan-tuan Yang Terutama berdiri sejurus saja keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang diikuti dengan Lagu Kebangsaan Malaysia (kanan).



BERBUAL MESRA Kemesraan Duli Yang Teramat Mulia bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang jelas tergambar apabila berbual mesra sejurus selesainya Majlis Persantapan Diraja sempena Istiadat Pertabalan Raja Negeri Perlis (kiri).



CENDERAMATA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima cenderamata yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Negeri Perlis (kanan).



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berjalan beriringan bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Perak meninggalkan Dewan Persantapan setelah selesainya Majlis Persantapan Diraja (kiri).



RISTAAN Kelihatan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menurunkan tandatangan di buku keberangkatan yang setentunya meninggalkan kenangan dan ristaan serta sejarah bagi Negeri Perlis (kanan).

BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN JUBLI PERAK SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI

Gambar-gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Jubli Perak Sekolah Nusa Laila Puteri sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulla berkenan menerima penerangan ringkas mengenai pameran yang disediakan oleh Sekolah Nusa Laila Puteri sempena Sambutan Jubli Peraknya sambil diperkenalkan kepada guru-guru dan kakitangan sekolah tersebut oleh Pengiran Dr. Haji Amir (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulla berkenan menerima cek bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim dan seterusnya cek itu diterima oleh seorang ahli jawatankuasa dana tersebut.

DULI Yang Teramat Mulla berkenan menerima cenderamata daripada Pengetua Sekolah Nusa Laila Puteri, Cikgu Hajah Sharifah Noor (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulla berkenan menyaksikan sebahagian pameran aktiviti dan projek sekolah itu.



SEKOLAH Nusa Laila Puteri adalah sebuah sekolah swasta yang ditubuhkan 25 tahun lalu yang sama-sama berperanan menerapkan nilai-nilai murni dalam pendidikan. Gambar atas dan kiri kelihatan beberapa orang murid membuat persembahan di majlis itu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah berangkat ke Majlis Anugerah Saintis Muda Alam Semulajadi Puteri Rashidah (PRYNSA) Ke-3. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mengenai projek yang dilakukan oleh Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar dalam PRYNSA 3 (atas), dan projek yang dilakukan oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, pemenang Anugerah Ketiga PRYNSA 3 (bawah).



Berangkat ke Majlis Penganugerahan PRYNSA 3

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar
oleh
Pg. Haji Bahar PHO

BERAKAS, 9 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah berkenan berangkat ke Majlis Anugerah Saintis Muda Alam Semulajadi Puteri Rashidah Ke-3 (PRYNSA 3).

Keberangkatan Yang Teramat Mulia yang merupakan Penaung PRYNSA di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini dijunjung oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah.

Pengarah Perhutanan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Chuchu selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur dalam sembah alu-aluannya berkata, pada masa ini terdapat peralihan sejagat yang menitikberatkan pengurusan hutan-hutan.

"Dalam konteks hari ini, kita melihat yang hutan memainkan pelbagai peranan yang menyumbang kepada kekayaan ekonomi dan kesejahteraan alam sekitar," jelasnya.

Beliau menambah, Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan yang hutan-hutan di negara ini diurus secara mampan.

Menyentuh mengenai hubungan kait PRYNSA, beliau berkeyakinan generasi masa depan yang dipercayai dan saintis-saintis alam semula jadi yang komited diperlukan untuk



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Penaung PRYNSA berkenan mengurniakan hadiah kepada Pasukan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, pemenang Anugerah Pertama PRYNSA 3.

membangun di atas asas-asas yang sedia wujud.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia dan para jemputan yang hadir juga berpeluang menyaksikan persembahan projek-projek PRYNSA 3 daripada lima buah sekolah menengah yang terpilih.

Yang Teramat Mulia di majlis ini kemudian berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada para pemenang dan hadiah-hadiah sagu hati kepada pasukan yang mengambil bahagian.

Penerima Anugerah Pertama PRYNSA Ke-3 tahun ini ialah Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, yang menerima hadiah wang tunai sebanyak \$3,000.00 berserta piala rebutan.

Tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salamabigar dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna menduduki tempat ketiga.

Pemenang kedua dan ketiga masing-masing menerima hadiah wang tunai sejumlah \$2,000.00 dan \$1,000.00.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah daripada pihak penganjur.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang juga memulakan bacaan Surah Al-Fatihah di awal majlis.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat menyaksikan pameran dan seterusnya berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para pemenang PRYNSA 3 tahun ini.

PRYNSA mula dilancarkan pada tahun 1998 dengan tujuan untuk memupuk kecemerlangan di kalangan generasi belia terutamanya dalam bidang sains semula jadi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama penerima Anugerah Kedua PRYNSA 3 iaitu Pasukan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salamabigar (atas). Sementara gambar kiri, Pasukan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar yang menerima Anugerah Pertama PRYNSA 3 bersama piala dan cek hadiah wang tunai.

Berangkat kurniakan hadiah Pertandingan Bintang Kecil 2001



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada seorang pemenang Pertandingan Nyanyian Bintang Kecil 2001 yang dikendalikan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Kristal. Majlis berlangsung di Dewan Raya RTB. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. - Adik Nurizzati binti Maidin muncul johan di Pertandingan Nyanyian Bintang Kecil 2001 setelah menewaskan sembilan peserta finalis yang lain.

Kemerduan suara adik Nurizzati mendendangkan lagu yang berjudul Milikmu Teristimewa sekali gus melengkapkan cita-citanya untuk merangkul hadiah sejumlah \$1,300.00 bersama piala pusingan dan iringan.

Walaupun tewas di peringkat akhir pada tahun lalu, namun semangat untuk terus mencuba tetap diteruskan jua sekali gus mengukir kenangan manis dan ciptaan sejarah peribadinya.

Berangkat menyaksikan pertandingan yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Mateen sekali gus menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Terdahulu dari itu keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia ke Dewan Raya RTB telah dijun-

jung oleh Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail.

Pertandingan Nyanyian Bintang Kecil 2001 yang dikendalikan bersama oleh RTB dan Kristal ini telah disertai kira-kira 100 orang kanak-kanak sejak dari peringkat pemilihan lagi khusus yang berumur antara enam hingga 12 tahun.

Pertandingan yang diadakan setiap tahun ini antara lain bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat muda dalam mengembangkan muzik dan seni suara tanah air dan ia merupakan pertandingan kali ke-24 sejak mula dipertandingkan.

Manakala menduduki tempat kedua disandang oleh Adik Maisiti Nadirah binti Maidin dengan membawa lagu Panti Asuhan dengan mendapat markah 74.6 peratus.

Adik Maisiti merupakan penuntut darjah 6 di Sekolah Rendah Dato Basir dan berumur 11 tahun.

Tempat ketiga disandang oleh Adik Mohd. Hydzir Zuhdi bin Haji Sulaiman dengan mendendangkan lagu Anak Yang Pintar.

Adik Mohd. Hydzir Zuhdi menerima hadiah berupa wang tunai \$800.00 berserta piala iringan.

BERAKAS, 11 Mei. - Semua anggota dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diingatkan supaya jangan leka dan lalai terutamanya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai benteng pertahanan negara.

Peringatan itu dibuat oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dalam sabdanya sebelum melancarkan 'Wawasan ABDB Abad 21 Ke Arah Keberkesanan Pertahanan' di Mes Pegawai Berakas Garrison di sini.

Yang Amat Mulia bersabda menjelaskan, misi setiap anggota ABDB ialah 'Memelihara dan Mempertahankan Kedaulatan Negara' janganlah hendaknya misi ini tinggal sebagai misi semata-mata, tetapi perlu difahami dan dilaksanakan dengan sejujurnya dan sebaik-baiknya.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika bersabda melancarkan 'Wawasan ABDB Abad 21 Ke Arah Keberkesanan Pertahanan'. Majlis berlangsung di Mes Pegawai Berakas Garrison. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

"Kelalaian adalah musuh yang lebih kejam kerana kesannya akan membawa pelbagai kerugian yang tidak akan kita sedari sebelum kita menerima padahnya," sabda Yang Amat Mulia.

Untuk melaksanakan misi tersebut dengan jayanya, sabda Yang Amat Mulia, para anggota perlu membuat persediaan yang secukupnya bukan saja daripada segi kelengkapan tetapi juga dalam semua aspek pertahanan termasuk keanggotaan dan pengurusan serta pentadbiran semua aset pertahanan yang telah diamanahkan kepada kita semua.

"Kepimpinan, terutama sekali di kalangan pegawai-pegawai perlu dielakkan dan dipertingkatkan ke tahap yang berkesan dari semua aspek supaya ianya dapat menjadi teladan kepada ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin di semua peringkat," sabda Yang

ANGGOTA ABDB DIINGATKAN JANGAN LEKA DAN LALAI

Oleh
Abdullah Asgar

Amat Mulia seterusnya.

Sikap-sikap positif dan terbuka perlu disemai dan dibina supaya kita dapat berganding bahu dan bersepakat dalam mencapai matlamat-matlamat dan tugas masing-masing.

"Hal-ehwal kebajikan semua peringkat terutama sekali di peringkat bawahan hendaklah diberi perhatian khusus supaya kita dapat bekerja dalam suasana yang harmoni, selamat dan teguh," sabda Yang Amat Mulia lagi.

Sebagai pemimpin jelas Yang Amat Mulia, kita bertanggungjawab memelihara kesempurnaan akhlak dan kehidupan setiap anggota bawahan.

"Perkara-perkara yang dituntut sebagai pemimpin perlu kita laksanakan sebelum kita meminta hasil yang sempurna daripada orang-orang yang kita pimpin, dan kunci utama dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kita ialah keteguhan iman dan kemantapan aqidah serta keluhuran akhlak," sabda Yang Amat Mulia selanjutnya.

Jika kita mempunyai kekuatan dalam sabda Yang Amat Mulia, berserta dengan pengetahuan, kita tidak patut gentar dengan cabaran-cabaran abad 21, malah kita harus memperkuat usaha serta sentiasa bertawakal kepada Allah Yang Maha Memiliki dan Berkuasa dengan mengambil peluang

yang dibawa bersamanya.

Wawasan ABDB Di Abad 21 Ke Arah Keberkesanan Pertahanan membawa makna yang besar dan luas dan untuk mencapainya memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan semua lapisan anggota ABDB

dan di Kementerian Pertahanan.

Sebagai langkah pertama ABDB akan melancarkan projek-projek pembiasaan ke atas semua aset yang telah dimiliki termasuk projek-projek yang bersangkut paut dengan keanggotaan.

Tayangan video mengenai pelancaran Wawasan ABDB sejak mula penubuhan hampir 40 tahun lalu, pelbagai kemajuan telah dicapai khususnya perkembangan anggota, kelengkapan persenjataan, pesawat terbang, peluru berpandu dan kereta pengempur yang canggih.

"PERKARA-PERKARA yang dituntut sebagai pemimpin perlu kita laksanakan sebelum kita meminta hasil yang sempurna daripada orang-orang yang kita pimpin, dan kunci utama dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kita ialah keteguhan iman dan kemantapan aqidah serta keluhuran akhlak," sabda Yang Amat Mulia selanjutnya.



PARA pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang hadir di Majlis Pelancaran 'Wawasan ABDB Abad 21 Ke Arah Keberkesanan Pertahanan'. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

BERANGKAT KE ISTIADAT PERTABALAN RAJA PERLIS



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia berangkat meninggalkan bilik khas menuju ke Balai Rong Seri bagi Istiadat Pertabalan. Juga kelihatan ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Negeri Perlis.

Liputan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA



BERBUAL MESRA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kelihatan berbual mesra bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, sementara kelihatan di tengah-tengah ialah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Selangor.

KANGAR, 9 Mei. - Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Negeri Perlis pada 7 Mei lepas merupakan detik sejarah yang gemilang bagi seluruh rakyat Negeri Perlis sejak baginda dilantik menjadi Raja Muda Perlis pada 30 Oktober, 1960.

Majlis Istiadat Pertabalan tersebut bukan saja dapat disaksikan oleh seluruh rakyat Negeri Perlis malah juga oleh seluruh rakyat Malaysia bilamana liputan secara langsung dapat diikuti melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Sejak awal-awal lagi kelihatan penuntut-penuntut sekolah berbaris di sepanjang jalan mengibarkan bendera sehingga menuju ke Istana Arau dengan diikuti ribuan rakyat dan penduduk Negeri Perlis hadir di luar perkarangan istana untuk menyaksikan majlis istiadat secara dekat, terutama bagi menyaksikan perarakan bergajah yang membawa alat-alat kebesaran diraja termasuk Kitab Suci Al-Quran.

Berangkat bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Ne-



DISEMBAHKENALKAN Duli Yang Teramat Mulia disembahkenalkan kepada ahli-ahli keluarga Diraja Negeri Perlis sejurus ketibaan Duli Yang Teramat Mulia di Istana Arau.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kelihatan berbual mesra dengan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis sewaktu Majlis Santap Tengah Hari sejurus selepas berlangsungnya Majlis Istiadat Pertabalan Raja Negeri Perlis.

gara Brunei Darussalam ke majlis istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Sejak Majlis Istiadat Pertabalan itu, perkarangan Istana Arau dan kawasan persekitarannya di waktu malam di mandikan dengan cahaya lampu cucuk di samping diadakan persembahan hiburan dan persembahan kesenian tradisional rakyat yang mengambil tempat di Perkarangan Stadium Utama Negeri serta pelbagai acara yang lain di sepanjang bulan Mei ini.

Dengan terlaksananya Majlis Istiadat Pertabalan itu, rakyat negeri merasa bersyukur dan gembira kerana dapat menyaksikan upacara yang jarang-jarang kali dapat disaksikan.

Ini jelas tergambar apabila wakil PELITA BRUNEI membuat pendekatan dengan seorang penjual buah di Pekan Kangar yang menyatakan perasaan gembira beliau.

Awang Ramli bin Desa yang merupakan anak jati Negeri Perlis menyatakan kegemilangannya, di samping menjelaskan bahawa dengan adanya sistem pemerintahan beraja di negeri tersebut, sistem beragama akan terus kukuh dan mantap.

Tambahnya, dengan peristiwa sebegini, ia tidak dapat dilupakan kerana ia merupakan peristiwa sejarah bagi Negeri Perlis dan seluruh rakyatnya di mana mereka dapat menyaksikan raja-raja Melayu berkumpul dalam satu majlis, tegasnya.

Negeri Perlis yang terletak di bahagian utara dan yang terkecil sekali di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Negara Thailand dengan keluasan kira-kira 810 kilometer persegi.

Ibu Negeri Perlis ialah Kangar dan keramaian penduduknya kira-kira seramai 217,480 orang, manakala di bidang ekonomi pula negeri ini dikuasai dengan kesuburan buminya iaitu dengan bercucuk tanam dan perikanan, pertanian serta perhutanan.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Lapangan Terbang Kepala Batas dialu-alukan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Syarif Temenggong Perlis, Dato Seri Diraja Syed Amir Abidin. Juga kelihatan mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli pembesar Negeri Perlis sejurus selepas pesawat khas yang membawa Duli Yang Teramat Mulia mendarat di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar, Kedah.

DYTM berangkat balik dari Kangar, Negeri Perlis

KANGAR, 10 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat balik ke Negara Brunei Darussalam setelah menghadiri Istiadat Pertabalan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis.

Sebelum berangkat ke Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar, Kedah, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Mengucapkan selamat berangkat di tempat persemayaman Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Kangar, Perlis ialah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Negeri Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis serta

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Haji Masmaleh HMA

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda.

Sementara itu, mengucapkan selamat berangkat di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar, Kedah ialah Yang Amat Mulia Tengku Syarif Bendahara Perlis Dato Seri Diraja Syed Badaruddin.

Juga mengucapkan selamat berangkat ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.



SELAMAT BERANGKAT Kelihatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Negeri Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis ketika mengucapkan selamat berangkat kepada DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sejurus sebelum meninggalkan tempat persemayaman di Kangar, Perlis.



SEBELUM berangkat meninggalkan tempat persemayaman, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.



PENOLONG Pengarah Pertanian, Bahagian Industri Tanaman, Awang Haji Mat Zin dan lain-lain pegawai, pembekal dan pengedar bahan-bahan pertanian ketika memberikan penerangan kepada para petani dan pengusaha industri tanaman. - Gambar oleh Masri Osman.



PARA petani dan pengusaha industri tanaman mengambil kesempatan mendapatkan maklumat mengenai bahan-bahan pertanian yang dipamerkan sempena bengkel tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.



Petani dan pengusaha industri tanaman Tingkatkan pengetahuan asas mengenai sifat-sifat kimia

GADONG, 5 Mei. - Dalam usaha untuk terus membantu para petani dan pengusaha bidang industri tanaman meningkatkan pengetahuan di bidang pertanian dan tanaman, Jabatan Pertanian telah menganjurkan Bengkel dan Tunjuk Cara Mengenai Keperluan Tanaman seperti baja, kimia pertanian dan peralatan ladang yang dikeluarkan oleh tiga buah syarikat swasta.

Oleh Siti Muslihat HS

Berlangsung di Pusat Urusniaga Hortikultur, Rimba di sini, Penolong Pengarah Pertanian Bahagian Industri Tanaman, Awang Haji Mat Zin semasa memberikan ucapan alu-aluan berharap agar bengkel itu digunakan sebaiknya oleh para petani dan pengusaha tanaman untuk menimba lebih banyak ilmu daripada tiga buah syarikat dari Malaysia.

Para peserta katanya, perlu mengambil kesempatan khususnya dalam memperdalam pengetahuan asas, mengetahui sifat-sifat kimia dan seumpamanya yang boleh dimanfaatkan bagi keperluan ladang masing-masing.

Lebih 50 orang petani dan pengusaha industri tanaman menghadiri bengkel sehari itu yang dianjurkan bersama oleh sebuah syarikat pembekal dan pengedar bahan-bahan pertanian yang diiktiraf iaitu Asia Enterprise.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar ketika menyampaikan Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik serta Sijil Perlantikan kepada seorang pegawai ATLD. - Gambar oleh Haji Masaleh HMA.

Tunjukkan daya kepimpinan yang tinggi

BERAKAS, 4 Mei. - Semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hendaklah sentiasa menunjukkan daya kepimpinan yang tinggi di samping peka terhadap apa juga pergolakan tentang perkembangan dan apa saja yang berlaku terhadap ABDB serta di rantau ini.

Seruan itu dibuat oleh Pemerintah ABDB, Yang Di-

Oleh Samle Haji Jait

muliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar di Upacara Penyampaian Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik serta Sijil Perlantikan di sini.

Yang Dimuliakan berkata, para penerima pingat dan sijil berkenaan telah menunjukkan disiplin yang dapat membanggakan berdasarkan rekod bersih dalam perkhidmatan tentera dan sivil selama 18 tahun.

Pemerintah ABDB itu berharap, penerimaan pingat dan sijil akan menjadi pendorong untuk meningkatkan dan mengekalkan sifat positif demi untuk terus menjaga nama baik dan kesejahteraan ABDB.

"Tingkatkan semangat perpaduan, ikhlas dan taat dalam

melaksanakan tanggungjawab dengan tunjuk ajar dan memimpin tenaga muda ABDB di bawah jagaan masing-masing," tambah Yang Dimuliakan.

Seramai 26 pegawai menerima Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik di mana anugerah itu merupakan pengiktirafan bagi kerjaya cemerlang dan pencapaian yang dibanggakan.

Kejayaan mereka itu turut bersandarkan kepada sokongan keluarga yang sententunya memahami tugas yang penuh mencahar.

Sementara itu 53 anggota menerima Sijil Perlantikan mereka setelah menamatkan latihan pegawai tentera dan ditauliahkan sebagai Pegawai ABDB. Pencapaian mereka ini sententunya menjadi dorongan kepada pegawai-pegawai baru yang juga diseru untuk meningkatkan taraf profesionalisme di bidang kerjaya masing-masing.

LATIHAN PELICAN CAPAI MATLAMAT

MUARA, 9 Mei. - Prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dan perancangan yang rapi serta pemahaman yang kuat di kalangan pegawai dan anak buah angkatan tentera laut kedua-dua negara, segala rancangan latihan mencapai matlamat yang dihasratkan.

Apa yang dapat dilihat di sini ialah kematangan, kede-wasaan selama 23 tahun semua latihan yang dirancang berjalan dengan teratur dan baik, tidak ada satu pun tertinggal dan semuanya dalam keadaan selamat.

Pegawai Pemerintah KDB Waspada, Mejar (L) Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanifah ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sejurus selepas majlis mengalu-alukan kedatangan dua buah kapal ATLD di Pangkalan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei di sini yang menjalani Latihan PELICAN Ke-23 di Republik Singapura.

Beliau yang mengetuai dua buah kapal perang KDB Waspada dan KDB Pejuang berkata, pelayaran yang begitu jauh dapat memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai dan juga anak-anak buah kapal, tentang memasuki negara asing, bagaimana cara hidup di laut dan belayar memasuki terusan yang begitu sibuk seperti Republik Singapura.

"Mudah-mudahan dengan pengalaman tersebut dapat memberikan semangat kepada pegawai dan anak buah kapal dengan terus bekerja dan segala ilmu pengetahuan yang diper-

Oleh Haji Ahmad HS

olehi akan dapat dipergunakan dalam operasi-operasi di masa akan datang," jelasnya.

Ketika ditanya masalah yang dihadapi sepanjang 23 tahun mengikuti latihan bersama antara kedua-dua negara, beliau menjelaskan, tidak ada masalah yang besar dihadapi oleh kedua-dua angkatan tentera laut, kerana segala prosedur-prosedur latihan telah dirancang dengan rapi dan di samping pemahaman yang kuat di kalangan kedua-dua angkatan tentera laut.

Latihan yang mengandungi 100 orang anggota dengan dua buah kapal daripada ATLD dan tiga buah dari Angkatan Tentera Laut Republik Singapura (ATLRS) dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama, latihan dijalankan di Pusat Latihan yang menggunakan Simulitar dan fasa kedua, latihan berada di perairan.

Menurut Pegawai Pemerintah KDB Waspada semasa latihan fasa pertama, para pegawai dan anggota kedua-dua pihak dapat merasakan senario peperangan yang ditempuhi ketika diserang, ditembak dengan peluru berpandu melalui sasaran dari udara, permukaan air dan di bawah air.

Fasa kedua pula katanya, melibatkan dua buah kapal dari Negara Brunei Darussalam iaitu KDB Waspada dan KDB Pe-

juang dan tiga buah dari Republik Singapura iaitu RSS Sea Scorpion, Sea Wolf dan Dauntless.

"Latihan fasa kedua ini, kapal-kapal tersebut belayar melalui terusan Republik Singapura dengan cuba untuk mengelak daripada terkena perik api, mencari sasaran, peperangan di permukaan air, peperangan di waktu malam, menggunakan senjata kapal di permukaan air," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, latihan seumpamanya perlu diteruskan, kerana latihan ini boleh membuka minda terutama kepada pegawai dan anggota ATLD dan mengetahui bagaimana cara mengendalikan latihan dan prosedur-prosedur yang dijalankan.

Sepanjang berada di Republik Singapura, kedua-dua angkatan juga mengadakan aktiviti sosial dan perlawanan persahabatan dalam sukan yang mana ATLD sekali lagi berjaya mempertahankan tropi dalam sukan tersebut.

Sementara itu wakil PELITA BRUNEI juga sempat menemui bual seorang anggota yang terlibat dalam latihan iaitu Staf Sarjan Awang Haji Sabli bin Haji Hitam yang menjelaskan pengalamannya, sepanjang latihan itu, anak-anak buah kapal yang baru ditukar ke ATLD telah berjaya mengikuti latihan yang dijalankan dengan baik.

Mengenai dengan kerjasama katanya, pihak Angkatan Ten-

tera Laut Republik Singapura memberikan kerjasama yang sangat memuaskan kepada mereka. Ini terbukti sejurus tiba di republik tersebut telah disambut dengan begitu mesra. Dengan sambutan itu mereka merasa gembira, walaupun masih terasa kepenatan dalam pelayaran tiga hari tiga malam mengharungi samudera untuk menuju Republik Singapura.



PENGETAHUAN yang diperolehi dari Latihan PELICAN akan dapat dipraktikkan dalam operasi-operasi latihan di masa akan datang, jelas Pegawai Pemerintah KDB Waspada, Mejar (L) Abdul Mohd. Hanifah. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KETIBAAN kapal Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei di pangkalan angkatan itu dialu-alukan oleh para pegawai ATLD setelah menjalani Latihan PELICAN di Republik Singapura. - Gambar oleh Abdullah HAD.



MEJAR Sagar bin Apoi ketika memberikan taklimat kepada para anggota Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) yang menjalani Latihan Kepimpinan. - Gambar oleh Maari Osman.

Latihan Kepimpinan ATPBDB

BERAKAS, 11 Mei. - Latihan Kepimpinan bagi 46 anggota Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) berjalan selama seminggu bermula pada 11 hingga 17 Mei.

Sebelum latihan bermula, 'taklimat sebelum bergerak' di Cook House Bolkiah Garrison di sini disampaikan oleh ketua rombongan Latihan Kepimpinan, Mejar Sagar bin Apoi.

Dalam taklimatnya itu beliau antara lain menyentuh mengenai beberapa persediaan yang perlu diambil perhatian. Beliau juga menerangkan kawasan yang akan dijadikan tempat Latihan Kepimpinan yang mana kebanyakannya diadakan di Daerah Temburong.

Antara latihan yang diadakan termasuklah pertunjukan membuat rakit untuk kegunaan melalui jalan sungai yang bermula dari Kuala Majan, Kampong Selapon yang memakan masa selama tiga hari dan berjalan kaki selama empat jam dari

Oleh Haji Ahmad HS

Kampong Selapon ke jambatan Batu Apoi, Daerah Temburong.

Latihan yang dikendalikan oleh Kompeni Markas dan Pejabat Gar Ejut adalah sebagai kegiatan ATPBDB bertujuan untuk memberikan pendedahan yang meluas dalam aspek kepimpinan yang ada hubung kaitnya dengan kepimpinan seorang tentera, memberikan pengetahuan kepada anggota terhadap alam sekitar negara sendiri dan mengenal secara mendalam tentang kewujudannya yang semula jadi dan walaupun pada dasarnya latihan ini adalah merupakan satu kegiatan rekreasi akan tetapi mempunyai keperluan dalam semua aspek yang diperlukan selaku seorang anggota tentera yang terlatih.

SUKAN SUKAN SUKAN



TERIMALAH Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin menyerahkan bendera kebangsaan kepada Ketua Kontinjen ke Sukan ARAFURA, Awang Haji Rosmaded bin Haji Md. Daud. Juga kelihatan ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Yusof bin Abu Bakar. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kejohanan Bola Sepak Kota Rangers

KELAB Bola Sepak Kota Rangers memaklumkan kepada pengurus-pengurus pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Sembilan Orang Sepasukan supaya akan dapat menghadiri cabutan pengundian perlawanan pada 18 Mei jam 2.30 petang di Pusat Belia berdekatan dengan

Bangunan Lapau.

Dalam pada itu, pasukan-pasukan yang berhajat untuk menyertai kejohanan itu juga boleh menghantar borang penyertaan masing-masing sebelum pengundian dimulakan.

Saringan Bola Sepak Piala Dunia Kump. 8 Brunei Darussalam sudah tersingkir

HARAPAN Negara Brunei Darussalam untuk menguasai Bola Sepak Saringan Piala Dunia 2002 Kumpulan 8 Asia nampak sudah tertutup selepas kecedang 1 - 0 kepada India di Stadium Negara Hassanah Bolkhiah.

Kekalahan kelima itu meletakkan terus peluang untuk terus bersaing ke pusingan selanjutnya, meskipun masih terdapat satu lagi perlawanan menentang India bagi perlawanan kedua di New Delhi pada 20 Mei ini.

Namun apa yang menarik perhatian dalam pertemuan itu ialah tuan rumah berjaya memperlihatkan mutu permainan yang cemerlang sehingga pasukan pelawat terpaksa menunggu hingga

Oleh Haji Ahat HI

minit ke-67 untuk mendapatkan jaringan kemenangan.

Pemain tengah, Jepaul Anchery memanfaatkan kesempatan terhidang itu dengan menenduk bola masuk sesudah dua percubaan terdahulu daripada Baicung Bhutia dan I.M. Vijaya berjaya ditepis penjaga gol, Jeffry Mohammad.

Terdahulu awal permainan, tuan rumah hampir mendahului pasukan pelawat apabila percubaan jarak dekat ketua pasukan, Mohd. Ali Haji Momin

hampir saja menewaskan penjaga gol India, Virender Singh.

Selapas itu, India kemudian menguasai permainan dengan banyak melancarkan gerakan-gerakan bahaya, namun barisan pertahanan yang diketuai oleh Abang Norsillmy Abang Haji Taha, Muhd Saidiy Abdullah Tujuh, Awangku Md. Shahril Pengiran Haji Ismail dan penjaga gol berjaya mengekangnya hingga tamat separuh masa permainan tanpa sebarang jaringan.

Melihat kepada sukaranya membolosi pertahanan tuan rumah itu, India terus mengatur serangan pelbagai cara di separuh masa kedua. Begitupun, Jeffry Mohammad lebih bijak mengawal pertahanannya.

Dalam kehairahan untuk mendapatkan jaringan itu, tuan rumah pula hampir pasti memperoleh jaringan apabila rembatan Rosmini Haji Abdul Kahar tersasar keluar, hasil daripada gerakan solo yang dilakukannya.

Dalam suasana yang semakin terdesak itu, India kemudian memanfaatkan kesempatan pergelutan depan pintu gol apabila bola yang terbabas daripada kawalan penjaga gol berjaya ditanduk masuk oleh Jepaul Anchery.

Kekalahan tipis itu hanyalah kerana nasib yang belum menyebelahi tuan rumah sesudah bermain cukup menyerlah memberikan tentangan sengit hingga tamat perlawanan.

Dalam dua perlawanan terdahulu di tempat lawan dengan Yemen di Sana'a, Negara Brunei Darussalam berjaya mengekang asakan Yemen dengan hanya tewas 1 - 0, manakala dalam pertemuan dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE) di Abu Dhabi juga tewas 4 - 0.

Penyertaan Sukan SEA Ke-XXI ATLET KURANG MENYERLAH DIGUGURKAN

Oleh Haji Ahat HI

PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Omar mengingatkan bahawa atlet yang kurang menyerlah pada penyertaan di Sukan ARAFURA, Darwin, Australia akan digugurkan daripada menyertai Sukan SEA Ke-XXI di Kuala Lumpur September depan.

Berucap di Majlis Penyerahan Bendera kepada kontinjen negara ke Sukan ARAFURA 2001, di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkhiah, Dato Paduka menjelaskan, sukat-sukat pencapaian para atlet di temasya itu diambil kira dan digunakan sebagai asas penyertaan ke Sukan SEA.

"Penyertaan kita dalam sukan ini adalah hanya untuk pendedahan atlet dalam skim skim remaja kita. Akan tetapi dengan meningkatnya kaliber pasukan-pasukan yang lain, maka kita telah juga mula menggunakan Sukan ARAFURA



RA ini sebagai sukatan bagi pasukan-pasukan kita yang akan menyertai Sukan SEA," jelasnya.

Sehubungan itu tambah Dato Paduka, Jawatankuasa Pemilihan Atlet bagi Sukan SEA Ke-XXI tidak ragu-ragu untuk menggugurkan atlet yang tidak mencapai mutu yang diperlukan.

"Dengan ini, saya menyeru kepada para atlet yang bakal mewakili negara ini di Sukan SEA Ke-XXI nanti akan memperlihatkan prestasi yang tinggi di Sukan ARAFURA," jelas Dato Paduka.

Selanjutnya Dato Paduka berkata, dengan adanya penca-

paian jumlah pingat yang besar oleh kontinjen Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA yang lepas, para atlet mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan dan memperbaiki bagi pencapaian di Sukan SEA akan datang.

Menyentuh mengenai penyertaan atlet muda di Sukan ARAFURA ini, Dato Paduka mengharapkan agar atlet berkenaan akan mengambil kesempatan daripada penyertaan untuk mendapatkan pengalaman dan menguji kebolehan masing-masing dengan atlet negara lain.

"Dari sini kita, akan dapat menilai mutu latihan yang dijalankan di negara kita dan kesesuaian latihan untuk mencapai tujuan dan matlamatnya," kata Dato Paduka.

Dalam penyertaan kali ini, Negara Brunei Darussalam mengemukakan kontinjen seramai 88 orang yang terdiri daripada tujuh pegawai, 11 jurulatih dan 70 atlet yang akan bertarung dalam sembilan acara, iaitu olahraga, bola sepak, badminton, ping pong, lawn bowls, renang, golf, skuasy dan tinju. Temasya yang bermula dari 19 hingga 26 Mei itu mempertandingan 33 acara sukan.

KEDUDUKAN PASUKAN KUMPULAN 8 ASIA BOLA SEPAK SARINGAN PIALA DUNIA 2002

PASUKAN	M	M	S	K	J	B	MATA
Yemen	5	3	2	0	11	4	11
UAE	5	3	0	2	18	3	9
India	5	2	2	1	6	5	8
Negara Brunei Darussalam	5	0	0	5	0	23	0



KAWAL Grunghab Surrumar Singh (depan) mengawal bola, dan Edi Rusan Abdul Samad cuba mencabarnya dari belakang, namun India menang 1 - 0. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



SEBAHAGIAN daripada atlet yang mewakili sembilan acara sukan di temasya Sukan ARAFURA 2001, Darwin, Australia. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kebawah DYMM, Li Peng adakan perjumpaan

MENINGKATKAN KERJASAMA DUA HALA

BEIJING, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng telah bertukar pandangan mengenai cara-cara meningkatkan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Baginda dan Tuan Yang Terutama mengadakan perjumpaan bertempat di Great Hall of The Peoples Republic of China di sini. Perjumpaan selama 45 minit itu berjalan dalam suasana penuh kemesraan dan persahabatan.

Di perjumpaan itu, baginda juga telah membuat undangan bagi Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam. Baginda berharap lawatan seumpama itu akan dapat meningkatkan hubungan antara kedua-dua buah negara.

Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Beijing bukan sahaja untuk meningkatkan komitmen dalam APEC, tetapi juga untuk memperkukuhkan hubungan dua hala yang rapat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Terdahulu sebelum itu, Tuan Yang Terutama menjelaskan bahawa lawatan baginda ke Beijing kali ini akan terus dapat memperkukuh kerjasama terutama sekali di bidang ekonomi dan perdagangan.

Menurut Tuan Yang Terutama lagi, sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengadakan lawatan negara pada tahun 1993, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China terus erat dan bertambah kukuh dengan pelbagai kerjasama dan perjanjian telah dapat dijalin dan dimeterai dengan jayanya.

Mengenai kejayaan APEC 2000 di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng menegaskan bahawa kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Negara Brunei Darussalam dalam mengendalikan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC pada November 2000 adalah atas pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memperkerusi sidang kemuncak berkenaan.

Selepas perjumpaan itu, baginda dan rombongan baginda diraikan di Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng.

Laporan

Haji Jaafar HI dan
Dk. Hjh. Saidah PHOA
dari Beijing

Hadir sama di perjumpaan dan Majlis Santap berkenaan ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, TYT Pengiran Dato Paduka Haji Asmalee; Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri,

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Haji Abdul Wahab bin Juned; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng dan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar.

LAWATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Beijing bukan sahaja untuk meningkatkan komitmen dalam APEC tetapi juga untuk memperkukuhkan hubungan dua hala yang rapat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Puan Sarah Dennis, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand yang akan menamatkan perkhidmatannya (kiri), dan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Tuan Klaus-Peter Brandes, juga akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Yang Berhormat Dr. Ludger Volmer, Menteri Negara di Pejabat Luar Federal, Republik Persekutuan Jerman. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima kunjungan muhibah Yang Berhormat Dr. Ludger Volmer, Menteri Negara di Pejabat Luar Federal, Republik Persekutuan Jerman. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Turut hadir di majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Menteri Perhubungan; Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja ke negara ini.

Sementara itu pada hari yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima meng-

adap Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Tuan Klaus-Peter Brandes, di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama Tuan Klaus-Peter Brandes akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini.

Di majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan penghargaan di atas sumbangan Tuan Yang Terutama dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman.

Tuan Yang Terutama Tuan Klaus-Peter Brandes berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini sejak Mei, 1999.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Puan Sarah Dennis, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Di majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan penghargaan di atas khidmat Puan Yang Terutama dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan New Zealand.



HUTAN SUMBER ASLI NEGARA

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong, juara PRYNOSA 3

DALAM usaha untuk mengekalkan alam semula jadi negara ini, Jabatan Perhutanan terus mengadakan aktiviti-aktiviti yang memberi penekanan terhadap pemeliharaan alam sekitar khususnya yang berhubung kait dengan hutan tropika.

Antara aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan berkenaan ialah Anugerah Saintis Muda Alam Semulajadi Puteri Rashidah (PRYNOSA) yang mula dilancarkan pada tahun 1998 dan ditaja oleh Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad.

Pada 9 Mei lepas, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Penaung PRYNOSA, telah berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan PRYNOSA 3 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkihah.

Bagi tahun 2000, PRYNOSA 3 menarik perhatian 16 buah sekolah menengah dan maktab di negara ini dengan menghantar projek masing-masing untuk dipertimbangkan.

Bagaimanapun setelah penelitian dibuat, lima buah sekolah menengah dan maktab berjaya dipilih ke peringkat akhir bagi anugerah berkenaan.

Lima buah sekolah yang terpilih ialah Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar; Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali; Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut dan

Oleh Siti Muslihat HS

Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah.

Hasil daripada penilaian dan penelitian para penal hakim, PRYNOSA 3 berjaya dijuarai oleh Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salambigar di tempat kedua dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di tempat ketiga.

Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar dalam projek PRYNOSA 3 kali ini membuat kajian mengenai Ekosistem Ikan Air Tawar Dalam Kawasan Hutan Hujan Tropika.

Pasukan dari sekolah ini memfokuskan kajian di dua kawasan berbeza iaitu di hulu dan hilir Sungai Apan yang merupakan anak Sungai Temburong yang terletak di Taman Negara Ulu Temburong.

Antara tujuan utama projek ini ialah untuk mengenal pasti beberapa proses yang mengambil alih dalam dua kawasan ekosistem yang berbeza.

Sementara itu, kajian mengenai kualiti air dengan menggunakan hidupan binatang kecil di air yang bertulang belakang yang nampak dilihat oleh mata kasar membawa Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salambigar memenangi tempat kedua.

Kawasan aliran sungai yang dibuat kajian ialah Sungai Baki di Taman Negara Ulu Temburong, Sungai Mata Ikan di Pusat Penyelidikan Kuala Belalong, Wasai Sungai Akar yang

terletak di Lebuhraya Jalan Kebangsaan menuju Kampong Mentiri dan aliran anak Sungai Kianggeh.

Sementara projek yang mendapat tempat ketiga yang dibawa oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Lambak Kanan membawakan perbandingan kajian struktur hutan di antara kawasan rendah dan tinggi kawasan perbukitan di Taman Negara Ulu Temburong.

Juara PRYNOSA 3 tahun ini iaitu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, adalah juga merupakan pemenang PRYNOSA 1 dalam tahun 1998 diikuti oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan sebagai pemenang PRYNOSA 2.

Anugerah Saintis Muda Alam Semulajadi atau PRYNOSA adalah merupakan gagasan Jabatan Perhutanan yang bertujuan untuk memupuk kece-merlangan di kalangan generasi belia terutamanya dalam bidang sains semula jadi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah berkenan bergambar kenangan bersama juara PRYNOSA 3, Pasukan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, Temburong. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDU HAJI TAHUN 1422H/2002M

JABATAN Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengumumkan bahawa pendaftaran menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1422 Hijrah/2002 Masihi telah bermula pada 20 Safar, 1422 Hijrah/14 Mei, 2001 Masihi iaitu hari Isnin bermula 8.30 pagi - 11.30 pagi dan sebelah petang 2.00 petang - 4.00 petang di pusat-pusat seperti berikut :

1. Jabatan Urusan Haji, Bangunan Lama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

2. Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

3. Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong.

4. Masjid Mohammad Bolkihah, Kampong Serusop.

5. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

6. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong.

7. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Temburong.

Di hari kedua dan seterusnya, pusat-pusat pendaftaran hanya akan dibuka di tempat-tempat berikut :

1. Jabatan Urusan Haji, Bangunan Lama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara

Brunei Darussalam.

2. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait.

3. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong.

4. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Temburong.

Tarikh tutup pendaftaran bagi Daerah Brunei dan Muara pada hari Sabtu, 6 Jamadilakhir, 1422 Hijrah bersamaan 25 Ogos, 2001 Masihi, manakala bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong pada 5 Jamadilawal, 1422 Hijrah bersamaan 26 Julai, 2001 Masihi.

Forum Hari Majlis Wanita dedahkan: Kesihatan dan Keselamatan Makanan

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh Harun HR

BERAKAS, 6 Mei. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) telah mengadakan Majlis Forum dan Pameran sebagai aktiviti sambutan Hari Majlis Wanita bagi tahun 2001.

Berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan di sini, forum membincangkan 'Kesihatan dan Keselamatan Makanan' dengan menjemput tiga orang ahli panel yang terdiri daripada Dayang Hajah Rahayu binti Dato Paduka Haji Abdul Razak, Penasihat Undang-Undang dari Jabatan Undang-Undang; Dayang Mahani binti Haji Mohammad, Merinyu Kawalan Kesihatan, Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan dan Haji Kassim bin Haji Mohammad, Pemangku Pegawai Ugama Kanan di Bahagian Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dayang Hajah Rahayu di Majlis Forum ini mengetengahkan mengenai akta dan undang-undang dalam menjaga kesihatan dan keselamatan makanan di negara ini.

Antara akta tersebut katanya, ialah Akta Kesihatan Awam, Makanan dan Peraturan-peraturannya, Akta Daging Halal dan Aturan-aturan Yang Perlu, Akta Racun, Akta Tanda-tanda Dagangan dan Akta Tanda Perniagaan.

Akta Kesihatan Awam, Makanan dan Peraturan-peraturannya, mengawal kualiti,

keselamatan dan piawaian bagi makanan yang diimport dan keluaran tempatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Akta ini memperuntukkan peraturan-peraturan bagi penjualan, pembekal, pemproses, pengirim makanan di dalam negeri dan pengimport makanan ke negara ini.

Antara syarat-syarat yang dikehendaki dalam akta ini ialah pelekatan tanda atau 'labelling' dan taraf minima bagi setiap makanan yang dikeluarkan di negara ini.

Mengikut peraturan pelekatan tanda ini, tiada siapa boleh mengimport, mengiklankan, menjual, membawa makanan yang dibungkus sedia jika makanan tersebut tidak diberi tanda atau di 'label' dengan butir-butir seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan itu yang antaranya memberi pengesahan jenis ramuan terutamanya bagi jenis



PARA ahli panel dalam sesi forum ini ialah (duduk dari kiri) Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, Yang Dipertua Majlis Wanita selaku Pengerusi Forum, Dayang Hajah Rahayu binti Dato Paduka Haji Abdul Razak dari Jabatan Undang-Undang, Dayang Mahani binti Haji Mohammad dari Kementerian Kesihatan dan Awang Haji Kassim bin Haji Mohammad dari Bahagian Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.

pedaging lemak dan alkohol.

Sementara itu, dalam memperkatakan Akta (Kesihatan Awam) 1993 Dan Peraturan-peraturan Kesihatan Awam (Makanan) 2000, Dayang Mahani menjelaskan, akta berkenaan diluluskan pada tahun 1998 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari, 2001.

Akta ini antaranya berperanan untuk mengawal makanan sama ada keluaran tempatan ataupun yang diimport bagi menjamin makanan dalam pasaran adalah selamat dan berkualiti, suci dan halal dari segi hukum syarak.

Di bawah akta ini katanya, makanan yang diimport ke Negara Brunei Darussalam hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan khasnya dari segi piawaian terutamanya pelekatan dan keselamatan.

Sebelum import makanan diluluskan, jenis-jenis makanan yang memerlukan pe-

BERIKUTAN dengan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh badan ini dalam menangani kes pemakanan yang diragui kehalalannya, satu undang-undang telah digubal khusus untuk menangani pemakanan orang-orang Islam di negara ini yang dipanggil Perintah Darurat (Daging Halal) 1998 dan mula dikuatkuasakan mulai 17 April, 1999.

nandaan tarikh hendaklah di daftar bagi memastikan penandaan tarikh tersebut sebagai mematuhi peraturan yang berkaitan.

Akta itu juga meliputi bangunan-bangunan makanan termasuk kedai makan, gerai, pasar, tamu sama ada berlesen atau tidak, dalam, luar atau daerah.

Dengan adanya akta itu, jelasnya, segala import akan lebih terkawal dan peniaga tempatan berpeluang memajukan perusahaan mereka serta dapat bersaing dengan peniaga luar negeri.

Dengan merealisasikan akta ini, kerjasama dan bantuan dari agensi-agensi penguatkuasa undang-undang makanan diperlukan berganding bahu dalam pelaksanaan akta ini supaya para pengguna lebih yakin dan sedar keselamatan dan piawaian makanan yang dimakan.

Sementara itu Awang Haji Kassim dalam memperkatakan mengenai kewujudan Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal berkata, Lembaga itu ditubuhkan pada menjunjung

titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang pada mulanya dikenali sebagai Jawatankuasa Ad-Hock Daging Halal Haram Negara Brunei Darussalam yang dianggotai oleh beberapa orang menteri kabinet.

Ekoran daripada penubuhan Jawatankuasa Ad-Hock Daging Halal Haram ini tambahnya, sebuah badan yang dikenali sebagai 'Badan Pengeluar Permit Import Daging Halal' telah ditubuhkan pada 13 Oktober, 1997.

Disebabkan jawatankuasa tersebut tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang membolehkan atau memberi kuasa kepada pegawai-pegawainya untuk menahan atau merampas daging-daging yang diragui kehalalannya, oleh itu jawatankuasa badan ini bergantung sepenuhnya atas kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

Berikutan dengan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh jawatankuasa tersebut dalam menangani kes



AWANG Haji Kassim menjelaskan, kewujudan Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal adalah pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

pemakanan yang diragui kehalalannya, satu undang-undang telah digubal khusus untuk menangani pemakanan orang-orang Islam di negara ini yang dipanggil Perintah Darurat (Daging Halal) 1998 dan mula dikuatkuasakan mulai 17 April, 1999.

Dengan termaktubnya undang-undang berkenaan, Badan Pengeluar Permit Import Daging Halal telah dikenali sebagai 'Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal'.

Begitulah sebahagian daripada taklimat yang antaranya turut dijelaskan oleh penceramah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mendedahkan penubuhan lembaga berkenaan.

Forum di sebelah pagi itu dipengerusikan oleh Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.



DAYANG Hajah Rahayu, Penasihat Undang-Undang menjelaskan, pelekatan tanda atau 'labelling' dan taraf minima bagi setiap makanan yang dikeluarkan adalah penting.



FORUM mengenai Kesihatan dan Keselamatan Makanan anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam dihadiri oleh persatuan wanita yang bergabung dengan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

MARILAH kita tanamkan sifat takwa kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan dengan jalan ini kita akan selamat di dunia dan di akhirat.

Dalam mengejar arus kemodenan, sebahagian besar manusia semakin lupa mengingati Allah Subhanahu Wataala, apatah lagi untuk bersyukur atau berterima kasih di atas limpah rahmat kurnia-Nya, tetapi akan mula mengingati-Nya apabila ditimpa kesusahan atau musibah. Sesungguhnya berzikir dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala memohon rahmat dan perlindungan-Nya adalah salah satu jalan atau cara untuk mendekatkan diri kepada-Nya serta mempertingkatkan lagi takwa dan keimanan kita.

Doa merupakan satu seruan atau permintaan terhadap sesuatu sesuai dengan hajatnya atau permohonan perlindungan kepada Allah Subhanahu Wataala dari bencana, bala, malapetaka dan sebagainya. Allah Subhanahu Wataala sendiri menyuruh dan menggalakkan makhluk-Nya supaya sentiasa berdoa dan meminta sesuatu kepada-Nya sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Mu'min ayat 60 yang tafsirannya:

"Dan Tuhan kamu berkata: Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu."

Sesungguhnya fadilat-fadilat dan kelebihan berdoa itu amat banyak kerana dengan sentiasa berdoa, ianya cukup membuktikan kepada Allah Subhanahu Wataala bahawa kita ini adalah makhluk ciptaan-Nya yang lemah tiada daya serta sangat memerlukan pertolongan dari-Nya. Di samping itu kita akan sentiasa berada di sisi Allah Subhanahu Wataala serta mendapat rahmat dan keredaan-Nya, dimudahkan dalam segala pekerjaan dan urusan yang sukar serta dijauhkan dari bala dan musibah.

Selain dari itu, berdoa juga dapat menghilangkan perasaan sombong, bangga diri dan takbur kerana mereka yang yakin boleh berjaya dengan usaha sahaja tanpa perlu berdoa adalah dikira sebagai orang yang sombong kepada Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu'min ayat 60 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina."

Adapun supaya doa yang kita lakukan akan dimakbulkan Allah Subhanahu Wataala, perlu diketahui etika dan syarat-syarat ketika berdoa, kerana

Berdoa dapat menghilangkan perasaan sombong, bangga diri dan takbur

jika doa dilakukan tanpa adab, sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh, maka tentu sahaja doa yang dipohonkan tidak dimakbulkan. Jika mahu doa yang dipanatkan dimakbulkan, untuk itu hendaklah hati kita bersih, suci dan penuh tulus ikhlas kepada Allah Subhanahu Wataala. Mungkin dengan sabar, tanpa merungut serta merasa yakin bahawa doa yang dipohonkan itu akan dimakbulkan Allah Subhanahu Wataala. Mulakanlah doa dengan memuji-muji kebesaran Allah Subhanahu Wataala, diikuti dengan membaca selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadap ke

arah kiblat dan menadah kedua tapak tangan ke atas serta mengaminkannya. Adalah ditegah untuk berdoa pada meminta sesuatu yang mustahil atau mendoakan keburukan atau kejahatan untuk orang lain atau untuk memutuskan silaturahmi.

Islam tidak menghadkan batas-batas pada tempat dan waktu untuk berdoa. Namun terdapat waktu dan tempat di mana doanya lebih mustajab dan diterima. Antaranya ialah berdoa selepas salat fardu, ketika sujud, ketika dalam peperangan atau ketika wukuf di Arafah dan sebagainya.


Dari sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang

bermaksud:

"Tiga golongan doa mereka tidak ditolak, iaitu pemimpin yang adil, orang yang berpuasa sehingga ia berbuka dan doa orang yang teraniaya." (Riwayat Ahmad, At-Tirmizi, Ibnu Majah).

Maka telah jelaslah betapa peranan doa itu amat penting dalam memberkati kehidupan kita, kerana itulah ianya perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh, mengikut etika dan syarat dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, masyarakat di negara kita tidak pernah mengabaikan kepentingan doa dalam memberkati apa sahaja yang

MULAKANLAH doa dengan memuji-muji kebesaran Allah Subhanahu Wataala, diikuti dengan membaca selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadap ke arah kiblat dan menadah kedua tapak tangan ke atas serta mengaminkannya. Adalah ditegah untuk berdoa pada meminta sesuatu yang mustahil atau mendoakan keburukan atau kejahatan untuk orang lain atau untuk memutuskan silaturahmi.



Suara dari mimbar

dilakukan, ianya dilakukan secara meluas terutama di majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi. Malahan sesuatu majlis tersebut itu akan dianggap kurang sempurna jika bacaan doa tidak dilakukan. Akan tetapi sejauh manakah kita dapat menghayati doa-doa tersebut? Ini kerana dari apa yang kita dapat saksikan dan lihat, terdapat sebilangan tetamu yang hadir mengambil sikap tidak kisah dan kurang pemedulian sebaik sahaja doa dibacakan. Ada yang hanya tahu menadah tangan, akan tetapi hati dan jiwanya kosong, ada pula yang khayal, berangan-angan atau tidur dan tidak kurang juga yang tidak henti-henti bercerita dengan temannya, walhal apa salahnya kalau kita diam sebentar memberi laluan agar doa yang dipanatkan dapat didengar, dihayati dan dihayati dengan baik dan khusyuk. Mudah-mudahan dengan sedemikian kita turut sama mendapat keberkatan dari doa yang dibacakan tersebut. Walau bagaimanapun, kita adalah ditegah sama sekali untuk membaca doa bagi memberkati majlis atau upacara yang berkaitan dengan perbuatan maksiat dan mungkar kerana

perbuatan sedemikian seolah-olah kita mempersendakan ajaran agama dan amalan suci doa tersebut.

Dari itu jagalah tingkah laku dan adab ketika kita berdoa, pohonlah kepada-Nya dengan hati yang benar-benar ikhlas mengharap pertolongan dan ketenangan jiwa. Semoga doa yang kita hajatkan akan diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya Allah tidak akan mengham-pakan permohonan dari hamba-Nya yang benar-benar merendahkan diri dan tawaduk.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 186 yang tafsirannya:

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku, maka beritahu kepada mereka: Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir kepada mereka. Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dengan mematuhi perintah-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik dan betul."

وقت سمیع، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمیع، امساك، شوروق دان ضحی باکی دایره برونی دان موارا مولای داری هاری رابو، 22 صفر 1422 برسمات 16 می 2001 هیئت کھاری ثلاث، 28 صفر 1422 برسمات 22 می 2001 اداله سفرت دپاره این :-

هجری	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسیحی
صفر									
16	12.18	3.40	6.27	7.41	4.35	4.45	6.06	6.30	می
17	12.18	3.40	6.27	7.41	4.34	4.44	6.06	6.30	
18	12.18	3.40	6.27	7.41	4.34	4.44	6.05	6.30	
19	12.18	3.40	6.27	7.41	4.34	4.44	6.05	6.30	
20	12.18	3.41	6.28	7.42	4.34	4.44	6.05	6.30	
21	12.18	3.41	6.28	7.42	4.34	4.44	6.05	6.30	
22	12.18	3.41	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	

وقت ۲ سمیع باکی دایره توتوغ لقمیه سالو مینیت دان دایره بلایت لقمیه تیک مینیت، سمیع فرض جمعة لسلورو لکارا برونی دارالسلام
مولای دری فوکل 12 45 تھاری.



TIMBALAN Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Md. Yassin menjelaskan pelbagai acara sempena Sambutan Penubuhan Ke-40 DBP di sidang akhbar yang diadakan di jabatan tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

DBP RAIKAN PENUBUHAN KE 40

BERAKAS, 10 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah ditubuhkan pada tahun 1961 akan merayakan Sambutan Penubuhan Ke-40 pada 21 Mei ini.

Timbalan Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Md. Yassin berkata, bersempena sambutan itu, DBP akan mengadakan Seminar Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu yang juga diselenggarakan dengan Seminar Kesusasteraan III MASTERA.

"Selain akan melancarkan

Oleh
Samle HJ

dua buah buku yang cukup menarik, Pameran 40 Tahun DBP yang dikendalikan oleh semua bahagian akan juga diadakan," jelas Awang Haji Abdul Hakim ketika sidang akhbar di jabatan berkenaan.

Katanya sebanyak 15 buah kertas kerja termasuk lima ucapan tema akan dibentangkan yang meliputi bahasa, sastra dan budaya Melayu oleh karyawan, sarjana dan budayawan dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura dan Republik Indonesia.

Sebanyak empat kertas kerja bahasa, empat kertas kerja budaya dan tujuh kertas kerja sastra akan dibentangkan ketika seminar berkenaan yang dibukakan kepada 150 penyertaan yang terdiri daripada peminat bahasa, sastra dan budaya.

Selain pembentang ucapan tema popular tempatan, DBP juga akan menjemput beberapa orang tokoh sasterawan, budayawan dan ilmuan dari negara jiran termasuk M. Hum, Radhar Dahani, Zaini Oje (Ozea) dan Datuk Prof. Madya Dr. Sidiq Fadzil.

Seminar berkenaan juga akan mempertemukan para penulis, ilmuan, seniman, tokoh pemikir, pengkaji, sarjana dan pencinta bahasa, sastra dan

budaya Melayu agar dapat berbicara dan berdiskusi terutama dalam perkembangan bidang berkenaan.

Dengan bertemakan "Memperkasa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu", seminar diharapkan akan mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi peranan di samping mencetuskan dan merealisasikan agenda pembangunan bahasa, sastra dan budaya Melayu.

Bagi memeriahkan lagi sambutan itu, DBP juga akan menngaturkan beraneka kegiatan sepanjang tahun termasuk Peraduan Melukis Poster tajalan Hongkong and Shanghai Bank (HSBC) yang dibukakan kepada para penuntut sekolah menengah atas dan institusi-institusi serta pengajian tinggi.

Juga diadakan ialah Malam Tetamu DBP, Hari Keluarga, Sukan Ria, Peraduan Menulis Cerpen dan pertemuan penulis Brunei merupakan atur cara yang menarik.

"DBP juga bercadang akan mengadakan Malam Seni dan Hari Terbuka DBP yang pasti mengiburkan semua kakitangan serta orang ramai nanti," tambah Timbalan Pengarah DBP.

Sambutan itu merupakan satu daripada lima dasar DBP bagi menyokong matlamat penubuhannya iaitu 'Berusaha dan Berikhtiar Mengembangkan dan Meninggikan Bahasa Melayu'.

Tabung Anak-Anak Yatim terima sumbangan

BERAKAS, 9 Mei. - Orang ramai terus dialu-alukan mendermakan bagi mengisi tabung Anak-Anak Yatim Brunei-Muara yang diungkuhkan oleh Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat (UPHEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar unit tersebut boleh menampung perbelanjaan anak-anak yatim bila menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti.

Perkara ini diluahkan oleh Pemangku Ketua UPHEM, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia seurus menerima sumbangan wang tunai sejumlah \$1,287.70 dari Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah yang disampaikan oleh guru besar sekolah berkenaan,

Oleh
Abdullah Asgar

Dayang Hajah Siti Mahrom binti Haji Abdul Halim di bangunan kementerian tersebut di sini.

Sekolah berkenaan memberikan sumbangan lima peratus daripada hasil kutipan joga-ton yang diadakan Februari lalu yang berjaya mengutip lebih \$25,600.00, manakala lima peratus lagi telah disumbangkan kepada anak-anak yatim di sekolah berkenaan.

Menurut guru besarnya daripada kutipan itu akan digunakan oleh pihak sekolah bagi membeli peralatan sekolah bagi sesi persekolahan 2001.



PEMANGKU Ketua Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia ketika menerima sumbangan dari Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah untuk Tabung Anak-Anak Yatim Brunei - Muara. - Gambar oleh Ramli Tengah.

SALAH satu daripada larangan dan tegahan Allah yang wajib kita hindari ialah sifat hasad dengki. Hasad dengki ialah kedengki atau kecemburuan yang disertakan dengan niat jahat ke atas nikmat yang diperolehi oleh seseorang dan mengharap nikmat tersebut luput dan hilang daripada pemiliknya.

Sifat hasad dengki itu mempunyai kesan yang amat buruk ke atas akidah dan diri orang yang hasad itu sendiri, di antaranya ialah:

1. Ada padanya sifat dan perasaan tidak puas hati dan bantahan ke atas Allah, iaitu pemberi nikmat tersebut. Ini seolah-olah ia menuduh Allah tidak berlaku adil ke atas pemberian nikmat tersebut yang pada anggapannya dia yang layak mendapatkan nikmat itu.

2. Sifat hasad dengki itu akan menimbulkan kemarahan dan perpecahan di kalangan masyarakat yang inginkan wujudnya perasaan persaudaraan, perpaduan dan perdamaian.

3. Orang yang bersifat hasad dengki itu akan berusaha dengan apa cara sekalipun sehingga sanggup melakukan jenayah seperti membunuh demi untuk menghilangkan atau memperolehi nikmat tersebut daripada pemiliknya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 27 yang tafsirannya:-

Jauhi sifat hasad dengki



"Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Haabiil dan Qaabiil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (kerana mendampingi diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Haabiil) dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qaabiil). Berkata (Qaabiil): "Demi sesungguhnya aku akan membunuhmu." Jawab (Haabiil): "Hanya sanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa."

4. Menunjukkan keingkaraan orang yang bersifat hasad dengki ke atas kebijaksanaan dan hikmat Allah Subhanahu Wataala di dalam urusan-Nya.

Hasad dengki adalah sifat terkutuk yang menghiasi diri iblis yang tidak akan luput daripadanya, sebagaimana dijelaskan melalui firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 34 yang tafsirnya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada Malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam." Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan iblis, ia enggan dan takbur dan menjadilah ia dari golongan yang kafir."

Hasad dengki itu besar sekali bahaya dan mudaratnya kerana sifat sedemikian akan memakan pahala kebaikan dan kebajikan seperti api memakan kayu api. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Hendaklah kamu jauhi sifat hasad dengki itu kerana sesungguhnya hasad itu memakan kebaikan dan kebajikan seperti mana api memakan kayu api."

Empat resolusi utama dirumuskan



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi menjelaskan, kebudayaan negara mestilah berteraskan konsep Melayu Islam Beraja. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 3 Mei. - Empat bidang utama resolusi telah dirumuskan dalam Pertemuan Radat dan Hadrah Kebangsaan 2001 yang dilangsungkan selama tiga hari.

Resolusi pertemuan yang dirumuskan ialah dalam bidang teori, persejarahan, pengembangan dan aplikasi dan seni persembahan.

Pertemuan tersebut yang berakhir pada 3 Mei lalu ditutup rasmi oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi.

Dalam ucapan penutupnya, beliau antara lain berkata dalam tahun 1990, kabinet telah meluluskan satu kertas yang sangat penting ada kaitan kebudayaan iaitu Dasar Kebudayaan Negara.

Katanya, dalam dasar itu menyatakan, Dasar Kebudayaan Negara mestilah Kebudayaan Melayu Brunei yang berteraskan, berlandaskan, bersemangatkan konsep negara Melayu Islam Beraja.

Oleh Haji Ahmad HS

Ini jelasnya, merupakan titik tolak, pengakuan negara, komitmen negara, untuk memastikan kebudayaan kita itu terus hidup.

Menurut beliau dalam dasar itu juga, menyatakan tentang matlamat, antaranya mengembangkan, mewariskan kebudayaan negara, untuk dihayati sebagai amalan yang praktik dan 'functional'.

Di majlis itu, beliau juga menyentuh mengenai hubungan antara radat, hadrah dengan konsep MIB, salah satu contoh tambahnya, ialah Melayu iaitu mengenai dengan pakaian dan alat hadrah, Islam pula ialah dari segi lagu yang dibawakan dalam mempersembahkan hadrah seperti Bismillah dan Beraja pula ada hubungan dengan adat istiadat.

Dalam hubungan itu, tegasnya, agar permainan radat dan hadrah tidak pupus dan terus dihidupkan, adalah perlu pimpinan yang komited, mempunyai wawasan bahawa hadrah adalah warisan kebanggaan bangsa kita.

Beliau juga menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta yang mewakili jabatan-jabatan, sekolah-sekolah dan kementerian-kementerian serta orang-orang persendirian.

Pertemuan Radat dan Hadrah Kebangsaan 2001 adalah anjuran Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama pelbagai pihak dan antara lain bertujuan mengembanguaskan permainan radat dan hadrah di kalangan masyarakat Brunei dan memelihara dan mempertingkatkan sebagai warisan budaya bangsa Melayu Brunei yang murni dan menjadi hak milik tulen bangsa Melayu Brunei.



PERMAINAN radat dan hadrah akan terus dikembanguaskan di kalangan masyarakat Brunei agar warisan budaya bangsa Melayu Brunei itu tidak hilang begitu sahaja. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Bomba dengan kerjasama Pejabat Daerah Brunei dan Muara meneruskan lagi sesi taklimat dan demonstrasi dalam mencegah kebakaran khususnya kebakaran di Kampong Ayer.

Sesi kali ini adalah bagi para penduduk di Mukim Burong Pinggai yang berlangsung di Sekolah Rendah Dato Ahmad di sini.

Semasa taklimat itu, mereka telah ditunjukkan cara-cara menggunakan alat pemadam api dengan cara yang betul oleh wakil-wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik dan Pejabat Peguam Negara juga menyampaikan taklimat masing-masing yang berhubung kait dengan bidang mereka mengenai kebakaran.

Menurut perangkaan dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini, sejumlah 245 buah rumah di Kampong Ayer musnah dalam kebakaran dan kehi-

langan harta benda yang dianggarkan bernilai B\$12 juta.

Kampong Ayer dengan keramaian penduduk yang begitu padat yang dianggarkan seramai lebih 22,000 orang dan kedudukan rumah-rumah yang berdekatan dan dibina daripada bahan-bahan yang mudah terbakar, menjadikan kawasan Kampong Ayer sebagai kawasan atau tempat berisiko tinggi dari sudut kebakaran menurut penilaian Jabatan Perkhidmatan Bomba.

WAKIL-WAKIL dari Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik dan Pejabat Peguam Negara ketika menyampaikan taklimat masing-masing mengenai kebakaran kepada para penduduk Mukim Burong Pinggai Ayer. Majlis berlangsung di Sekolah Rendah Dato Ahmad. - Gambar oleh Abdullah HAD.

B\$12 juta musnah dalam kebakaran di Kg. Ayer



PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Penderaan - Kenapa Dan Mengapa Ianya Terjadi. Bincangkan Cara-cara Mengatasi dan Menanganinya". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Tradisi Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Di Negara Brunei Darussalam'. Tarikh tutup 19 Mei, 2001.
2. 'Ponteng Sekolah/Lepak - Mengapa Dan Bincangkan Cara Mengatasinya'. Tarikh tutup 26 Mei, 2001.
3. 'Kesihatan Dan Keselamatan Makanan Untuk Kesejahteraan Keluarga'. Tarikh tutup 2 Jun, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm> email: pelita@brunet.bn

Wujudkan masyarakat penyayang

PENDERAAN dapat disifatkan sebagai satu bentuk penganiayaan dan penekanan. Penderaan sama ada secara fizikal atau mental akan mendatangkan kesan sampingan kepada yang terlibat. Yang jelas penderaan boleh menjejaskan budaya hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Langkah terbaik menangani dan mengatasi penderaan ialah mengetahui punca berlakunya kes-kes berkenaan, di samping mendapatkan penawar dan ubat mencegah dan menyembuhkannya.

Kes-kes penderaan boleh terjadi di mana saja dan melibatkan semua peringkat dan golongan masyarakat. Ia mungkin terjadi dalam kelompok keluarga seperti seseorang yang dibebankan atau dipaksa membuat kerja tanpa melihat keupayaan dan hasil kesempurnaan tugasnya. Kerana ia tidak mampu menunaikannya atau mengikut seperti yang diarahkan, ia lantas dianiaya dengan dipukul atau didenda tanpa makan dan minum atau mungkin diasingkan daripada kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Mungkin juga seseorang itu khususnya dijadikan mangsa untuk didera dan dianiaya. Atau terdapatnya kesalahan-kesalahan kecil yang dibuat oleh mangsa penderaan sengaja dibesar-besarkan dan dijadikan alasan untuk mendera, dan bukannya membaiki

keadaan dengan nasihat dan tunjuk ajar yang baik.

Pengabaian tanggungjawab dalam memenuhi keperluan asas serta keperluan sosial dan ekonomi yang lain juga antara sebab terjadinya penderaan. Oleh kerana tekanan hidup seperti masalah kewangan dan krisis rumah tangga, penderaan dan penganiayaan dilakukan terhadap ahli keluarga atau kepada teman-teman di tempat kerja. Penderaan juga boleh terjadi di sekolah-sekolah yang membabitkan tenaga pengajar dengan pelajar-pelajarnya. Tidak berupaya membuat kerja sekolah atau berkelakuan tidak senonoh dan melanggar peraturan sekolah, mereka lantas dirotan, didera, dijemu atau dibebankan dengan denda yang tidak mampu terpikul oleh mereka. Dalam hal ini, pendekatan dan kaedah terbaik perlu dicari khusus dalam mendisiplinkan pelajar-pelajar dan membina ciri-ciri terbaik sebagai seorang pelajar.

Krisis dalam keluarga yang ditambah dengan persekitaran masyarakat dan suasana yang tidak harmoni juga antara punca penderaan berleluasa. Keadaan hidup yang terdesak menyebabkan

kes-kes remaja lari dari rumah, penglibatan dengan dadah, pergaulan bebas dan berpeluasan ada kemungkinan berpunca daripada penderaan fikiran dan kurangnya kepimpinan. Pendekatan yang terbaik yang perlu dilaksanakan ialah sikap bertanggungjawab, prihatin dan sikap memeduli terhadap apa juga tindak-tanduk mereka.

Penderaan dari segi fizikal dengan kesan lebam, cakar-calar dan kecacatan akan juga membawa kesan buruk kepada yang terlibat dari segi fikiran dan sikap mereka. Ia dapat melahirkan sikap pendendam atau rasa rendah diri sebagai seorang insan yang mempunyai hak dan harga diri. Penderaan akan menjadi penyakit yang melarat yang boleh menjejaskan keharmonian, perhubungan yang akrab, semangat bekerjasama dan bertanggungjawab dalam hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Dalam satu organisasi, penderaan akan melenyapkan semangat kerja berpasukan dan melemahkan pertumbuhan, lebih-lebih lagi dalam mencapai matlamat dan kejayaan.

Kesedaran membina sebuah masyarakat yang penyayang,

harmoni dan aman damai akan menjadi usaha terbaik menangani dan mengatasi kes-kes penderaan sama ada dari punca dan akibatnya. Khidmat nasihat, kaunseling, motivasi dan pendidikan juga dapat dijadikan kaedah dalam mewujudkan rasa pemedulian dan meningkatkan rasa bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing.

Seandainya kita ingin mencipta sebuah rumah tangga dan keluarga bahagia yang disifatkan sebagai 'rumahku syurgaku' begitulah harapan untuk mewujudkan sebuah masyarakat dan suasana yang harmoni dan bahagia. Kes-kes penderaan akan hanya menjadi masalah sosial semata-mata yang tidak berlarutan menjadi masalah nasional. Sememangnya masalah penderaan mengajak dan mengajar semua pihak yang terlibat untuk memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing, seterusnya menangani dan mengatasinya dengan bijaksana.

Abdul Wahab bin Haji
Abdullah,
No. 12G Kampong Burong
Pinggai Ayer, BM 1126,
No. k/p: 058132.

Penderaan - Masyarakat harus peka menanganinya

KES penderaan bukan lagi satu isu baru terutama sekali kes penderaan kanak-kanak. Keadaan hidup masyarakat pada hari ini yang sering berlumba-lumba menyebabkan kanak-kanak terabai dan menjadi mangsa keadaan. Masalah ini membawa kepada terjadinya kes-kes penderaan kanak-kanak dan fenomena ini merupakan penyakit sosial yang mula melanda masyarakat kita sejak akhir-akhir ini. Masalah ekonomi merupakan salah satu punca berlakunya kes penderaan kanak-kanak. Masalah ekonomi yang dialami oleh sesebuah keluarga menyebabkan kasih sayang terhadap anak-anak terabai. Ini kerana ibu bapa terlalu asyik mencari wang. Perbelanjaan yang tidak mencukupi sering disabitkan dengan anak-anak sebagai penyebab. Keadaan ini sering berlaku terutama sekali dalam sebuah keluarga yang besar.

Perceraian juga boleh menjadi punca berlakunya penderaan kanak-kanak. Anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang sama ada daripada ibu atau bapa sering terganggu perasaannya. Perceraian menyebabkan mereka terpaksa memilih untuk tinggal sama ada dengan ibu atau bapa mereka ataupun perkara itu diputuskan oleh mahkamah. Seseorang ibu atau bapa yang bercerai sering mengalami tekanan perasaan dan ini menyebabkan anak-anak terpaksa menanggung akibatnya. Perasaan benci kepada bekas suami atau isteri mendorong mereka mendera kanak-kanak sebagai satu cara untuk melepaskan rasa tidak puas hati mereka. Tekanan perasaan ini menyebabkan mereka menganggap anak-anak sebagai sesuatu yang membebaskan. Keadaan ini mendorong ibu bapa menjadikan anak-anak sebagai tempat untuk melepaskan perasaan.

Terdapat juga kes kanak-kanak yang didera oleh pengasuh atau penjaga. Keadaan ini berlaku apabila kanak-kanak tersebut ditinggalkan oleh ibu bapa mereka untuk dijaga oleh seorang pengasuh atau penjaga yang mempunyai anak yang ramai malah tentu akan merasakan anak tersebut sebagai beban kepada mereka. Kesilapan kecil yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut dianggap sebagai kesalahan yang besar. Kanak-kanak

tersebut akan dihukum dengan cara yang tidak sepatutnya. Keadaan ini hampir sama dengan kes ibu atau bapa tiri yang mendera anak-anak tiri mereka. Mereka menganggap anak-anak tiri bukanlah darah daging mereka yang perlu dijaga dan diberi kasih sayang.

Sesetengah ibu bapa atau penjaga yang mendera anak-anak kerana mereka terlalu nakal dan sukar dikawal. Ini menyebabkan mereka mengambil jalan mudah untuk mengawal perlakuan anak-anak mereka, iaitu dengan memberi hukuman yang tidak sewajarnya. Perbuatan ini akan berterusan kerana kenakalan anak-anak sukar dibendung dalam masa yang singkat. Hukuman yang melampaui batas bukanlah satu cara untuk mendidik anak-anak. Ibu bapa atau penjaga sepatutnya memikirkan cara yang lebih positif dan budunnya yang boleh mendatangkan kesan yang sebaliknya kepada kanak-kanak.

Masalah penagihan dadah dan arak juga boleh membawa kepada penderaan kanak-kanak. Ibu bapa yang menjadi penagih atau kaki botol tidak pernah memikirkan masa depan anak-anak mereka. Keperluan kepada dadah dan arak diberi keutamaan berbanding dengan keperluan keluarga. Seorang penagih atau pemabuk kadangkala tidak menyedari apa yang mereka lakukan kerana khayal dengan dunia mereka sendiri. Mereka mendorong untuk mendera kanak-kanak kerana pertimbangan diri yang semakin hilang.

Kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di kalangan masyarakat berpunca kebanyakannya daripada keretakan kekeluargaan dan kurangnya pendidikan keagamaan. Masyarakat kita hari ini prihatin terhadap gejala ini agar kanak-kanak yang teraniaya dapat diselamatkan. Usaha yang lebih gigih perlu dilakukan oleh pihak berkuasa dan orang ramai untuk menangani masalah penderaan ini.

Mohammad Azrin bin Haji Jafarudin,
No. 39 Simpang 544 - 22,
Kampong Jerudong, BG 3122.
No. k/p: 285259.

Kerjasama semua pihak perlu

PENDERAAN merupakan satu masalah yang tidak sepatutnya timbul atau diketengahkan pada masa ini, di saat manusia menganggap diri mereka telah pun bertamaddun tinggi. Namun yang demikian, kemajuan dan kecanggihan belum cukup untuk menjinakkan nafsu manusia yang sentiasa cuba untuk memerangkap tuannya dengan menghasut mereka untuk terjebak ke dalam kancangkancang negatif dan maksiat. Salah satu daripadanya ialah nafsu amarah. Nafsu amarah adalah akar umbi masalah penderaan ini, di samping kurangnya penghayatan pendidikan agama dan kurangnya ketahanan diri seseorang.

Di dalam dunia yang kian mencabar ini, seseorang tidak akan lepas daripada masalah. Ini termasuk masalah kerja, rumah tangga dan sosial. Berdepan dengan pelbagai masalah menyebabkan timbulnya tekanan jiwa dan perasaan dan tidak mustahil membuatkan nafsu amarah semakin meruap-ruap. Orang rumah, khususnya kaum yang lemah seperti perempuan dan kanak-kanak yang tidak berdosa sering dijadikan mangsa iaitu sebagai tempat untuk melepaskan kemarahan yang meledak bagai gunung berapi. Binatang juga turut dijadikan mangsa penderaan.

Penderaan juga mungkin disebabkan oleh rasa iri hati atau benci diri yang melampaui batas. Rasa iri hati terhadap seseorang membuatkan seseorang itu mempunyai rasa untuk menyakiti atau menganiaya.

Penderaan selalunya berlaku apabila si mangsa itu adalah orang yang menumpang hidup kepada si penganiaya. Sikap bangga diri yang berlebihan pula menyebabkan manusia itu lupa akan asal usul mereka, lalu menganggap orang lain adalah lemah. Orang-orang tua dan orang-orang cacat biasanya menjadi mangsa utama penderaan akibat rasa takbur ini.

Di dalam senario lain pula, penderaan juga boleh dianggap terjadi dengan tidak sengaja, selalunya dalam memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada anak-anak. Apabila anak-anak melanggar peraturan atau larangan, kebanyakan ibu bapa biasanya akan memukul atau mendenda mereka sebagai hukuman. Akan tetapi, hukuman yang diberikan tersebut kadang-kadang melampaui had yang dibenarkan sehingga ianya dipanggil 'penderaan'.

Pelbagai langkah harus diambil dalam mengurangkan masalah penderaan ini. Rasa kasih sayang sesama insan patut disemai di dalam jiwa setiap individu. Individu juga perlu mempunyai daya ketahanan yang tinggi untuk melawan hasutan hawa nafsu yang membawa kepada kejahatan. Daya ketahanan yang tinggi hanyalah boleh dicapai dengan mendisiplinkan diri.

Pendidikan agama juga amat penting dalam hal ini. Bukan setakat dipelajari untuk lulus dalam peperiksaan-peperiksaan agama sahaja, malah hendaklah dihayati agar kita sedar bahawa hidup di dunia ini hanyalah

sementara. Nafsu adalah salah satu senjata syaitan yang paling utama dalam memerangkap anak Adam ke dalam lembah kebinasaan. Ianya hanya boleh dijinakkan dengan ketakwaan dan keyakinan kepada Tuhan yang lahir daripada penghayatan terhadap agama dan keinsafan seseorang itu.

Terdapat pelbagai cara dalam menghilangkan tekanan jiwa dan perasaan ataupun nafsu amarah. Ini boleh dilakukan seperti dengan cara bersukan, beribadat dengan berzikir atau membaca Al-Quran, ataupun dengan secara ringkas, berwuduk. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang kira-kira maksudnya : "Apabila seseorang daripada kamu marah, maka hendaklah ia mengambil air sembahyang, sesudahnya nafsu amarah itu adalah daripada syaitan, dan syaitan itu adalah daripada api."

Isu penderaan ini harus dipandang serius. Kerjasama daripada semua golongan masyarakat adalah perlu dalam memastikan bahawa ianya tidak menular menjadi penyakit yang berjangkit sehingga dapat melumpuhkan kestabilan masyarakat. Sebagai umat Islam, kita harus sedar bahawa dosa sesama insan itu adalah lebih susah untuk ditangani daripada dosa di antara kita dengan Tuhan.

Md. Shah Rizal Amir bin Haji
Mohiddin,
No. 5, Simpang 236-4,
Kampong Katok, Jalan
Tungku, Gadong, BE 2319.
No. k/p : 293525.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Khatam Al-Quran bagi murid-murid Kelas Al-Quran Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. - Gambar oleh Hamadi HM.



MURID-MURID Kelas Al-Quran Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah menamatkan pengajian mereka dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Juga kelihatan ibu bapa dan keluarga yang sama-sama memberikan galakan mempelajari Al-Quran. - Gambar oleh Hamadi HM.

66 murid khatam Al-Quran

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 6 Mei. - Seramai 66 orang murid yang belajar mengaji Al-Quran di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah telah menamatkan pengajian mereka dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis itu berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiulap yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Penuntut-penuntut yang belajar mengaji itu terdiri daripada 23 orang lelaki dan 43 orang perempuan yang telah menamatkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran sebanyak 30 juz.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatiha beramai-ramai yang kemudiannya diikuti oleh para khatam membaca surah-surah khatam.

Ia kemudiannya diselenggarakan dengan bacaan takhtim oleh kumpulan takhtim perempuan Kelas Al-Quran Lanjutan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang diketuai oleh Dayang Mardiana binti Haji Osman.

Persembahan Tausyeh juga turut diadakan yang disebarkan oleh pelajar-pelajar Kelas Dewasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Husain Zainal.

Sebagai menandakan para pelajar tamat mengaji Al-Quran, mereka diraikan dengan Dikir Marhaban yang disebarkan oleh Kumpulan Dikir Perempuan Kelas Dewasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan diketuai oleh Dayang Hajah Halimah binti Haji Tengah.



PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

PAT-PAT GULAMBIR

1. Apakah tajuk cerpen keluaran Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI pada 27 September, 2000?

- Antara Aku dan Dia.
- Antara Kasih dan Kerinduan.
- Ibu dan Ayah

2. Pada 14 September, 2000 sebuah firma antarabangsa, Thomson-CSF telah mengadakan sesi taklimat bagi menawarkan peluang pekerjaan di peringkat pengurusan kepada para pegawai kanan kerajaan yang terpilih. Di manakah taklimat itu berlangsung?

- Mes Pegawai, Bolkiah Garrison.
- Mes Pegawai, Berakas Kem.
- Mes Pegawai, Polis Gadong.

3. Apakah tajuk Suara Dari Mimbar Keluaran Akhbar rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI pada 27 September, 2000?

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 18 April, 2001.
1. B 2. A 3. A.

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 25 APRIL, 2001

MOHD ZULFADHLI BIN HAJI ZAIN,
NO. 211, KAMPONG KULAPIS,
JALAN TUTONG BG 2521,
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH SENGKURONG.

MOHD AZRI BIN HAJI ABDULLAH,
NO. RWD 283, KM 2 JALAN TUTONG,
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH KIARONG.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 475

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 475,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

PERADUAN MEMBACA RAWI BAGI BELIA-BELIA BERUMUR 25 TAHUN KE BAWAH

PERSATUAN PERKASA dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menganjurkan Peraduan Membaca Rawi bagi belia-belia yang berumur 25 tahun ke bawah bagi Daerah Brunei dan Muara bagi tahun 1422 Hijrah/2001 Masihi.

Peraduan itu antara lain bertujuan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping projek tahunan Persatuan PERKASA. Ianya juga bagi menggalakkan para belia mempelajari bacaan Rawi.

PENYERTAAN :

Terbuka kepada belia-belia yang berumur 25 tahun ke bawah, lahir pada tahun 1976 lelaki dan perempuan Daerah Brunei dan Muara.

Setiap peserta hendaklah mengisikan borang yang disediakan.

Peraduan ini terbuka kepada persatuan-persatuan belia, badan-badan kebajikan, sekolah-sekolah, maktab-maktab dan kampung-kampung sahaja.

Setiap peserta hendaklah menyertakan salinan kad pengenalan.

PERATURAN :

Syair-syair yang akan dibawa adalah bebas yang terdapat dalam buku dikir.

Masa persembahan ialah lima hingga tujuh minit.

Jika penyertaan ramai, pemilihan akan diadakan bagi memilih lima orang peserta lelaki dan lima peserta perempuan.

Peraduan terbahagi dua bahagian iaitu bahagian lelaki dan perempuan.

Mana-mana peserta yang tidak hadir semasa pemilihan adalah dikira menarik diri daripada menyertai peraduan berkenaan.

Borang-borang boleh didapati dan dikembalikan kepada :

Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad,
Jabatan Perkhidmatan Pos,
Pusat Memproses Surat dan Bungkusan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas.
Telefon : 384101 Sambungan 127.

Tarikh tutup ialah pada 30 Mei, 2001.

PERADUAN MENGHAFAZ DOA BAGI ORANG-ORANG KURANG UPAYA

PERSATUAN PAPDA akan menganjurkan Peraduan Menghafaz Doa Bagi Orang-orang Kurang Upaya sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1422 Hijrah/2001 Masihi.

TUJUAN :

Merupakan projek tahunan Persatuan PAPDA.

Memberikan galakan kepada orang-orang kurang upaya menghafaz doa-doa.

Mengeratkan hubungan silaturahmi di kalangan orang-orang kurang upaya di seluruh Negara Brunei Darussalam.

PENYERTAAN/PERATURAN :

Terbuka kepada orang-orang kurang upaya Negara Brunei Darussalam lelaki dan perempuan.

Peraduan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

Bahagian lelaki dan bahagian perempuan.

Setiap peserta hendaklah mengisikan borang yang disediakan.

Doa-doa yang dibaca ialah doa yang dipilih oleh peserta.

Jika penyertaan ramai, pemilihan akan diadakan bagi memilih lima orang peserta lelaki dan lima peserta perempuan.

Borang-borang boleh didapati dan dikembalikan kepada :

Awang Harun bin Haji Tahir,
Pejabat Pertanian, Kuala Belait.

Dayang Nurul Izzati binti Mohd. Asri,
Hospital Tutong, Tutong.

Dayang Laila binti Haji Jamudin,
Pusat Ehsan Al Ameerah Al Hajjah Maryam,
Kampung Bengkurong.

Tarikh tutup ialah pada 1 Jun, 2001.

Pengurusan dan pemeliharaan penyu terus ditingkatkan

SUNGAI LIANG, 29 April. - Mengekalkan kehidupan dan meningkatkan pembiakan penyu merupakan tanggungjawab semua individu.

Seperti hidupan liar di negara ini, penyu juga diberi perlindungan supaya ianya tidak pupus dengan jaminan undang-undang seperti CITIES (Convention in International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora). The Convention On The Conservation of Migratory Species of Wild Animals dan The Convention On Wetlands of International Importance.

Sehubungan dengan itu sebanyak 70 ekor anak penyu dan seekor penyu dewasa dilepaskan ke pantai peranginan Sungai Liang semasa Pesta Tamu Hujung Bulan yang diadakan di kawasan pantai berkenaan.

Dalam temu bual singkat wakil PELITA BRUNEI dengan Pembantu Perikanan Kanan, Jabatan Perikanan, Awang Hairel bin Haji Simpul, menyatakan bagi memeriahkan pesta berkenaan Syarikat Minyak Brunei Shell telah menyumbangkan sebanyak \$3,000.00 untuk 'Tabung Sayangi Penyu Kitani' bagi menangani program pengurusan dan pemeliharaan penyu.

Oleh yang demikian katanya, anak penyu jenis lipas itu adalah hasil sumbangan syarikat tersebut untuk pelepasan

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

bagi masyarakat di kampung berkenaan, manakala penyu dewasa jenis sisik itu disumbangkan oleh Jabatan Perikanan bagi mendidik orang ramai supaya tidak memakan telurnya dan menjaganya.

Setiap individu yang ingin mengangkat seekor anak penyu itu untuk dilepaskan ke pantai dikenakan bayaran \$30.00 di samping diberikan sijil penyer-taan.

Katanya, anak penyu berkenaan berumur lebih sebulan dan penyu dewasa berumur empat tahun itu berasal dari pantai berkenaan yang didapati daripada hasil rondaan pantai yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Perikanan dan beberapa orang ahli suka-relawan.

Menurutnya rondaan selalu dilakukan antara bulan Oktober hingga Disember di mana bulan-bulan berkenaan merupakan musim penyu naik ke pantai untuk bertelur.

Seekor penyu boleh mem-

biak antara 30 hingga 50 tahun dan boleh mengeluarkan telur dalam lingkungan 150 biji sekali mendarat. Dahulu telur penyu tidak begitu digemari dan hanya berharga \$1.00 untuk 20 biji, tetapi sekarang harganya telah melambung \$10.00 bagi 16 biji. Kenaikan harga ini telah menyebabkan penyu menjadi mangsa sasaran eksploitasi.

Untuk itu mereka yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini mengenai hidupan laut boleh didakwa di mahkamah dan dikenakan hukuman.



PENGARAH Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell, Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny dan Ketua Kampong Sungai Liang merangkap Penghulu Mukim Liang/Lumut, Awang Haji Mohd. Azmi bin Abdullah melepaskan penyu dewasa di Temasya Tamu Ria dan Mini Sukan yang diadakan di Pantai Peranginan Sungai Liang. - Gambar ihsan Miri Daily News.

UBD anjur Persidangan Teknologi- teknologi Maklumat Baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mei. - Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan mengadakan Persidangan Teknologi-teknologi Maklumat Baru pada 23 hingga 26 Julai depan.

Persidangan bertemakan 'Virtual Information : The Dawn of A New Era' dipilih berdasarkan kepada teknologi maju yang diperolehi dan pengurusan maklumat yang meliputi semua sektor masyarakat dengan komoditi maklumat yang kini menjadi aset bagi kehidupan sesebuah bangsa.

Menurut siaran akhbar UBD, antara objektif persidangan itu adalah menekankan perkembangan terkini dalam penggunaan teknologi maklumat di semua perpustakaan ASEAN dan pusat-pusat maklumat, berkongsi pengalaman dalam projek pembangunan teknologi maklumat dan hubungan inisiatif di antara negara ASEAN dan negara membangun.

Ia juga untuk mengenal pasti bidang tertentu bagi mengeratkan hubungan strategik dan kerjasama di kalangan negara anggota yang terbabit dengan sumber maklumat elektronik dan perkhidmatan.

Persidangan itu juga mengandungi sesi mutlak, bengkel dan pameran mengenai teknologi maklumat baru. Lima tema yang akan difokuskan dalam persidangan itu ialah 'World Documentary

Oleh Haji Ahat HI

Heritage : Whose Responsibility Is It?, Knowledge Based Information Sources : Currents Trends And Development, Good Governance and Quality Assurance, Standing At The Crossroads : Narrowing The Digital Divide and from Digitisation To Virtual Reality - Is Global Knowledge A Blessing or A Threat?

Bayaran pendaftaran ialah \$270.00 sebelum 1 Jun dan \$320.00 selepas tarikh berkenaan. Penceramah yang dijemput akan menyampaikan 16 kertas kerja. Peserta juga akan ikut serta dalam bengkel persidangan setengah hari mengenai 'Quality Assurance In The Virtual Environment' yang akan diadakan pada 26 Julai.

Semua pertanyaan mengenai persidangan boleh diperolehi daripada Dayang Tahira binti Mohd. Shariff, Setiausaha Persidangan, Persidangan Mengenai Teknologi-teknologi Maklumat Baru Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, BE 1410, e-mel: library@lib.ubd.edu.bn. Telefon : 249001 sambungan 257, faks : 249504.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof (dua dari kiri) ketika menghadiri sesi penerangan hal-ehwal keagamaan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar ihsan Pejabat Daerah Belait.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof berkata sesuatu kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail semasa menyaksikan Pameran Perkembangan dan Kemajuan Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar ihsan Pejabat Daerah Belait.

Kementerian tidak bertolak ansur dengan pihak yang melanggar undang-undang

KUALA BELAIT, 7 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa mempunyai sikap terbuka, telus dan ikhlas dalam menangani dan menghadapi isu dan masalah yang berkaitan dengan kawalan ke atas daging halal dan pencegahan kemaksiatan serta ajaran yang menyeleweng di negara ini.

Namun begitu kementerian berkenaan tidak akan memberi kelonggaran atau bertolak ansur dengan pihak yang melanggar atau mengugut Undang-undang dan Perlembagaan Negara khasnya anasir-anasir yang cuba merosakkan kedudukan agama Islam, akidah umat Islam, keharmonian masyarakat Islam dan lain-lain yang bertentangan dengan hukum syarak dan ajaran Islam yang maha suci.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof menekankan perkara tersebut di Majlis Perjumpaan Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan masyarakat Daerah Belait yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Pengiran Dato Paduka menambah, jika anasir-anasir atau perbuatan sedemikian yang bertentangan dengan hukum syarak dan ajaran agama Islam serta Undang-undang dan Perlembagaan Negara itu tidak dibanteras, dicegah, dibiarkan bermaharajalela dan berleluasa di negara ini, ia boleh mengugut, mencemari, menjelaskan kesucian dan kedudukan agama Islam khasnya keharmonian masyarakat dan negara amnya.

Menyentuh mengenai kawalan ke atas daging halal, Pengiran Dato Paduka menegaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

tidak berniat untuk mengacau perniagaan para penjual, tetapi untuk memelihara orang Islam di negara ini supaya daging yang dibekalkan kepada mereka itu daging yang terjamin kehalalannya menurut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa ketika ini serta kehendak hukum syarak.

Mengenai usaha untuk meningkatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan bagi mencegah kemaksiatan dan kemungkaran yang bertentangan dengan hukum syarak dan ajaran Islam, Kementerian berkenaan ingin mendekati perkara itu melalui Perjumpaan Muhibah dan permuazakarah dengan masyarakat Islam dan bukan Islam serta mereka yang difikirkan boleh membantu usaha murni kementerian berkenaan, jelasnya.

Sehubungan dengan itu, jelas Pengiran Dato Paduka kementerian berkenaan memerlukan sokongan, komitmen, kerjasama dan bantuan bersepadu daripada semua pihak.

"Dengan adanya maklum balas dan maklumat mengenai masalah atau isu yang dihadapi oleh umat Islam di negara ini dan mereka yang tidak beragama Islam, dapatlah Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil langkah dan tindakan yang bersesuaian dan praktikal bagi mengatasi dan memperbaiki masalah yang ditimbulkan dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang tersebut," kata Pengiran Dato Paduka.

Pengiran Dato Paduka seterusnya menjelaskan bahawa segala maklumat, maklum balas, cadangan, teguran dan nasihat yang ikhlas dan membina yang didapati daripada orang ramai khasnya masyarakat Islam sangat berguna bagi membantu dan membolehkan kementerian berkenaan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme pegawai-pegawai penguatkuasa agama dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan dalam pengawalan daging-daging halal, pencegahan kemaksiatan dan ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam yang sebenar di negara ini.

Perkara ini jelasnya, adalah selaras dengan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mempertahankan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Seramai lebih 250 perwakilan terdiri daripada imam, penghulu mukim dan ketua kampung, persatuan, pengetua dan guru besar sekolah rendah dan sekolah agama, pengurus hotel, apartmen, rumah persinggahan, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Dewan Perniagaan China, Syarikat Minyak Brunei Shell, jabatan-jabatan kerajaan menghadiri majlis tersebut. Perjumpaan itu antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan masyarakat Daerah Belait serta meningkatkan hubungan kerjasama di antara agensi-agensi pelaksanaan dan penguatkuasa undang-undang di Daerah Belait dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai perkara yang berkenaan hal-ehwal keagamaan.



SEBAHAGIAN daripada masyarakat Daerah Belait yang menghadiri Majlis Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan di Dewan Bandaran Kuala Belait. - Gambar ihsan Pejabat Daerah Belait.

PENGUMUMAN

UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) akan mengadakan Persidangan Teknologi-teknologi Maklumat Baru dengan tema 'VIRTUAL INFORMATION : THE DAWN OF A NEW ERA' pada 23 hingga 26 Julai, 2001 yang dianjurkan oleh Perpustakaan UBD.

Maklumat lanjut dan borang pendaftaran boleh didapati dari :

Sekretariat Persidangan,
Perpustakaan UBD,
Bandar Seri Begawan BE 1410.
E-mel : library @lib.ubd.edu.bn
Tel : 249001 sambungan 257
Faks : 249504



PENGARAH Muzium-Muzium Brunei, Awang Matassim bin Haji Jibah ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta Seminar Antarabangsa Mengenai Arkib Peringkat Asia Tenggara (SARBICA). - Gambar oleh Hamadi HM.

Institusi arkib perlu tumpukan perkembangannya

JERUDONG, 5 Mei. - Mendo-kumentasikan secara digital bahan-bahan arkib antara perkara yang telah dibincangkan dalam Seminar Antarabangsa Mengenai Arkib Peringkat Asia Tenggara (SARBICA).

Oleh
Aliddin HM

Seminar tiga hari itu berakhir dengan majlis penyampaian sijil kepada para peserta seminar yang disempurnakan oleh Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Matassim bin Haji Jibah yang berlangsung di Hotel Asma di sini.

Seminar yang berakhir pada 5 Mei lalu telah mengusulkan supaya institusi arkib perlu menumpukan perkembangan

arkib secara menyeluruh dan rangkaian pengurusan rekod termasuk dasar, perundangan, mutu, kod amalan terbaik, garis panduan dan manual, latihan mencukupi, bimbingan serta sokongan bagi semua agensi berkaitan.

Seminar juga mencadangkan institusi-institusi arkib supaya mempercepatkan langkah mengatasi isu-isu arkib ketika ini kepada peringkat yang lebih tinggi dan meluas di negara-negara anggota SARBICA bagi menjadikan tugas tugas arkib dilaksanakan de-

Pengertian dan tujuan berkoperasi perlu difahami

LUMUT, 29 April. - Ketidaktahuan sebilangan besar ahli koperasi tentang pengertian dan tujuan berkoperasi merupakan antara penyebab utama keruntuhan koperasi.

Pengarah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Haji Razali bin Mohd. Yusof berkata, bagi menjamin keutuhan dan kemajuan sesebuah koperasi, kefahaman perlu ada pada semua ahli termasuk peringkat atasan hingga peringkat bawahan.

Oleh itu tanggungjawab untuk memajukan koperasi tidak harus dibebankan kepada sebilangan ahli sahaja, semua ada hak mengur dan memberi pandangan demi kebaikan bersama.

Berucap ketika merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Penduduk Mukim Liang Lumut (KPMLL) beliau menyatakan, sepanjang tahun kebelakangan ini hingga masa ini, sebanyak 178 buah koperasi telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi Penggal 84 yang termasuk beberapa koperasi baru didaftarkan.

Daripada jumlah tersebut, katanya, sebanyak 91 buah koperasi telah pun beroperasi dan tahap kemajuan mereka berbeza, manakala sebanyak 26 buah koperasi yang pada satu ketika aktif, telah mengalami kebuntuan dan terhenti daripada beroperasi. Majlis diadakan di Sekolah Agama Sungai Tali.

Koperasi-koperasi sedemikian katanya, masih dalam penelitian jabatannya sama ada akan dihidupkan atau dibubarkan. Menurutnya lagi setakat ini sebanyak 28 buah koperasi telah dibubarkan dengan rasminya kerana tidak dapat dihidupkan kembali, sementara sebanyak 33 buah lagi belum memulakan operasinya hingga sekarang dan sebilangan besar daripadanya merupakan koperasi yang telah berdaftar melebihi tiga tahun.

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

Katanya, daripada perangkaan itu jelas tidak semua koperasi mampu melaksanakan rancangan mereka sebaik saja didaftarkan kerana ada koperasi yang kesungguhannya hanya pada peringkat awal sahaja manakala tidak sedikit pula bilangan koperasi mati akal sebaik saja diluluskan pendafatarannya.

Memandangkan keadaan semumpama itu ditambahnya, pihak BINA lebih berwaspada dalam menilai perlulusan pendafataran koperasi dengan beberapa perkara asas harus mendapat kepastian yang menyebabkan kelambatan meluluskan permohonan mendaftarkan koperasi.

KPMLL ditubuhkan pada awal tahun 90-an dengan hasrat bagi menyelenggarakan pelbagai perancangan yang bermatlamatkan kemajuan dan kejayaan yang menitikberatkan kepentingan sosioekonomi penduduk mukim berkenaan pada amnya dan ahli-ahli koperasi khususnya dengan berlandaskan prinsip Akta Koperasi yang sedia ada.

Pada masa itu keramaian ahlinya cuma 12 orang sahaja dengan jumlah saham terkumpul \$1,300.00. Pada hujung tahun lepas bagaimanapun jumlah ahlinya telah meningkat kepada lebih 600 orang dengan saham terkumpul lebih \$62,000.00.

Antara syarat menjadi ahli koperasi hendaklah dilahirkan atau bermastautin atau memiliki tanah di kawasan mukim berkenaan dan berumur 18 tahun. Setiap ahli dikehendaki memiliki tidak kurang lima saham dan harga satu saham \$100.00.

Bagi menuju ke arah era masa depan yang lebih cerah dari segi sosioekonomi, koperasi berkenaan mengatur pelbagai aktiviti dengan membuat



PENGARAH Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Haji Razali bin Mohd. Yusof ketika merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Mukim Liang Lumut (KPMLL) di Sekolah Agama Sungai Tali, Lumut. - Gambar ihsan Md. Nizam Abdullah.

perancangan jangka pendek, jangka masa sederhana dan jangka panjang. Antaranya membangunkan sebuah stesen penjualan minyak geslin/disel, bengkel rawatan kereta yang menyeluruh, perkhidmatan pembuangan sampah, kemudahan dalam bidang pendidikan bagi semua peringkat umur, pertanian dari segi perladangan, penternakan dan perikanan dan perkhidmatan pengangkutan.

Majlis diselenggarakan dengan membubarkan dan melantik Ahli Lembaga Koperasi yang baru bagi sesi 2001 hingga 2002 terdiri daripada Awang Haji Abdul Lani bin Haji Abdul Samad, Pengerusi; Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Said, Timbalan Pengerusi; Pengiran Hajah Mariah binti Pengiran Tajuddin, Setiausaha; Awang Haji Ahmad bin Haji Hassan, Timbalan Setiausaha; Awang Haji Sibidi bin Ali, Bendahari; Awang Haji Tarip bin Hassan, Timbalan Bendahari sementara Awang Haji Ibrahim bin Haji Idi, Awang Haji Amit bin Haji Abdul Razak, Pengiran Hajah Hajjah binti Pengiran Haji Matarsat dan Awang Haji Mohd. Ibrahim DMS Dian selaku ahli jawatankuasa.



PARA penduduk Mukim Liang Lumut menghadiri Mesyuarat Agung KPMLL. - Gambar ihsan Md. Nizam Abdullah.

SERIA, 28 April. - Ibu bapa atau penjaga perlu mengkaji terlebih dulu segala faktor yang menyebabkan tindakan disiplin diambil ke atas anak-anak mereka.

Selain itu pihak sekolah juga perlu lebih berhati-hati sebelum mengenakan tindakan disiplin dan sentiasa merujuk kepada panduan dan tatacara tindakan disiplin yang telah diedarkan ke semua sekolah oleh Jabatan Sekolah-Sekolah, kata Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam.

Pengiran Datin Paduka membangkitkan perkara tersebut kerana terdapat kes disiplin di sekolah yang didedahkan melalui media massa tempatan tanpa perkara itu dibawa berunding terlebih dulu dengan pihak sekolah.

"Adalah tidak munasabah jika seseorang guru menghukum atau mendenda pelajar yang baik, bersopan santun dan patuh kepada peraturan sekolah dan arahan guru," katanya di Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-45 Sekolah St. Margaret.

Sehubungan dengan itu Pengiran Datin Paduka menyarankan ibu bapa dan penjaga pelajar supaya memberikan kerjasama dengan pihak sekolah dalam menangani segala kes disiplin yang melibatkan guru dan pelajar sekolah.

Beliau berkata kegagalan dalam menegakkan disiplin akan mengakibatkan kesan-kesan negatif kepada sekolah, guru dan pelajar yang terlibat dan dalam waktu yang sama boleh membawa kemerosotan pencapaian akademik sekolah.

Ini kerana disiplin sangat penting bagi mewujudkan su-

Berhati-hati mengenakan tindakan disiplin

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

sana harmoni dan kondusif bagi pengajaran dan pembelajaran di samping memupuk rasa tanggungjawab dalam menghormati dan mematuhi peraturan dan aturan sekolah, jelas Pengiran Datin Paduka.

Dari itu cara terbaik untuk menyelesaikan kes disiplin ialah melalui perundingan dengan Pengetua atau Lembaga Pengarah Sekolah itu sendiri atau merujuk kepada bahagian berkenaan di Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan dan bukannya melalui surat khabar atau internet.

Selain itu kata Pengiran Datin Paduka, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah akan mengadakan seminar dan bengkel berhubung dengan disiplin sekolah bagi memantapkan Buku Panduan Disiplin Pelajar Sekolah

dan Asrama yang digunakan pada masa ini di samping menyelaraskan tindakan kes disiplin di semua sekolah di negara ini.

Kata Pengiran Datin Paduka, seminar berkenaan akan disertai oleh Jabatan Sekolah-Sekolah, pentadbir sekolah, pegawai dan guru kaunseling, bimbingan dan bakat kerja serta guru disiplin.

Pengiran Datin Paduka ber-

harap hasil daripada seminar tersebut akan dapat menyelaraskan tatacara semua guru sekolah termasuk sekolah kerajaan dan bukan kerajaan dalam menangani kes disiplin supaya akan dapat melahirkan insan yang seimbang dan sempurna dari segi moral, mental dan fizikal.

Dengan itu juga Pengarah Sekolah-Sekolah berharap,

guru-guru akan lebih bersikap prihatin dan peka terhadap minat dan perilaku pelajar-pelajar mereka dan menyesuaikan kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan.

Selain itu mereka juga perlu berusaha menambah ilmu pengetahuan dan sentiasa mencari kaedah pengajaran yang lebih sesuai dalam menghadapi pelajar-pelajar di era globalisasi dengan kemajuan sains dan teknologi yang lebih mencabar, kata Pengiran Datin Paduka.



PENGARAH Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyarankan ibu bapa memberikan kerjasama kepada pihak sekolah.

LiveWIRE BRUNEI Program Perniagaan Untuk Belia

LiveWIRE Brunei adalah satu program perniagaan tajaan Syarikat Minyak Brunei Shell, yang ditujukan khas kepada para belia lingkungan umur 18 hingga 30 tahun.

Salah satu tujuan program ini adalah untuk membantu belia yang menyahut cabaran untuk membuka perniagaan sendiri, dengan cara meningkatkan pengetahuan dan membangun keupayaan diri agar dapat berdaya saing.

Dalam hal ini, LiveWIRE Brunei menganjurkan dua jenis kursus seperti berikut:

1. 'Bright Ideas' - bengkel sehari bertujuan untuk membuka minda awda tentang hal-ehwal perniagaan.
2. 'Become A Successful Owner Manager' - kursus enam hari yang memperkenalkan kemahiran-kemahiran yang perlu untuk berjaya dalam bidang perniagaan.

Kursus-kursus di atas akan diadakan beberapa kali setiap bulan dan diberikan secara percuma.

Belia yang berminat untuk menghadiri kursus-kursus tersebut bolehlah melaporkan diri di Pejabat LiveWIRE Brunei, atau melalui telefon, faks, e-mel atau laman web.

LiveWIRE Brunei

Tingkat 6, Bangunan BSM, 36-37 Jalan Sultan

Bandar Seri Begawan BS8811, Negara Brunei Darussalam.

Tel : 02-220964 Faks : 02-221728 E-mel : livewire@shell.com.bn

Web: www.livewire-brunei.com.



TAHNAH..... Guru Besar, Penolong Guru Besar dan ketua-ketua pelajar Sekolah Saint Margaret, Seria ketika memotong kek sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-45 sekolah berkenaan. - Gambar ihsan Miri Daily News.

“TOLONGLAH Zati. Kaukan kenal baik dengan dia. Kau pujuklah dia supaya mau jadi model aku. Bukannya syarikat kami tak bayar.” Anuar mula membuka topik tujuannya sebenar mengajakku keluar makan tengah hari itu.

“Nuar, ni dah kali ketiga kita bincangkan topik yang sama. Kau nak Elin menjadi model minyak wangi jenama terbaru syarikat kamu. Aku lebih dari faham dah. Aku dah bilang pada dia, tapi dia menolak. Aku nak buat macam mana lagi Nuar,” balasku hendak tak hendak sambil menyuap sup ketam campur telur kegemaranku itu.

“Mungkin kau tak berusaha sungguh-sungguh memujuknya. Kalau nak ke tidak tolong aku ni, Zati?” Dari nada cakapnya, seperti Anuar menuduhku tidak menyampaikannya pada Elin.

“Kalau kau tak percayakan aku, kau telefonlah dia sendiri. Kau tau dia bekerja di mana, kau cari nombor dia sendiri. Aku tak nak pecah amanah.” Aku bangun berdiri meninggalkan Anuar sendirian, biar dia yang membayar makanan tu semua.

Anuar adalah temanku sejak kecil. Selepas menamatkan pengajian bersama-sama di luar negeri, aku meneruskan karierku sebagai pelukis dan Anuar sebagai jurugambar. Dan kali ini Anuar ditugaskan untuk mencari seorang model iklan untuk minyak wangi jenama baru syarikatnya. Dan pilihannya jatuh pada seorang model terkenal, Elin.

Aku mengenal Elin waktu teman lelakiku yang dua kali ganda lebih tua umurnya itu menyuruhku melukis self-portrait Elin. Sejak itu perhubungan kami semakin rapat, entah apa yang ada padaku yang menyebabkan gadis sofistikated sepertinya menyukaiku. Padahal cara hidup kami memang berbeza. Hidupnya dikelilingi oleh lelaki-lelaki kacau, kaya dan ternama. Sedangkan aku, aku hanya ada kanvas lukisanku, dua anak kucing dan seorang sahabat baik yang kusanjungi dalam diam, Anuar.

“Sukses. Zati. Akhirnya dia setuju untuk menjadi model syarikat kami,” Anuar menelefonku sebelum aku keluar makan tengah hari.

“Baguslah. Congrats.” Balasku acuh tak acuh.

“Aku tau kau yang tolong pujuk dia kan. Terima kasihlah. Ni aku call ni nak belanja kau makanlah ni. Okey? Sebab mulai besok kami akan mulakan penggambaran. So, tentu tak ada masa lagilah.”

“Nak rasuah aku ke ni?” Usikku pada Anuar sebelum bersetuju menerimanya ajakannya.

Aku memang suka keluar dengan Anuar. Mudah menjadi teman berbincang. Teman berhibur. Apapun akan kami bicarakan, dari tajuk sekolah rendah ke pengajian tinggi, dari hal anak kucingku hingga ke politik dunia yang sedang bergolak. Tapi cuma satu yang tidak pernah mungkin akan kubicarakan padanya, tentang hatiku, tentang perasaanku, tentang aku yang menghantar hadiah-hadiah waktu kami di bangku sekolah, tentang kad-kad rahsia yang kukirimkan padanya. Anuar tidak boleh tahu itu, malu jika rahsia itu diketahuinya

kerana dia tidak pernah pun memperhatikan aku sebagai teman istimewa. Pada Anuar, aku hanya Izati. Teman permainan yang sama-sama mandi di sungai, teman seperjuangan yang sama-sama berjuang memperoleh segulung ijazah, teman yang menemaninya berbicara di saat dia kesunyian, mungkin tidak lebih dari itu.

“Dah lama tak dengar berita you. Sibuk ke?” terdengar suara halus Elin dari corong telefon.

“Aah. Ada projek nak buat pameran solo. Tapi so far, aku belum banyak dapat sponsor. Macam mana, ada tak kira-kiranya orang nak sponsor pameran aku tu?” Kataku meminta secara berkias.

Semekar Hatimu Selayu Kasihku



“Nantilah I tanya abang dulu. Kalau ada rezeki you, adalah tu. Okey?”

“Alright,” balasku ringkas. “Apahal you telefon aku ni?”

“Dah lama tak dengar berita you. By the way, you ada apa-apa ke dengan Anuar, fotografer I tu? I takut you patah hati nanti kalau I terima dia.”

Berdegup jantungku mendengarnya. Anuar dah jatuh hati pada Elin. Memang aku sudah menduga.

“Kenapa you diam Zati. Kalau memang you ada apa-apa dengan dia I tak akan kacau dia. Tapi kalau you’re just friends, tak apalah kan?”

“Dia best friend yang terbaik pernah kutemui Elin. Aku harap kau takkan kecewakan hati dia,” balas-

ku menahan sebak di dada.

“Itu I tak janji Zati. You tahulah sikap I dalam berkawan ni kan. Okey, see you around.” Balasnya riang.

Apa yang kau harapkan dari Anuar? Aku bercakap dengan bayangku sendiri di dalam cermin. Haruskah aku berterus terang pada Anuar tentang sikap Elin yang suka bertukar pasangan? Bolehkah Anuar percaya kalau aku katakan Elin mempunyai kekasih yang sebaya umur dengan ayahku? Tentu dia tidak akan mendengarku.

“Nuar, dah lama tak nampak. Aku ada hal nak cakuplah. Kau dah fikir secara seriuskah tentang Elin, Nuar?” Aku menarik Anuar ke satu sudut waktu dia asyik menyaksikan pameran soloku.

“Aku tahu apa yang aku

buat Zati. Aku tau siapa Elin sebenarnya tapi aku yakin aku akan dapat mengubah sikapnya. Aku serius untuk mengambilnya menjadi isteri.”

Jantungku seperti mahu berhenti berdenyut seketika. Aku sengaja menolehkan mukaku agar perubahan di wajahku tidak ketara.

“Well, kalau itu keputusanmu aku dah tak boleh cakap apa-apa lagi. Aku hanya tidak ingin kau dikecewakan dan dipermainkan. Kerana aku tau kau seorang lelaki yang terlalu baik.” Anuar menggenggam tanganku tanda memahami kekhuatiranku walaupun dia tidak mengerti apa yang bermain di hatiku.

“Hei Syafik. Tadi kau yang beria-ia nak ajak aku ke mari. Hah, kenalkanlah inilah dia pelukis yang kau minat sangat-sangat tu,

Izati. Banyak lukisan kau yang dah jadi koleksinya.” Anuar menegur seorang lelaki yang berpakaian segak, mungkin juga cuba mengelak agar aku tidak bercerita panjang tentang Elin.

Aku bersalaman dengan Syafik. Berbalas senyum. Memerah mukaku, malu juga bila direnung dua mata tajamnya dengan begitu lama.

“Hei, dahlah bersalaman tu.” Kedengaran suara Anuar, rupanya tangan kami masih bertaut. “Zati, kau hati-hati sikit. Syafik ni bachelor of the year ni. Jangan jatuh hati pulak.”

“Ha ... pandailah kau buat cerita tu Nuar.” ujar Syafik mengerling mata pada Anuar.

Mulai saat itu, aku mula kenal rapat dengan Syafik. Kerana Anuar tidak pernah punya masa untuk keluar denganku. Mungkin ini lebih baik, hatiku mengambil keputusan, Anuar tidak mungkin akan memilihku dan mungkin dia memang bukan jodohku. Sedikit demi sedikit aku mulai akur dan belajar untuk melupakannya walaupun ada waktunya aku teramat merindunya. Kasih sayang yang ditunjukkan Syafik juga mengubat luka hatiku.

Syafik, dari cerita yang pernah kudengar adalah seorang playboy, suka bertukar pasangan, suka berfoya-foya. Tapi aku hairan apa yang kudengar tidak sama dengan apa yang aku alami. Memang dia seorang yang romantis, penyayang, terlalu mengambil berat hingga kadang-kadang aku rimas kerana selama ini tidak pernah ada orang yang penuh perhatian padaku.

Syafik juga yang sering menemaniku makan malam jika sesekali aku ingin keluar makan di restoran. Tapi pada malam itu sungguh berlainan sekali. Dia sungguh-sungguh memintaku untuk memakai kebaya berwarna keemasan yang dibelikannya. Dan sanggup dia memanggil

ANUAR, adalah temanku sejak kecil. Selepas menamatkan pengajian bersama-sama di luar negeri, aku meneruskan karierku sebagai pelukis dan Anuar sebagai jurugambar. Dan kali ini Anuar ditugaskan untuk mencari seorang model iklan untuk minyak wangi jenama baru syarikatnya. Dan pilihannya jatuh pada seorang model terkenal, Elin.

PUISI PUISI PUISI PUISI

WIRA

*Hari yang ditunggu
menjelang tiba
gilang-gemilang
3 Julai, 1999
di lembah hijau.*

*Engkau dididik
menjadi lebih dewasa
meyakinkan diri
yang berwibawa
dan tahan uji
persaingan.*

*Karena pelbagai rupa
di sana sini
tiada engkau hiraukan
ejek giat manusia
dan kau buru
dengan sabar.*

*Engkaulah wira
berhati waja
yang kental.*

*Wajah-wajah manusia
berhati iblis
yang jalang
dan temberang
musnah punah.*

*Kini engkau wira perkasa
di puncak menara
dan terlerai
kepuasan.*

PERHENTIAN

*Perjalanan malam yang panjang
saujana mata memandang
hembusan angin ke hujung jalan
mengirimkan desir dan lautan cemas
kepada dedaun dan pepohon.*

*Perjalanan malam semakin mendekati
ke hujung jalan-Nya
perhentian
dan engkau akan ditanya
ladangmu semasa hayat.*

TIDUR

*Engkau alpa ketiduran
tilam empuk
bilik sejuk
mahligai kaca.*

*Malam ini sejuk,
engkau terus lena
kau enak berdekur
tidurlah seelok perlu
tetapi esok kerja menunggu
yang dipertanggungjawab.*

*Tidurlah engkau senyenyak perlu
bersama mimpi-mimpi perlu
yang menyeronokkan.*

*Dan sebelum berakhirnya pagi
mimpi yang ngeri.*

Mahadi R. S.

DI SINI AKU BERHENTI

*Dahulu
aku yang teratas
setiap perjalanan
aku di hadapan setiap pertarungan
akulah pemenang
aku yang mendahului*

*Aku yang memulai
bersemangat waja
berazam teguh
bercita-cita tinggi.*

*Kini
cuma di sini
hanya setakat ini
aku terpaksa berhenti
usia ini
melemahkan jasad ini
mematikan hasrat hati.*

*Aku tak sanggup lagi
biarlah
kunoktahkan pengembaraan ini
biarlah
segalanya kuakhiri
kerana aku impikan
sebuah ketenangan yang abadi
di sini ...*

*Semoga suatu hari
akan muncullah pengganti
yang sudi
meneruskan perjuanganmu ini.*

Aimmie

MAAFKAN AKU KAKAK

*Maafkan aku kakak
keperitan yang kaulalui
kedukaan yang kautempuhi
penderitaan yang kautanggung
semua kauhadap dengan hati
tabah, sabar dan rela.*

*Kau lakukan hanya sekadar berkorban
kau pendam seribu kedukaan
demi mencapai keinginan
kau lakukan sebesar pengorbanan
namun kusambut dengan kekasaran
kuluah kecurigaan
kuberi kebencian tanpa menilai hati
dan budi
tanpa menilai naluri
tanpa menyedari kemurnian jiwa.*

*Maafkan aku kakak
maafkan segala kesalahan yang
kulahirkan
dosaku begitu besar hingga tak
terampun
kecuali kemusnahan dirinya yang keji
namun keputusan tetap tidak kaurestui
maafkanlah keterlaluhan yang
kulemparkan padamu, kakaku.*

Dk. Nuurul Azadah Ehsan PHAB

LALAI

*Waktu berlari
kutinggalkan dengan noda
masa berlalu
kuhabiskan dengan dosa.*

*Aku lupa siapa aku
aku lalai dengan pakaian
harta
pangkat
nama
dan wanita
semuanya membuat aku fana
lalu aku bertanya
aku di mana?*

Adi Wijaya

Dari muka 12

seorang pendandan untuk mendandaniku. Entah apa mahunya lelaki yang sering membuat aku rasa dihargai ini.

Selesai kami menikmati hidangan makan malam, seorang anak perempuan kecil menghampiriku dan menghulurkan sekuntum bunga ros merah dan sebuah kotak kecil kepadaku. Dalam kehairanan aku membuka kotak kecil yang dihulurkan, aku hampir tidak terlihat apa yang ada dalam kotak itu kerana air matak sudah mulai bergebang di kelopak matak.

"Zati, aku sungguh-sungguh mencintaimu. Sudikah kamu menerimaku sebagai teman hidupmu?"

Aku tidak mampu lagi mengeluarkan kata-kata. Aku harap Syafik memahami perasaanku waktu aku menggugukkan kepala dan menghulurkan tangan padanya.

Tepukan bergema di ruang makan yang indah itu. Aku memerhatikan sekeliling yang tadinya tidak terlalu kuperhatikan.

"Zati, kenalkan ini Rosa, anak buah aku." Katanya memperkenalkan anak perempuan kecil yang menghulurkan bunga dan kotak kecil itu. "Dan itu mak, abah, kakak, abang, adik, mak long, pak ngah dan mak su aku," kata Syafik menunjuk ke meja-meja yang berdekatan dengan kami yang sedari tadi rupanya menjadi penonton setia kami.

"Isy ... Syafik ni buat malu Zatiilah," kataku kecil mencubit lengannya tapi hatiku tertawa bahagia.

Beberapa minggu sebelum hari pernikahanku, aku mendengar berita Anuar kecewa kerana ditinggalkan Elin. Memang itu yang tidak kuinginkan



terjadi apa lagi di saat aku merasakan kebahagiaan, orang yang pernah kucintai itu kini dalam kekecewaan.

"Anuar, masuklah," aku terkejut melihat perubahan Anuar waktu membukakan pintu untuknya.

"Aku sepatutnya mendengar nasihatmu. Elin tidak pernah sungguh-sungguh menyintaiku. Aku hanya seperti boneka mainannya, bila diperlukan aku dipujanya tapi bila tidak dia mencampakkanku begitu saja."

Aku membiarkan Anuar meluahkan segala yang terbuku di hatinya. Hampir setengah jam aku mendengar segala keburukan Elin walaupun hampir lapan puluh peratus sudah pun kuketahui.

"Zati, sebelum aku pulang cuma satu yang ingin aku dengar dari kau."

Aku terkejut melihat Anuar mengeluarkan kad-kad dan surat-surat yang pernah kukirimkan. Anuar pun mungkin nampak perubahan di wajahnya.

"Siapa Balqis yang mengirimkan aku kad-kad dan surat-surat ini? Aku berjumpa Anisa, teman baikmu minggu lalu. Kami bersembang panjang dan dia kira aku telah mengetahuinya. Mengapa kau merahsiakannya dari aku Zati?"

"Aku seorang perempuan Anuar. Apa kau fikir aku akan terus terang

menyatakannya pada kau. Tidak cukupkah perhatianku pada kau selama ini? Tidak sedarkah kau bila aku sanggup meluangkan masa untuk menunaikan permintaanmu walau bagaimana sibuknya aku. Apa lagi yang mampu aku lakukan selain itu, Anuar."

"Tapi kita tidak terlambat untuk memulainya semula bukan. Aku sedar aku merindumu bila kita tidak lagi sering keluar bersama-sama. Dan ada waktunya aku juga rindu mendengar tawamu tapi aku tidak memahami perasaan itu. Kerana kita telah lama bersahabat. Jadi aku tidak tahu menilai antara rasa kasih seorang sahabat dan sayang seorang kekasih. Tapi kita boleh cuba memperbaiki segalanya." Aku menggeleng kepala dan melangkah meninggalkannya menuju ke almari di ruang tamu itu.

"Tidak Anuar, segalanya sudah terlewat." Aku menghulurkan kad jemputan pernikahanku dan Syafik kepadanya.

"Mengapa kau memilihnya Zati. Kau tau dia juga seperti Elin bukan?"

"Kau juga tau siapa Elin dan mengapa kau memilihnya? Kerana kau ingin mengubah sikapnya. Aku percaya Syafik juga boleh berubah dan sudah pun mulai berubah. Kalau tidak cincin ini tidak akan terhias di jari manisku Anuar. Suatu waktu dulu aku pernah menyimpan segudang harapan yang terlalu tinggi agar kau memerhatikanku. Sayangnya, aku berangan-angan terlalu jauh. Menunggu kau membalas perasaanku seperti mencari satu jalan yang tak berpenghujung."

"Zati, aku mencintaimu, tapi aku mengambil masa terlalu lama untuk menyedarinya. Berilah aku peluang sekali lagi, Zati."

"Anuar, maafkan aku. Sayang sekali waktu hatimu sedang mekar, kasihku telah pun layu."

"AKU seorang perempuan Anuar.

**Apa kau fikir aku akan terus terang
menyatakannya pada kau.**

**Tidak cukupkah perhatianku pada kau
selama ini? Tidak sedarkah kau bila aku
sanggup meluangkan masa untuk
menunaikan permintaanmu
walau bagaimana sibuknya aku.
Apa lagi yang mampu aku lakukan
selain itu, Anuar."**



سنتياس برسام بيسيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 16 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : SABER RIDER AND THE STAR SHERIFF
5.00	OLE OLE BRUNEI - SIARAN LANGSUNG
5.30	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
5.45	BERITA
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.34	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SIHAT CERGAS - Ulangan
7.41	AZAN ISYAK
7.46	KELUARGA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	DRAMA CO PRODUCTION: - 'Catatan Misteri'
9.45	PERSPECTIVE PLUS
10.00	NEWS AT 10
10.30	PERSPECTIVE PLUS - Sambungan
10.45	VENGEANCE UNLIMITED - 'Dishonorable Discharge'
11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 17 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/FERDY PLANET VIDEO
5.00	BERITA
5.45	MARI BELAJAR MENGAJI - Ulangan

6.27	AZAN MAGHRIB
6.33	AL-QURAN
6.45	DARI MAHKAMAH KADI

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.39	AZAN ISYAK
7.44	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50	DRAMA: TAKANA JUO KAMPUNG
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10.50	WAYANG PILIHAN - 'Her Own Rules'
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 18 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	MEKAR
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.15	DISCOVER ISLAM: BILAL PHILIPS
12.30	SEMBAHYANG FARUJ JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Lightning In A Bottle'
3.40	AZAN ASAR
3.45	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON: DEFENDER OF UNIVERSE/SANG WIRA
5.30	SYIAR MASJID
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID -Sambungan
6.10	UNDERSEA EXPLORER - 'Bermuda, Isle Of Devils'
6.27	AZAN MAGHRIB
6.34	UNDERSEA EXPLORER - Sambungan
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	BEDUDUN
7.41	AZAN ISYAK
7.46	BEDUDUN - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA: OPIS

9.30	WILD RESCUES
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
11.45	TELEDrama - 'Doa'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 19 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/HELLO KITTY'S PARADISE
10.55	LITTLE STAR
11.20	BEDUDUN - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	BEDUDUN - Sambungan
12.00	THE EDGE - 'Building The Future'
12.18	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: Kreativiti - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU: - 'Shiloh 2: Shiloh Season'
2.40	KAMPUNG KITA - Ulangan
3.10	SPECIAL OPS FORCE - 'Wildcat'
3.40	AZAN ASAR
3.45	DOKUMENTARI - 'Finite Oceans'
4.45	ANIMATION HOUR: GROUNDLING MARSH POWERPUFF GIRL
5.45	BERITA
6.00	DRAMA RTB : OPIS - Ulangan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.35	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	KLINIK KITA
7.41	AZAN ISYAK
7.46	KLINIK KITA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	VARIASENI
9.50	TAYANGAN GAMBAR - 'Dead Evidence'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 20 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN

6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	TINDULANG BERSAMA CHEF WAN
10.40	FROOTERS
11.10	KLIKI KLIKI KLIKI
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Pickwick Paper'
12.18	AZAN ZUHUR
12.25	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30	BLUE VELVET IN SINAI - 'The First Slips'
3.25	VISI REMAJA
3.41	AZAN ASAR
3.46	VISI REMAJA - Sambungan
4.05	DOKUMENTARI - 'Tambora Sloops'
4.35	SHEEP IN THE BIG CITY
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.28	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN

MALAM

7.00	BRUNEI SIOK
7.42	AZAN ISYAK
7.47	BRUNEI SIOK - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Gerhana'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	BOLA SEPAK PUSINGAN KELAYAKAN PIALA DUNIA 2001 KUMPULAN 8 ASIA - 'India Iwn Negara Brunei Darussalam' - (Siaran tertunda)
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 21 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: C.O.P.S/LITTLE BEAR

5.15	TRAP TRIP - Ulangan
5.30	TOO EXTREME - Siri Baru
5.45	BERITA
5.55	TOO EXTREME - Sambungan
6.28	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN
6.45	THAHARAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	MIND, BODY & SPIRIT - Sambungan
7.42	AZAN ISYAK
7.47	MIND, BODY & SPIRIT - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO-PRODUCTION: SITI AYU
9.30	IRAMA GENDANG
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 22 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DRAGON TALES/YOCKIES
5.00	WILD DISCOVERY - 'Return Of The Caribou'
5.45	BERITA
5.55	WILD DISCOVERY - Sambungan
6.00	DRAMA CO PRODUCTION: AZAM - Ulangan
6.28	AZAN MAGHRIB
6.33	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Voice'
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN: KESIHATAN UNTUK SEMUA
7.42	AZAN ISYAK
7.47	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	KAMPUNG KITA
9.25	E.R - 'Point Of Origin'
10.00	NEWS AT 10
10.30	E.R - Sambungan
10.45	HARSH REALM - 'Camera Obscura'
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SEMINAR BAHAN RUJUKAN ISLAM NUSANTARA

JABATAN Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara pada 3 hingga 8 Ogos, 2001 sempena Ekspo Islam Antarabangsa 1 (1 hingga 12 Ogos, 2001) bertempat di bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan.

TEMA : 'KE ARAH MEMELIHARA KHAZANAH ILMU ISLAM'

PENYERTAAN

Sekretariat Seminar menjemput/mengundang para ulama, sarjana, ahli akademik, pegawai kerajaan, siswa-siswi dan orang perseorangan untuk menyertai seminar sebagai peserta. Penyertaan terhad kepada 200 orang sahaja.

BAYARAN PENDAFTARAN PESERTA

* Pelajar BND \$35.00 seorang. * Bukan pelajar BND \$70.00 seorang.

Bayaran boleh dibuat melalui draf bank/wang pos berpalang/cek atas nama International Islamic Expo Fund. Pihak Sekretariat tidak menerima wang tunai (Ringgit Brunei) pada sesi pendaftaran (untuk peserta luar negeri).

PENGINAPAN

Pihak Sekretariat Seminar akan menyediakan penginapan bagi pembentang kertas kerja sahaja, bagi peserta seminar adalah atas tanggungjawab sendiri. Walau bagaimanapun Sekretariat Seminar boleh menguruskan tempahan jika diperlukan.

TARIKH TUTUP

Tarikh terakhir penerimaan borang penyertaan ialah 30 Mei, 2001, dan sila sertakan 2 keping gambar berukuran pasport.

MAKLUMAT LANJUT

Sekretariat,
Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Tingkat 3, Bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama,
Bandar Seri Begawan, BS 8510,
Negara Brunei Darussalam.

Tel : (673-2) 235121, 224955, 224956

Faks : (673 - 2) 235120

E-mail : Mufti @brunet.bn/Fatwa @ brunet.bn. Islamicexpo.com



PENGARAH Institut Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Malai Haji Ali menjelaskan IPA akan melaksanakan strategi perubahan cara Islam bagi memulihkan keberkesanan perkhidmatan awam. - Gambar oleh Amat HM.

GADONG, 3 Mei. - Dalam usaha untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan awam di alf baru ini, Institut Perkhidmatan Awam akan melaksanakan strategi perubahan cara Islam bagi memulihkan keberkesanan perkhidmatan awam di negara ini sejajar dengan falsafah 'Melayu Islam Beraja'.

Pengarah institut berkenaan, Dato Paduka Malai Haji Ali berkata, bagi melaksanakan strategi berkenaan, satu konvensyen akan diadakan penghujung September depan dengan tema 'Islamic Change Strategy Adopted For Civil Service Reform'.

Dalam kenyataan akhbarnya di Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Pentadbir Kanan mengenai Program Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) itu, Dato Paduka menjelaskan strategi berkenaan antaranya akan memberikan penekanan terhadap melahirkan insan berkualiti, melatih satu rakan pimpinan

Perkhidmatan awam perlukan : STRATEGI PERUBAHAN CARA ISLAM

Oleh Siti Muslihat HS

serta menjana ke arah kecemerlangan Islam.

Program itu juga memfokus terhadap beberapa perkara termasuk unsur-unsur pengurusan berkualiti, penumpuan kepada kepentingan pelanggan dan pulangan jangka panjang seperti yang digariskan dalam 'Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21'.

Dengan adanya program tersebut, adalah diharapkan seramai 500 orang pegawai kanan termasuk ketua-ketua jabatan akan dilatih pada penghujung tahun ini untuk menubuhkan ahli-ahli pasukan tindakan iaitu satu kumpulan pasukan yang mirip kepada rakan pemimpin yang pernah ditubuhkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam waktu yang sama adalah dijangkakan sejumlah 10,000 pegawai kerajaan akan menjalani kaunseling dan peningkatan kerja yang meliputi modul-modul seperti 'Taubat, Tazkiah dan Tawakal'.

Kepimpinan di Negara Brunei Darussalam, menurut Dato Paduka, telah mengamalkan dan memperkenalkan inovasi dan pembaharuan dalam pentadbiran awam. Corak pentadbiran

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tambahnya contoh pentadbiran yang mempunyai banyak persamaan dengan corak pentadbiran yang dilakukan oleh Khalifah Islam kedua iaitu Sayidina Umar Al-Khattab.

Perjumpaan dihadiri oleh lebih 20 orang Pegawai Pentadbir Kanan daripada pelbagai

kementerian dan jabatan telah diadakan di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Antara objektif perjumpaan ialah untuk membincangkan agenda dan program-program Konvensyen Kebangsaan KKC serta membincangkan persediaan-persediaan dan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang menjurus kepada Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan.



PEGAWAI-PEGAWAI Pentadbir Kanan yang menyertai Program Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba. - Gambar oleh Amat HM.

Rangka kerja bagi menangani isu sosial



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyampaikan Surat Rumah Serbaguna Persatuan Warga Emas kepada Yang Dipertua persatuan berkenaan, Awang Haji Salleh bin Haji Samad.

KUALA BELAIT, 29 April. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani berharap, Persatuan Warga Emas akan dapat merangka program kerja bagi menangani isu sosial.

Pegawai Daerah menyatakan antara punca isu sosial itu berlaku ialah keretakan rumah tangga yang mengakibatkan perceraian melibatkan wanita berusia antara 45 ke 50 tahun yang diabaikan oleh suami mereka tanpa memberi nafkah dan tempat tinggal.

Kata Dato Paduka, apabila perkara sedemikian terjadi, anak-anak mereka akan menjadi mangsa, terbiar tanpa pengawasan dan ketandusan kasih sayang kedua-dua ibu bapa, mereka dengan mudah terpengaruh kepada perkara yang negatif dan dipergunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab bagi kegiatan penyalahgunaan dadah, pelacuran dan sebagainya.

Dato Paduka menyatakan, berlakunya perceraian disebabkan oleh suatu perkara yang remeh dan ketidakserasian suami isteri. Beliau berucap di Majlis Penyerahan Surat Rumah Serbaguna Persatuan Warga Emas.

Dato Paduka juga menyentuh mengenai budaya meminta bantuan yang perlu dikikis dalam masyarakat Melayu, apatah lagi mereka itu

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

terdiri daripada golongan yang masih sihat, muda dan tidak kurang ada yang mempunyai modal tanah yang boleh diusahakan.

Schubungan dengan itu, Dato Paduka berharap semua ahli persatuan berkenaan supaya menanamkan kesedaran bahawa masih ada ruang bagi mereka berusaha dan umur tidak menjadi penghalang, cuma yang menjadi masalah beberapa pihak dalam masyarakat yang masih muda di bawah usia 50-an minta bantuan subsidi.

Dari itu, Dato Paduka menyarankan ahli persatuan berkenaan agar menjadi warga contoh kepada warga muda dengan mencari jalan untuk mengubah mereka yang mempunyai budaya meminta-minta tanpa melakukan sebarang usaha menggunakan tulang empat kerat mereka.

Dato Paduka juga menyarankan ahli persatuan berkenaan supaya berusaha mengadakan pelbagai projek berunsur kepentingan dunia dan akhirat di rumah berkenaan.

Persatuan berkenaan ditubuhkan bulan Mei 1999 bagi membantu pihak kerajaan dalam pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam.



TAHUN 46

BILANGAN 20

RABU 16 MEI, 2001

1422, 22 رابو صفر، 1422

PERCUMA

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa jualan lelong kenderaan akan diadakan pada **hari Isnin 28 Mei, 2001** jam 9.00 pagi bertempat di Pool Transport, Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Lelong ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari kawasan perlelongan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula.
4. Penender atau pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang cagaran (deposit) sebanyak 20 peratus daripada harga tawaran semasa jualan lelong dijalankan.

Keterangan kenderaan yang hendak dilelong adalah seperti di bawah :
Tarikh lelong : Isnin 28 Mei, 2001 jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Pool Transport, Lapangan Terbang Lama, Berakas.
Tarikh untuk melihat (viewing) : Khamis 24 Mei, 2001 bertempat di Bahagian Pool Transport, Lapangan Terbang Lama, Berakas jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.

SENARAI KENDERAAN YANG AKAN DILELONG

Bil	BG No	Jenis Kenderaan	Tempat
1	2774	Station Wagon	Pool
2	2088	Station Wagon	Pool
3	3296	Saloon	Pool
4	2704	Saloon	Pool
5	4355	Saloon	Pool
6	1983	Saloon	Pool
7	2583	Saloon	Pool
8	2449	Saloon	Pool
9	2451	Saloon	Pool
10	2453	Saloon	Pool
11	2428	Saloon	Pool
12	2041	Saloon	Pool
13	2525	Saloon	Pool
14	2032	Saloon	Pool
15	2452	Saloon	Pool
16	2045	Saloon	Pool
17	4574	Saloon	Pool
18	15	Saloon	Pool
19	16	Saloon	Pool
20	1766	Saloon	Pool
21	2025	Saloon	Pool
22	2026	Saloon	Pool
23	2030	Saloon	Pool
24	2039	Saloon	Pool
25	2040	Saloon	Pool
26	2043	Saloon	Pool
27	2044	Saloon	Pool
28	2081	Saloon	Pool
29	2090	Station Wagon	Pool
30	2392	Saloon	Pool
31	2393	Saloon	Pool
32	2394	Saloon	Pool
33	2395	Saloon	Pool
34	2396	Saloon	Pool
35	2397	Saloon	Pool
36	2398	Saloon	Pool
37	2400	Saloon	Pool
38	2401	Saloon	Pool
39	2411	Saloon	Pool
40	2415	Saloon	Pool
41	2430	Saloon	Pool
42	2448	Saloon	Pool
43	2450	Saloon	Pool
44	2521	Saloon	Pool
45	2522	Saloon	Pool
46	2523	Saloon	Pool
47	C.1	Saloon	Pool
48	F.1	Saloon	Pool
49	H.1	Saloon	Pool
50	M.1	Saloon	Pool
51	M.2	Saloon	Pool

**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JPA/APM 2001/02

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut : Tawaran Bagi Menjalankan Urusniaga 'Cyber Web Cafe' Dewan Perpisahan, Kawasan Satelit, Di kompleks Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis dengan TAWARAN BAGI MENJALANKAN URUSNIAGA 'CYBER WEB CAFE' DEWAN PERPISAHAN, KAWASAN SATELIT, DI KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI. Bilangan Tawaran : JPA/APM 2001/02 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 11 Jun, 2001.
4. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada hari Sabtu 9 Jun, 2001 jam 9.00 pagi. Semua wakil syarikat adalah diminta berkumpul di Pejabat Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
5. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Pejabat Pengarah Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat (Isnin - Khamis dan Sabtu) dengan bayaran dokumen sebanyak \$25.00 (tidak dikembalikan).
6. Penerangan yang lebih lanjut bolehlah didapati dari Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang melalui telefon 330142 atau 332337 sambungan 1334.

**JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI****PEPERIKSAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI (BAS) DAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN (B2/B2 EB. 3)**

JABATAN Perkhidmatan Awam memaklumkan mengenai dengan peperiksaan Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) dan Pegawai Kanan Kerajaan (B2/B2 EB. 3).

Berikut ialah senarai tarikh, jam dan subjek bagi peperiksaan tersebut :

Bil	Tarikh dan Jam	Subjek
i)	Hari Jumaat 15 Jun, 2001 jam 8.30 pagi - 10.30 pagi.	- Perintah-perintah Am 1961 dan Peraturan-peraturan Perkhidmatan.
ii)	Hari Ahad 17 Jun, 2001 jam 8.30 pagi - 10.30 p. agi	- Peraturan-peraturan Kewangan
iii)	Hari Jumaat 22 Jun, 2001 jam 8.30 pagi - 10.30 pagi	- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution of Brunei Darussalam).
iv)	Hari Ahad 24 Jun, 2001 jam 8.30 pagi - 10.30 pagi	- Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam (General Laws).

**JABATAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/065/2001 : Tajuk Kerja : SUPPLY AND DELIVERY OF GAS TURBINE CELL TYPE MS300 ALCAD BATTERY SPARES.

Tarikh tutup : 11 Jun, 2001 hari Isnin jam 2.00 petang.
Harga Tawaran : \$100.00. Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).
Tempat tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori 6(f), 6(g) dalam kelas II, III, IV, V, VI.

Dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : JPA/AME 2001/LTN-03

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN sebut harga dipelawa bagi membekal The Provision, Acceptance, Testing, Commissioning Of And Training On An Airport Runway Suction Sweeper.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan TAWARAN BAGI 'THE PROVISION, ACCEPTANCE, TESTING, COMMISSIONING OF AND TRAINING ON AN AIRPORT RUNWAY SUCTION SWEEPER'. Bilangan Tawaran : JPA/AME/2001/LTN-03. Tarikh tutup 5 Jun, 2001 di hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat pada hari Selasa 5 Jun, 2001 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak \$50.00 (tidak dikembalikan). Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengurusan Landasan, Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang, Negara Brunei Darussalam. Telefon : 02-330142 sambungan 1376/1342. Teleks : BU 2267. Faks : 02-332050.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : (18)BKN/S/65/95 J.5

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat/pemborong berdaftar untuk pemeliharaan landskap bagi cawangan Pejabat Biro Kawalan Narkotik di Daerah Belait. Kerja-kerja yang diperlukan ialah merangka landskap yang bersesuaian dan seterusnya membekalkan dan mengganti pokok-pokok tanaman dan bunga-bunga yang rosak atau mati serta membubuh baja bila diperlukan. Penempatan seorang pekerja secara sepenuh masa bagi pemeliharaan landskap yang berkaitan dalam jangka masa yang bersesuaian juga diperlukan.

1. Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pengerusi Jawatankuasa Tawaran seperti yang disebutkan di bawah tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 4 Jun, 2001.
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut diatas tidak akan dilayan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.
4. Dokumen tawaran bolehlah didapati dari Cawangan Pentadbiran, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Tungku, Gadong.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
6. Tawaran hendaklah menyertakan lukisan cadangan landskap berserta tanaman yang akan digunakan dalam landskap tersebut.
7. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran berkenaan, tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada Pengerusi Jawatankuasa Tawaran, Cawangan Pentadbiran, Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku Gadong, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/AT/2001/02

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi 'The Supply, Install & Commissioning Of Batteries For The Standby Power To The Navigational & Communications Equipment At Remote Stations, Brunei International Airport'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan TAWARAN BAGI THE SUPPLY, INSTALL & COMMISSIONING OF BATTERIES FOR THE STANDBY POWER TO THE NAVIGATIONAL & COMMUNICATIONS EQUIPMENT AT REMOTE STATIONS, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT. Bilangan Tawaran : JPA/AT/2001/02. Tarikh tutup 28 Mei, 2001 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 28 Mei, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Kewangan, Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Bandar Seri Begawan BB 2513, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran yuran sebanyak \$50.00 (tidak dikembalikan).
5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam. Telefon : (02) 330142 sambungan 1010, Teleks : BU 2287. Faks : (02) 333666/331706.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JL/6/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari limbungan kapal kategori MEA kelas 2 atau 3 bagi 'DOCKING AND REPAIR OF TANJUNG KERAMAT'.
2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh didapati dengan bayaran yuran dokumen \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
3. Tarikh tutup tawaran 21 Mei, 2001 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JL/7/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari limbungan kapal kategori MEA kelas 2 atau 3 bagi 'DOCKING AND REPAIR OF TANJUNG BAKARANG'.
2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh didapati dengan bayaran yuran dokumen \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
3. Tarikh tutup tawaran 21 Mei, 2001 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : 8/2001 (S)

PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI KEMPEN PENGGOBREKKAN DI LAUT DALAM

KERJA-KERJA pengorekan di laut dalam akan dimulakan pada 10 Mei, 2001 dan dijangka selesai pada 31 Ogos, 2001. Pengorekan tersebut dijalankan tiga buah lokasi, SUIT, BILIS dan PUNGGUK seperti berikut :

TELAGA : SUIT - Koordinat - 05 darjah 32' 39.3" Garis Lintang (U); 114 degree 09' 36.3" Garis Bujur (T).

TELAGA : BILIS - Koordinat - 05 darjah 29' 21.9" Garis Lintang (U); 114 degree 12' 23.4" Garis Bujur (T).

TELAGA : PUNGGUK - Koordinat - 05 darjah 18' 12.3" Garis Lintang (U); 113 degree 57' 29.1" Garis Bujur (T).

Semua kapal diminta untuk menjauhi lokasi-lokasi berkenaan di sepanjang tempoh tersebut. Pemberitahuan ini akan mansuh pada 1 Julai, 2001.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO : 241/2000

IRB FINANCE BERHAD ... Pemilutang/Pemetyisyen
DAN
HUSNAH BINTI JAIS (BYIC NO. 007620) ... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 Februari, 2001. Nama dan alamat terakhir diketahui : Husnah binti Jais, No. 179, Kampong Terunjing Baru, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 20 Disember, 2001.
 - b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi dengan sebarang segera yang boleh.
 - c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh yang bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerimaan Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 25 April, 2001.
- DK HAJAH HANANI PG HAJI METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerimaan Rasmi



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SC/ST/011/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom, Simpang 815, Jalan Bengkurong Masin, Sinarubal, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut :

Keterangan barang :

TELECOMMUNICATION CABLES

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN
"TELECOMMUNICATION CABLES"
JTB/SC/ST/011/2001

- Tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 28 Mei, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Perjumpaan mengenal dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 24 Mei, 2001 jam 9.00 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubal.
 4. Dokumen-dokumen tawaran berharga \$200.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510.
 5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3010 : ANTI HIJACK VEHICLE.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3011 : MECHANICAL HANDLING MACHINE.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3012 : VAN UTILITY.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3013 : PICK UP TRUCK.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3014 : TRAILER 3/4 TON.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3015 : FIRE VEHICLE.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3017 : TRAILER WATER 200 GLNS.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 28 Mei, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 28 Mei, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.
- a) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' dan 'Tender Deposit' hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
 - c) Wang bayaran tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
 - d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
 - e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapat. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-Syarat Tawaran :

- 1) Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akau, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
 - a) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/21/2001 hingga KK/26/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin 28 Mei, 2001.
 - b) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/TK/49/2001 hingga KK/TK/56/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin 28 Mei, 2001.
- 3) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 4) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.
- 5) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 6) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
Sijil Pemagaan Yang Masih Sah laku

TAWARAN BIASA

Bilangan Tawaran : KK/21/2001 - SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION & COMMISSIONING ONE LOT OF GENERAL PURPOSE RADIOGRAPHY UNIT (PACS COMPATIBLE) INCLUDING REMOVAL OF OLD X-RAY EQUIPMENT AT ROOM NO. 1, X-RAY DEPT., RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/22/2001 - FIVE YEARS TERM COOLING TOWER AND BOILER WATER TREATMENT AT RIPAS HOSPITAL. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$300.00.

Bilangan Tawaran : KK/23/2001 - TWO YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF LIFT (MITSUBISHI) AT ROYAL SUITE, MEDICAL RECORDS RIPAS HOSPITAL AND MINISTRY OF HEALTH BUILDING. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/24/2001 - TWO YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF LIFT (OTIS) AT BANDAR SERI BEGAWAN HEALTH CENTRE, JALAN ONG SUM PING. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/25/2001 - TWO YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF LIFT (LG) AT OPD EXTENSION BUILDING RIPAS HOSPITAL AND RIMBA DIALYSIS CENTRE AT KAMPONG RIMBA. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/26/2001 - TWO YEARS MAINTENANCE CONTRACT FOR INCINERATOR AT RIPAS HOSPITAL. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$200.00.

TAWARAN KECIL

Bilangan Tawaran : KK/TK/49/2001 - TO SUPPLY & DELIVER LAPAROSCOPIC SURGERY EQUIPMENT FOR OBS & GYNAE DEPT., RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/50/2001 - TO SUPPLY, DELIVER & TEST ONE TWIN AND 8 SINGLE FEATURES OF CARDIOTOCOGRAPH MACHINES FOR OBS & GYNAE DEPT., RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/51/2001 - TO SUPPLY, DELIVER & TEST ONE UNIT OF ULTRASOUND MACHINE & ACCESSORIES FOR OBS & GYNAE DEPT., RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/52/2001 - TO SUPPLY & DELIVER ONE UNIT OF MEDTRONIC ANALYZER LEAD ALAYSIS DEVICE (IN PACKAGE) AND 2 UNITS OF MEDTRONIC EXTERNAL DUAL CHAMBER TEMPORARY PACEMAKER FOR ICU, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/53/2001 - TO SUPPLY, DELIVER & TEST ONE UNIT OF MOBILE X-RAY MACHINE FOR X-RAY DEPT., RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/54/2001 - TO REPAIR THE INCINERATOR PLANT IN PIHM HOSPITAL AT TEMBURONG. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/55/2001 - REPLACEMENT OF MEDICAL LIQUID OXYGEN PIPE AT RIPAS HOSPITAL. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/56/2001 - MENGUBAHSUAI KLINIK-KLINIK DI OPD, RIPAS HOSPITAL. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN & JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$100.00.



DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET BANDAR SERI BEGAWAN DAN KUALA BELAIT

SAMAN BIL. : 1043/2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ... Plaintiff

DAN

AWANG PHILIP SIM KHIOK BOO ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Awang Philip Sim Khioh Boo, alamatnya yang terakhir diketahui ialah di Sim Ling Ent, Unit 12, G/F Bangunan Hajah Nesbah, Bunut, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut 1) sebanyak \$716.60; 2) faedah pada kadar 6 peratus mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3) kos; dan 4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan pada 6 Jun, 2001 jam 9.00 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada hari ini 26 April, 2000.

Muhammed Faisal PDJLD DSP HJ Kefli - Majistret

SAMAN BIL. : 161 TAHUN 2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ... Plaintiff/Pemuitang Penghakiman

DAN

HAJAH ZAMANI BINTI JAMIL ... Defendan/Penghutang Penghakiman

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Hajah Zamani binti JAMIL, D/a Awang Reduan bin JAMIL, JHEU 94, JKR459, Simpang 76-1-10-7, Jalan Setia Di-Raja, Kuala Belait KA 3131, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Plaintiff bagi wang sebanyak \$2,900.12 iaitu jumlah yang terhutang oleh Defendan kepada Plaintiff bagi tunggakan cukai pintu dan kos dan satu perintah telah dibuat bahawa penyaliran bagi memasukkan tindakan tersebut di dalam PELITA BRUNEI hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Kuala Belait, pada 25 Julai, 2001 jam 2.15 petang dan pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada hari ini 3 April, 2001

Muhammed Faisal PDJLD DSP HJ Kefli - Majistret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguacara bagi plaintiff, yang alamat penyampaiannya di Bangunan Undang-Undang, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 101 TAHUN 1998

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BHD ... Pemuitang Penghakiman/ Pemetisyer.

DAN

HAJAH ALINA RAHMAN BINTI HAJI ABD. RAHMAN ... Penghutang Penghakiman/ Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 7 Januari, 1999.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawal Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 6 Jun, 2001 jam 3.00 petang. Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 6 Jun, 2001 jam 3.00 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal yang juga sebab keagagalannya. Bertarikh 26 April, 2001.

OK HAJAH HANANI PG HAJI METUSAIN - Timbalan Pegawal Penerima Rasmi



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN KECIL JDBM/03/05/2001 : TAWARAN PEMELIHARAAN JAMBATAN DAN JETI MUKIM SABA.

TAWARAN KECIL JDBM/04/05/2001 : TAWARAN PEMELIHARAAN JAMBATAN DAN JETI MUKIM PERAMU.

TAWARAN KECIL JDBM/05/05/2001 : TAWARAN PEMELIHARAAN JAMBATAN DAN JETI MUKIM BURONG PINGAI AYER.

TAWARAN KECIL JDBM/06/05/2001 : TAWARAN PEMELIHARAAN JAMBATAN DAN JETI MUKIM SUNGAI KEBUN.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai Sijil Perniagaan yang sah dan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan.
2. Cagaran tawaran sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit) hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada waktu bekerja biasa dan salinan resit cagaran tersebut hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran, dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya dengan menyertakan tuntutan dan resit cagaran asal ke Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis nama dan bilangan tawaran.
4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710 tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 29 Mei, 2001.
5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Pemborong-pemborong yang berhasrat boleh mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di Bahagian Teknikal Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.
7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi dan lain-lain tawaran.



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI
KETUA KAMPONG BUKIT, TUTONG

PENDUDUK-PENDUDUK Kampung Bukit Tutong dan sekitarnya yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menjadi calon bagi mengisiakan kekosongan jawatan Ketua Kampung Bukit dengan syarat-syarat berikut :

1. Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun pada tarikh pencalonannya;
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan slash yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara;
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan;
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian; dan
 - h) Tidak pernah diisytiharkan mufils di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufils telah dibatalkan oleh mahkamah.

2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal EHWal Dalam Negeri.

4. Seorang pencadang dan 2 orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warga negara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah diserahkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong.

5. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

Tanggagaji : C. 1 EB. 2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.

CARA MEMOHON :

Keterangan lanjut dan borang permohonan boleh didapati dari Jabatan Daerah Tutong melalui Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah disahkan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima. Dan borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Tutong (UP : Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung tidak lewat 7 Jun, 2001 (Hari Khamis) jam 2.00 petang.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JKP/15/2001

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas VI kategori 1 dan 5b bagi :
Projek : KAMPONG TANAH JAMBU HOUSING SCHEME EARTHWORKS PHASE 1 (CONTRACT 1A), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Projek No : JKP/15/2001.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis 17 Mei, 2001.

Tarikh buka : 2 Mei, 2001 (Rabu)
Tarikh tutup : 21 Mei, 2001 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat tutup : Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Cagaran tawaran : \$5,000.00, Bayaran Dokumen & Lukisan : \$500.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rap/sealed dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai perincian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
9. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selama mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LT/N/4 (39/1997).
11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/ST/012/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom, Simpang 815, Jalan Bengkurong Masin, Sinarubai, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut :
Keterangan barang :

FRAMES AND COVERS FOR CARRIAGEWAY MANHOLES

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN "FRAMES AND COVERS FOR CARRIAGEWAY MANHOLES" JTB/SO/ST/012/2001

Tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 21 Mei, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Perjumpaan mengenai dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 17 Mei, 2001 jam 9.00 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubai.
4. Dokumen-dokumen tawaran berharga \$100.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperoleh dari Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BS 3510.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa jualan lelong akan diadakan pada hari Khamis 24 Mei, 2001 jam 9.00 pagi bertempat di Kawasan Logistik Depoh, Bolikah Garison. Keterangan benda yang akan dilelong adalah kenderaan MOD, tayar dan lain-lain kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha, Kementerian Pertahanan.

Syarat-syarat lelong bagi pembeli yang berjaya adalah seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli itu tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut;
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperolehan.
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dari Kawasan Perolehan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula.

Butir-butir keterangan benda	Tempat lelong	Tarikh dan masa
Kenderaan MOD, Tayar dan lain-lain kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha	Di Kawasan Logistik Depoh, Bolikah Garison	Hari Khamis 24 Mei, 2001 jam 9.00 pagi



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. PEGAWAI PENERANGAN [BILANGAN KOD: 014 15 902]

[DI JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN ATAU B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2 EB3:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai ijazah Sarjana Muda dalam bidang perhubungan awam/kewartawanan/komunikasi massa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2:

